




**MENSEJAHTERAHKAN RAKYAT  
MENJANA PERTUMBUHAN  
EKONOMI INKLUSIF**



#### **MENSEJAHTERAHKAN RAKYAT, MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI INKLUSIF**

Bulatan-bulatan kecil berwarna jingga mengisi latar gelap, ibarat cahaya yang menyinari kelam; membentuk segi tiga sebagai latar mercu tanda negeri-negeri di wilayah utara; puncaknya lambang kejayaan kewujudan NCER yang menyumbang kepada kemakmuran negara. NCER akan terus menjadi pemangkin kepada kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi inklusif.

# **RASIONAL**

## Kulit Buku

# KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN 2022 

<b>02</b>	Perutusan YAB Perdana Menteri dan Pengerusi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)	<b>31</b>	Meneruskan Agenda Pembangunan Mampan di NCER
<b>06</b>	Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)	<b>36</b>	Peristiwa Penting
<b>08</b>	Pengurusan NCIA	<b>44</b>	Kalendar Aktiviti
<b>10</b>	Ulasan Ketua Eksekutif <i>Mensejahterakan Rakyat, Menjana Pertumbuhan Ekonomi Inklusif</i>	<b>48</b>	NCER di Media
<b>18</b>	Latar Belakang NCER dan NCIA	<b>52</b>	Laporan Kemajuan Pelaburan
<b>20</b>	Struktur Organisasi NCIA	<b>66</b>	Pembangunan Modal Insan di NCER
<b>21</b>	Laporan Tadbir Urus Korporat <i>Membudayakan etika, integriti dan tadbir urus yang baik</i>	<b>108</b>	Laporan Kemajuan Projek Strategik
<b>28</b>	Statistik Terkini NCER	<b>138</b>	Warga Kerja NCIA
<b>29</b>	Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KRI) NCIA bagi Tahun 2022	<b>145</b>	Penyata Kewangan





# PERUTUSAN YAB Perdana Menteri dan Pengerusi

Pihak Berkuasa Pelaksanaan  
Koridor Utara (NCIA)



---

**Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) terus memainkan peranan penting dalam menzahirkan usaha strategik Kerajaan Persekutuan dalam menggalakkan pembangunan ekonomi yang menyeluruh di wilayah ini dan seterusnya menyumbang dalam membantu pemulihan ekonomi negara pasca pandemik**



NCIA mampu memacu pembangunan di wilayah utara sambil memanfaatkan setiap peluang baharu yang muncul sementalahan kebijakan Ekonomi MADANI

**Sejak dilancarkan pada tahun 2007, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) terus memainkan peranan penting dalam menzahirkan usaha strategik Kerajaan Persekutuan dalam menggalakkan pembangunan ekonomi yang menyeluruh di wilayah ini dan seterusnya menyumbang dalam membantu pemulihran ekonomi negara pasca pandemik.**

Tahun 2022 menyaksikan NCIA giat mensejahteraikan tahap hidup rakyat dan menjana pertumbuhan ekonomi yang inklusif bagi memaknai matlamat Kerajaan Persekutuan dalam menarik lebih banyak pelaburan bernilai serta berdampak tinggi yang selaras dengan Dasar Pelaburan Baharu. Malaysia kekal sebagai destinasi yang berdaya saing bagi pelaburan berkualiti dan bernilai tinggi.

Meski berdepan dengan tantangan getir geopolitik dan persekitaran ekonomi dunia yang tidak menentu saat ini, pelaksanaan Pelan Pembangunan Strategik NCER (SDP) 2021-2025 telah membantu wilayah ini mencapai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bernilai RM249.5 bilion bagi tahun 2022.

Selain itu, sebanyak 177,671 peluang pekerjaan baharu telah berjaya diwujudkan dan pendapatan isi rumah median turut meningkat kepada RM4,957 ketimbang RM4,213 pada tahun 2020.

NCER juga telah mencatatkan pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI) berjumlah RM28.4 bilion. Pelaburan-pelaburan ini telah mewujudkan lebih 20,000 peluang pekerjaan baharu.

Projek strategik dan berimpak tinggi seperti Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA) di Perlis, Bandar Getah Kedah (KRC), Taman Teknologi Pulau Pinang (PTP) dan *Silver Valley Technology Park* (SVTP) di Perak dijangka terus menarik pelaburan berkualiti ke NCER bagi memungkinkan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan stabil.

Melangkah ke tahun 2023, NCER akan berdepan dengan peluang, tantangan serta risiko yang berbeda ketimbang sebelum ini. Lantaran itu saya yakin dengan perencanaan sedia ada bahawa NCIA mampu memacu pembangunan di wilayah utara sambil memanfaatkan setiap peluang baharu yang muncul sementalahan kebijakan Ekonomi MADANI yang telah diluncurkan baru-baru ini dijangka mampu meningkatkan daya saing dan tarikan NCER sebagai destinasi pelaburan pilihan. Kebijakan ekonomi itu akan turut merancakkan semula pertumbuhan ekonomi Malaysia serta membawa limpahan hasil bagi membolehkan rakyat menikmati kehidupan yang lebih berkualiti dan terangkum.





Sehubungan itu, bagi menarik lebih banyak FDI dan DDI, Kerajaan antara lain akan memperkuuh agensi galakan pelaburan. Ini termasuk memperkemas fungsi mempromosi serta memudah cara proses yang perlu dilalui oleh pelabur-pelabur.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri NCER atas kerjasama yang diberikan. Kerajaan Persekutuan akan terus komited dalam memastikan kelancaran pelaksanaan pelbagai projek dan program di NCER.

Akhir kata, saya merakam penghargaan buat semua warga NCIA daripada semua lapisan atas dedikasi anda terhadap pembangunan NCER. Terima kasih juga kepada semua pihak berkepentingan atas dukungan berterusan yang sangat bermakna yang telah memungkinkan segala pencapaian sehingga kini.

**ANWAR IBRAHIM**

Perdana Menteri  
8 September 2023



# AHLI PIHAK BERKUASA

PELAKSANAAN  
KORIDOR  
UTARA (NCIA)

**YAB DATO' SERI  
ANWAR BIN IBRAHIM**

Perdana Menteri  
(Pengerusi)



**YAB DATO' SERI  
SAARANI BIN MOHAMAD**

Menteri Besar Perak



**YAB TUAN MOHD  
SHUKRI BIN RAMLI**

Menteri Besar Perlis



**YBHG. TAN SRI  
DATO' SERI MOHD ZUKI  
BIN ALI**

Ketua Setiausaha Negara



**YBHG. TAN SRI DR. IR.  
AHMAD TAJUDDIN BIN ALI**

Wakil Sektor Swasta



**YM TAN SRI TENGKU  
MUHAMMAD TAUFIK  
BIN TENGKU  
KAMADJAJA AZIZ**

Wakil Sektor Swasta



## JAWATANKUASA AUDIT



**YAB DATO' SERI  
DR. AHMAD ZAHID BIN  
HAMIDI**

Timbalan Perdana Menteri

### PENGURUSI

**YM TAN SRI TENGKU MUHAMMAD TAUFIK BIN KAMADJAJA AZIZ**  
Wakil Sektor Swasta

### AHLI

**YBHG. TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN BIN ALI**  
Wakil Sektor Swasta

**YBRS. DR. HAJI MOHD SHAHARIN BIN UMAR**  
Wakil Kementerian Ekonomi

**YBRS. DR. NIK ADI SUKIMAN BIN NIK AHMAD FAUZI**  
Wakil Jabatan Perdana Menteri

**YBRS. EN. PALANI A/L KUMARASAMY**  
Wakil Kementerian Kewangan

**YBRS. EN. KHAIRUL ANUAR ABDULLAH**  
Ketua Audit Dalaman NCIA (Setiausaha)



**YAB DATO' SERI HAJI  
MUHAMMAD SANUSI  
BIN MD. NOR**

Menteri Besar Kedah



**YAB TUAN  
CHOW KON YEOW**

Ketua Menteri Pulau Pinang



**YB TUAN  
MOHD RAFIZI BIN RAMLI**

Menteri Ekonomi



**YBRS. EN. MOHAMAD  
HARIS BIN KADER SULTAN**

Ketua Eksekutif  
(Setiausaha)



# PENGURUSAN

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

ENCIK MOHAMAD HARIS  
BIN KADER SULTAN

Ketua Eksekutif



ENCIK MUHAMMAD  
FAZLULLAH BIN  
ABDUL AZIZ

Pengarah,  
Pelaksanaan Projek



YBHG. DATIN SHAHDEE  
BINTI DATO' AHMAD

Pengarah, Modal Insan/  
Sekretariat, Pejabat  
Ketua Eksekutif



ENCIK MOHD. SHUHAIMI  
BIN MOHD. NOR

Pengurus Besar,  
Risiko



ENCIK ARIFF  
BIN AHMAD

Pemangku Penolong  
Pengurus Besar,  
Komunikasi Korporat



LT. KOL. (B) DR.  
ZULKEFLI BIN ISMAIL

Pemangku Pengurus Besar,  
Perancangan Strategik



**ENCIK HASRI  
BIN A HASAN**

Ketua Pegawai Operasi



**ENCIK ZUHAIRI  
BIN MOHMAD**

Pemangku  
Ketua Pegawai Kewangan/  
Pengarah,  
Perkhidmatan Korporat



**ENCIK ZAINAL AZMAN  
BIN ABU KASIM**

Pemangku Pengarah,  
Pelaburan



**ENCIK ARMIY RAIS BIN  
AHMAD SHARIFUDDIN**

Pengurus Besar,  
Penasihat Undang-undang



**ENCIK KHAIRUL ANUAR  
BIN ABDULLAH**

Pengurus Besar,  
Audit Dalaman



**ENCIK MOHD. YANY  
BIN YUSOFF**

Pengurus Kanan,  
Integriti



# **ULASAN**

## **Ketua Eksekutif**

Mensejahterahkan Rakyat,  
Menjana Pertumbuhan Ekonomi Inklusif

**Pihak Berkuasa Pelaksanaan  
Koridor Utara (NCIA) terus  
memainkan peranan yang  
penting dalam usaha  
mensejahterahkan rakyat dan  
menjana pertumbuhan ekonomi  
inklusif serta mampan di Wilayah  
Ekonomi Koridor Utara (NCER)  
sepanjang tahun 2022**

**NCIA turut komited untuk  
menjadikan NCER sebagai  
wilayah ekonomi dan hab  
teknologi bertaraf dunia untuk  
menarik pelaburan berimpak  
tinggi yang seterusnya  
membentuk wilayah yang  
mampan daripada segi ekonomi,  
rakyat dan alam sekitar.**

### **TINJAUAN**

Saya amat teruja untuk melaporkan pencapaian-pencapaian signifikan NCIA untuk tahun 2022 dan berkongsi perancangan strategik masa depan NCIA untuk terus mencorak pembangunan yang inklusif di NCER.

Cabarannya lalu telah mematangkan NCIA untuk sentiasa beradaptasi dengan perubahan semasa agar setiap perancangannya kekal relevan dan berdaya saing. Usaha ini selaras dengan tema laporan tahunan NCIA tahun ini iaitu Mensejahterahkan Rakyat, Menjana Pertumbuhan Ekonomi Inklusif.

Sepanjang tahun 2022, NCIA telah berpegang teguh kepada pendekatan serampang tiga mata iaitu memacu dan merealisasi pelaburan swasta dari dalam dan luar negara, memperkasakan rakyat melalui program pembangunan modal insan bertumpukan rakyat serta mengutamakan projek strategik melalui pembangunan projek berimpak tinggi.

Pendekatan berkenaan telah membantu NCIA mewujudkan landskap ekonomi yang berdaya saing dan mesra pelaburan di lokasi-lokasi strategik NCER yang secara langsung menjadi pemangkin kepada





“  
**Sepanjang tahun 2022,  
NCIA telah berpegang  
teguh kepada pendekatan  
serampang tiga mata iaitu  
memacu dan merealisasi  
pelaburan swasta dari  
dalam dan luar negara.**  
”

**Mohamad Haris Bin Kader Sultan**  
Ketua Eksekutif NCIA

pertumbuhan ekonomi negeri serta negara melalui pelaburan asing dan domestik serta sosioekonomi rakyat.

Hasilnya, NCIA telah melihat pulangan yang positif daripada segala usaha ini di mana berlakunya peningkatan pelaburan, pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi, penciptaan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi baharu, melahirkan usahawan berdaya maju dan sekali gus membantu meningkatkan taraf hidup rakyat di NCER.

## PERSEKITARAN EKONOMI 2022

NCIA memulakan tahun 2022 dengan cabaran yang tidak menentu seperti ketidakstabilan geopolitik, peningkatan inflasi pasca pandemik dan kelembapan ekonomi dunia, namun NCIA bersedia menanganinya menerusi perancangan yang mantap dan mampan.

Dunia dikejutkan dengan pencerobohan Rusia ke atas Ukraine sekali gus mencetuskan krisis tenaga yang memberi tekanan kepada inflasi dunia yang masih dalam proses pemulihan kesan daripada pandemik sebelum ini. Malaysia seperti negara-negara membangun lain turut terkesan dengan ketidakstabilan yang berlaku ini.

Walau bagaimanapun, NCIA telah mengambil langkah proaktif dalam usaha meminimumkan impak berkenaan dalam perancangan yang telah dibuat dan sentiasa berpandangan bahawa setiap cabaran pasti akan membuka lebih banyak peluang yang tidak pernah difikirkan sebelum ini.

Sepanjang tahun ini, NCIA juga telah memanfaatkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) serta Pelan Pemulihian Negara (NRP) dan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) yang dilancarkan oleh Kerajaan dalam usaha membantu mempercepat pertumbuhan ekonomi dan sektor perniagaan di wilayah utara.

Pemulihian semula sektor perniagaan khususnya industri pelancongan pada 2022 bukan sahaja membawa pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan, tetapi juga menyumbang secara signifikan kepada keseluruhan pembangunan ekonomi khususnya dalam industri hospitaliti, pengangkutan dan peruncitan di NCER.

Pemulihian semula industri pelancongan juga telah membuka ruang untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) kembali bangkit dan berkembang, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang terangkum.

## Ulasan Ketua Eksekutif



### MENGOPTIMUMKAN PRESTASI

Sepanjang tahun 2022, keutamaan NCIA tertumpu kepada menggerakkan pertumbuhan ekonomi, menarik dan merealisasi pelaburan pasca pandemik, mencipta peluang pekerjaan serta meningkatkan taraf kehidupan rakyat di NCER.

Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) menekankan jalinan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan, pemerkasaan PMKS, galakan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang mampan, dan pembangunan infrastruktur strategik di NCER. Menerusi strategi ini, NCIA menyasarkan untuk mencapai pembangunan sosioekonomi yang seimbang dan terangkum di wilayah ini.

Semasa pasca pandemik, pertumbuhan ekonomi di NCER berjaya dikekalkan setara dengan purata negara, iaitu pada kadar 8.7 peratus, dengan pelaburan dan eksport sebagai penyumbang utama, sekali gus memangkinkan pemulihan ekonomi negara.



## Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) menekankan jalinan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan, pemerkasaan PMKS, galakan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang mampan, dan pembangunan infrastruktur strategik di NCER.

Selari dengan Rancangan Malaysia ke-12 pelan berkenaan juga menjadi panduan untuk agenda pembangunan wilayah utara yang turut menggariskan hala tuju masa hadapan untuk terus melonjakkan pertumbuhan ekonomi NCER dan mengurangkan ketidakseimbangan wilayah khususnya di kawasan kurang membangun.

NCIA juga telah menyaksikan perkembangan ekonomi rakyat, pengukuhan infrastruktur untuk menyokong pertumbuhan serta pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti di wilayah ini. Usaha ini selaras dengan agenda kemampunan di dalam Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025).

### MEMACU DAN MEREALISASI PELABURAN SWASTA DARI DALAM DAN LUAR NEGARA

NCIA telah mencatatkan pelaburan yang diluluskan berjumlah RM28.4 bilion pada 2022, yang merupakan pelaburan tahunan tertinggi pernah dicapai yang dijangka akan mewujudkan 20,930 peluang pekerjaan baharu di wilayah ini. Selain itu, daripada jumlah berkenaan, sebanyak 70 peratus disumbangkan oleh pelaburan langsung asing (FDI) dan 30 peratus oleh pelaburan langsung domestik (DDI).

Secara keseluruhan, NCIA telah berjaya mencatatkan peningkatan pelaburan selama tiga tahun berturut-turut di mana pada tahun 2020 sebanyak RM16 bilion dicatatkan diikuti sebanyak RM26.27 bilion pada 2021.

Pelabur tertinggi yang direkodkan pada 2022 adalah bernilai RM10.69 bilion oleh syarikat pengeluar semikonduktor dari Jerman, Infineon Technologies (Kulim) Sdn. Bhd., diikuti oleh syarikat Keysight Technologies dan Langkasuka Land Sdn. Bhd. dengan masing-masing melabur sebanyak RM5.59 bilion serta RM2.88 bilion.

### KESINAMBUNGAN PENCAPAIAN

NCIA juga sedang giat melaksanakan projek-projek strategik dan berimpak tinggi yang akan mempercepatkan pembangunan negeri dan wilayah seterusnya merapatkan jurang pembangunan dengan memanfaatkan potensi ekonomi wilayah.

Di antara projek-projek tersebut adalah seperti Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA) di Perlis, Bandar Getah Kedah (KRC), Taman Teknologi SilverValley di Perak, dan Pusat Inovasi Teknologi NCER (NTIC) di Pulau Pinang.

Sementara itu, bagi membantu PMKS Bumiputera memperoleh dana untuk berkembang, Program Dana Usahawan NCER (DU@ NCER) telah membantu 15 buah syarikat Bumiputera berpotensi tinggi dengan pelaburan sebanyak RM238.7 juta dan seterusnya mewujudkan 767 peluang pekerjaan baharu bagi menampung perkembangan perniagaan.

Bagi memastikan NCER terus kekal berdaya saing dalam menawarkan persekitaran pelaburan bertaraf dunia, NCIA telah menggiatkan aktiviti promosi insentif cukai iaitu Galakan Cukai NCER (NTax) kepada pelabur-pelabur berkualiti yang berpotensi. Hasilnya, 11 buah syarikat telah memperoleh kelulusan untuk permohonan insentif cukai mereka pada tahun 2022, melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM2.9 bilion dalam sektor tumpuan NCER iaitu peralatan perubatan, pelancongan dan pembentukan sektor-sektor baharu seperti kenderaan elektrik, kecerdasan buatan, ekonomi digital, pembuatan hijau, dan tenaga boleh diperbaharui (RE).

### MEMACU PERTUMBUHAN MELALUI INOVASI DAN TEKNOLOGI

NCIA sedar bahawa bagi menggalak, merangsang, memudah dan meningkatkan daya saing NCER sebagai pusat dagangan dan pelaburan bertaraf dunia, pembudayaan teknologi dan inovasi khususnya di kalangan syarikat-syarikat tempatan adalah penting.

Justeru, program-program di bawah Pusat Inovasi Teknologi NCER (NTIC) telah dimulakan pada tahun 2022 bagi meningkatkan tahap inovasi dan teknologi di kalangan syarikat tempatan, seterusnya mewujudkan ekosistem yang mesra pelabur dan mampu di NCER yang akan dapat menarik pelaburan bernilai tinggi dan berteraskan teknologi terkini.



Bagi memperkaya rantai nilai, NTIC telah bekerjasama dengan sektor awam, swasta, industri, pendidikan dan komuniti. Contohnya seperti kerjasama dengan beberapa pihak berkepentingan antaranya HRD Corp, Institusi Pengajian Tinggi serta Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) tempatan bagi menambah kumpulan bakat dan mengurangkan ketidaksepadanan kepakaran.

Matlamat Program Peningkatan Bakat NCER atau NCER Talent Enhancement Programme (NTEP) diwujudkan dengan objektif bagi membantu lebih ramai bakat tempatan bersaing di pasaran untuk mendapat pekerjaan berpendapatan tinggi.

Insentif ini juga diteruskan dan disesuaikan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan, terutamanya graduan yang menganggur serta pekerja yang diberhentikan, dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka sambil memastikan tenaga kerja mahir yang sepadan dengan keperluan industri dalam NCER.

Menerusi program ini, mereka telah diserap ke dalam industri dan menjalani latihan sambil bekerja. Pada tahun 2022, seramai 1,282 graduan baharu rakyat Malaysia mendapat pekerjaan di 27 buah syarikat di NCER melalui NTEP.

Bagi memastikan PMKS tempatan mempunyai platform untuk menjalankan aktiviti bernilai tinggi, NCIA membangunkan Pusat Kecemerlangan menerusi kerjasama dengan persatuan seperti Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia, Persatuan Industri



**Sejajar dengan sasaran sifar miskin tegar menjelang tahun 2025, golongan wanita yang mewakili 13,200 isi rumah telah menerima bantuan kos sara hidup pada tahun 2022.**



Perubatan Malaysia, agensi seperti SIRIM, Perbadanan Produktiviti Malaysia serta kementerian dan badan kerajaan seperti Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Selain itu, NCIA juga menyediakan sokongan kewangan menerusi pembiaya teknologi/projek seperti Malaysia Debt Ventures Berhad dan Mitsubishi UFJ Financial Group (MUFG). NCIA turut membantu pembangunan PMKS daripada segi inkubasi perniagaan dan pengetahuan teknologi melalui kerjasama dengan Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI), TusStar dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia.

Di samping itu, usaha sama galakan pelaburan turut dijalankan dengan organisasi seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Bahagian Perancang Ekonomi Negeri/Unit Perancang Ekonomi Negeri (BPEN/UPEN) dan agensi-agensi kerajaan pusat serta negeri yang berkaitan bagi memudahkan proses pelaburan di wilayah ini.

## **MEMPERKASAKAN RAKYAT MELALUI PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

Sebagai komitmen terhadap kesejahteraan sosioekonomi rakyat, NCIA melaksanakan pelbagai program modal insan dengan matlamat utamanya untuk meningkatkan pendapatan melalui keusahawanan dan peluang pekerjaan rakyat tempatan.

Program-program berkenaan disasarkan kepada kumpulan B40 termasuk graduan menganggur, belia, pekerja yang diberhentikan, wanita dan Orang Asli serta PMKS, selaras dengan sasaran sifar miskin tegar menjelang 2025 di bawah RMK-12.

Seramai 51,838 rakyat di NCER telah mendapat manfaat daripada program pembangunan modal insan bertumpukan rakyat yang telah NCIA laksanakan sepanjang tahun ini.

Selain itu, program modal insan juga membantu mewujudkan 54,662 peluang pekerjaan merangkumi, 3,559 perniagaan dalam talian, 1,488 perniagaan berdaftar dengan SSM, 39 penglibatan syarikat multinasional/syarikat besar tempatan, selain 534 PMKS dan 7,847 perusahaan mikro turut terlibat dalam program-program ini.

## **KASIH IBU NCER**

Sejajar dengan sasaran sifar miskin tegar menjelang tahun 2025, golongan wanita yang mewakili 13,200 isi rumah telah menerima bantuan kos sara hidup pada tahun 2022 merangkumi keperluan isi rumah seperti barang asas dan mendapatkan rawatan kesihatan dengan menggunakan sistem kad tanpa tunai di bawah program Kasih Ibu NCER.

Susulan kejayaan Program Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) di Kedah pada 2019, NCIA telah meluaskan program ini ke Perlis dan Perak, masing-masing dijenamakan sebagai Kasih Ibu Perlis (KIP) dan Kasih Ibu Darul Ridzuan (KIDR).

Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 288 buah panel kedai runcit serta pasar raya dan 119 buah panel klinik telah berdaftar di bawah program Kasih Ibu NCER.

Program Kasih Ibu NCER telah diintegrasikan dengan program modal insan NCER yang lain seperti empowerNCER Kemahiran & Keusahawanan dan JomNiaga@NCER berjaya meningkatkan pendapatan mereka dan mencapai pendapatan terkumpul sebanyak RM1.44 juta berbanding pendapatan asal sebelum menyertai program iaitu sebanyak RM200,000 sahaja.



## Ulasan Ketua Eksekutif

### PROGRAM EMPOWERNCER LATIHAN KEMAHIRAN & KEUSAHAWANAN DAN PROGRAM JOMNIAGA@NCER

Program empowerNCER Latihan Kemahiran & Keusahaawanan dan program JomNiaga@NCER telah berjaya mengubah sosioekonomi golongan B40 di mana seramai 7,091 orang mengambil bahagian yang melibatkan golongan wanita, Orang Asli dan belia telah berjaya mengubah sosioekonomi mereka.

Seramai 1,492 orang telah mendapat penempatan pekerjaan manakala 2,857 orang telah mencebur perniagaan e-dagang. Secara keseluruhan, seramai 2,157 orang peserta telah memperoleh pendapatan melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 di samping 356 orang peserta berjaya meningkatkan pendapatan kepada kategori M40 dan T20.

Penciptaan dan penempatan pekerjaan pula telah memanfaatkan 1,492 orang manakala platform digital memanfaatkan 2,857 orang. Secara kumulatif, peningkatan pendapatan ini adalah tujuh kali ganda berbanding pendapatan mereka sebelum menyertai program.



### PROGRAM EMPOWERNCER AKADEMIK

Pendidikan ialah inisiatif jangka panjang yang penting untuk menoktahi kemiskinan dalam kalangan isi rumah B40 di NCER. Oleh itu, NCIA telah meneruskan program empowerNCER Akademik bagi menerapkan pendidikan secara inklusif dan inovatif kepada pelajar-pelajar lemah akademik dan Orang Asli dengan tujuan untuk membantu mereka mencapai keputusan peperiksaan yang lebih baik.

Tahun 2022 menyaksikan seramai 6,000 pelajar Tingkatan Lima golongan B40 dan lemah akademik telah mencatatkan keputusan yang baik berbanding sebelum menyertai program empowerNCER Akademik. Hasilnya, sebanyak 93 peratus pelajar berkenaan berjaya lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia sesi 2021/2022, melebihi kadar lulus nasional iaitu 88.09 peratus.

Selain itu, program empowerNCER Akademik juga telah memberi manfaat kepada 600 orang murid tahun enam Orang Asli untuk menguasai tahap asas membaca, menulis dan mengira (3M). Hasilnya 100 peratus pelajar berkenaan telah melanjutkan pelajaran ke tingkatan satu.

Susulan kejayaan ini, seramai 87.5 peratus pelajar dapat melanjutkan pelajaran mereka di pra-universiti, institut pengajian tinggi dan kolej vokasional. Sehingga 31 Disember 2022, empowerNCER Akademik telah membantu seramai 17,400 pelajar daripada 446 buah sekolah terpilih.

## PEMBANGUNAN PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA

PMKS merupakan sektor yang memainkan peranan yang penting dalam ekosistem ekonomi serta penjanaan pekerjaan di negara kita. Maka pemulihan dan pengukuhan PMKS secara langsung akan memberikan kehidupan yang lebih selesa kepada rakyat.

Oleh yang demikian, NCIA telah melaksanakan program yang berbentuk holistik dan komprehensif untuk usahawan PMKS iaitu entrepreneurNCER yang menyediakan bantuan dalam bentuk pinjaman dan pembiayaan kewangan melalui empat buah bank iaitu Maybank, Agrobank, CIMB dan AFFIN Bank.

NCIA akan menampung 50 peratus daripada faedah ke atas kos pinjaman/pembiayaan yang diterima peserta selain turut membantu daripada segi pembangunan perniagaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan, penjenamaan, pelabelan dan pensijilan (Halal & MeSTI) dengan dibantu oleh SIRIM.

Seramai 6,857 orang telah terlibat dalam program ini pada 2022 dengan penyertaan daripada golongan wanita dan Bumiputera masing-masing sebanyak 22 peratus dan 92 peratus. Pada tahun ini, sebanyak 6,857 permohonan pinjaman/pembiayaan bernilai RM167.75 juta telah diluluskan di bawah program entrepreneurNCER, manakala tiada pinjaman tidak berbayar dicatatkan pada 2022.

## PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

Salah satu daripada cabang strategi serampang tiga mata NCIA adalah untuk menambah baik sosioekonomi secara mampar. NCIA telah melaksanakan program pembangunan komuniti di tujuh buah kampung di kawasan Lata Kinjang, Perak yang melibatkan seramai 1,466 orang penduduk.

Seramai 78 orang usahawan telah dilatih sepanjang tahun ini dan berjaya menjana sasaran pendapatan bulanan minimum sebanyak RM1,500.00. Pada Februari 2022, NCIA menubuhkan Koperasi Orang Asli

Lata Kinjang Berhad (KOALKB) untuk mengurus, mengendali dan menjaga kemudahan asas dan infrastruktur Taman Eko-Rimba Lata Kinjang (TERLK).

Pada tahun ini, TERLK telah menarik lebih 41,000 orang pelancong dari dalam dan luar negara, dan secara langsung telah menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi penduduk di kawasan ini.

## MEMACU AGENDA KEMAMPANAN

Secara peribadi, saya percaya bahawa setiap organisasi memikul satu tanggungjawab tertentu terhadap masyarakat, kesihatan dan kemampanan bumi yang kita kongsi bersama. Maka, NCIA memandang serius tanggungjawab terhadap pihak berkepentingan, serta tugas NCIA dalam membina kesejahteraan rakyat dan kemakmuran ekonomi yang mampan. Agenda kemampanan NCIA selari dengan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) yang menekankan kepentingan amalan ESG yang baik. Pada tahun 2022, NCIA telah memperhebatkan lagi pendekatan ke arah mencapai kemampanan dengan menerapkan subjek ini sebagai tonggak utama dalam merangka strategi yang komprehensif.

## KESIMPULAN

Saya bukan sahaja berbangga dengan impak berterusan sepanjang tahun 2022, malahan juga pada tahun-tahun sebelumnya. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pembangunan di NCER, khususnya YAB Perdana Menteri merangkap Penggerusi NCIA serta Anggota Pihak Berkusa, Menteri Besar dan Ketua Menteri negeri-negeri NCER, Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Terima kasih juga kepada semua ahli, rakan strategik dan kakitangan kerana bersama-sama dalam perjalanan menuju kejayaan bagi memenuhi mandat yang diamanahkan.

Melangkah ke tahun 2023, saya tidak sabar untuk melihat kemampuan dan kejayaan yang bakal dicapai oleh seluruh warga NCIA dalam memangkinkan pertumbuhan NCER secara inklusif.

Terima kasih.

## MOHAMAD HARIS KADER SULTAN

Ketua Eksekutif NCIA

# Latar belakang NCER dan NCIA

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) telah ditubuhkan dengan matlamat untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di wilayah utara Semenanjung Malaysia, yang merangkumi negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Sejak penubuhannya pada tahun 2007, NCER telah menjalani evolusi yang progresif dan berterusan, selaras dengan usaha Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan yang inklusif dan mapan bagi merapatkan jurang ketidakseimbangan wilayah serta memastikan pertumbuhan ekonomi yang saksama di seluruh tanah air demi manfaat rakyat.

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) merupakan badan yang bertanggungjawab menetapkan hala tuju serta merangka dasar-dasar dan strategi berkaitan pembangunan sosioekonomi NCER. Ditubuhkan pada Jun 2008 di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687), NCIA berperanan memacu pertumbuhan ekonomi NCER ke arah menjadi sebuah wilayah ekonomi bertaraf dunia melalui pelaksanaan projek-projek dan program-program pembangunan berimpak tinggi dalam kluster-kluster ekonomi utama yang terdiri daripada Pembuatan, Perniagaan Tani, Petrokimia, Ekonomi Hijau, Perlombongan Mapan dan Perkhidmatan yang merangkumi Pelancongan, Logistik dan Kesalinghubungan, serta Ekonomi Digital.

## Profil Sosioekonomi NCER


Keluasan  
**32,404km<sup>2</sup>**


: KDNK Setakat 2021  
(Pada Harga Malar 2015)  
**RM249.5 bil**

Populasi (2021)  
**6.7 juta**

Pendapatan Purata  
Isi Rumah (2020)  
**RM4,957**

Jumlah Tenaga Kerja  
(2021)  
**3.1 juta**





## Mengenai NCIA

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) untuk menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan NCER yang merangkumi negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak sebagai sebuah wilayah ekonomi bertaraf dunia serta hab teknologi dan destinasi pilihan untuk pelaburan, bekerja dan kediaman.


## Fungsi utama NCIA

- Untuk menyelaras prestasi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Entiti-entiti Kerajaan di NCER
- Untuk mempromosi, merangsang, memudah cara dan meningkatkan daya saing NCER di peringkat antarabangsa
- Untuk mempromosi, merangsang, memudah cara, menyelaras serta melaksana pembangunan ekonomi dan sosial di NCER
- Untuk menetapkan hala tuju, dasar dan strategi yang berkaitan dengan pembangunan di NCER

## Objektif NCIA

-  Menangani ketaksamaan pembangunan dan ketidakseimbangan wilayah.
-  Merangsang potensi ekonomi melalui projek-projek bersifat pemangkin dan program projek berimpak tinggi.
-  Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang saksama.

# Struktur Organisasi NCER



**NCER**  
MALAYSIA

“  
NCIA komited dalam membudayakan amalan etika, integriti dan akauntabiliti ke arah piawaian tadbir urus korporat tertinggi yang diterjemahkan melalui amalan penambahbaikan berterusan.

# LAPORAN Tadbir Urus Korporat



## Tadbir Urus Korporat

### Membudayakan etika, integriti dan tadbir urus yang baik



**NCIA mengamalkan struktur pengurusan risiko yang berdasarkan proses yang jelas, langkah proaktif dalam membentuk rangka kerja kawalan dalam semasa, pematuhan kepada undang-undang & peraturan sedia ada, penerapan pengurusan risiko di dalam segenap proses kerja dan operasi.**



NCIA komited terhadap amalan tadbir urus terbaik bagi membangunkan rangka kerja tadbir urus untuk merealisasikan strategi pertumbuhan, penciptaan daya saing dan kemampuan sosioekonomi selaras dengan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025).

Amalan pengurusan yang menjunjung nilai akauntabiliti dan ketelusan menjadi tunjang utama dalam struktur pentadbiran NCIA. Sikap keterbukaan terhadap inovasi baharu yang memungkinkan penyampaian perkhidmatan secara cekap dan berkesan mengikut kesesuaian kehendak pihak pemegang taruh amat dititikberatkan. Hal ini penting dalam memastikan agenda pembangunan sosioekonomi rakyat dapat dicapai terutamanya ketika mendepani landskap pemulihan ekonomi yang mencabar pada masa ini.

Pembudayaan prinsip tersebut turut diterapkan dalam kalangan kakitangan NCIA melalui Nilai Teras i-STARS iaitu '*Integrity, Speed, Teamwork, Accountability, Respect and Strategic*'. Inisiatif ini berperanan memperkuuh nilai-nilai unggul bersama dalam kalangan kakitangan NCIA ke arah penghasilan penyampaian perkhidmatan yang bermutu dan berintegriti. Program-program bagi pemantapan nilai-nilai murni juga giat dilaksanakan selaras dengan Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2022: Garis Panduan Pelaksanaan Program Penghayatan Nilai-Nilai Islam Dalam Perkhidmatan Awam.



## STRUKTUR TADBIR URUS NCIA

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara diterajui oleh sepuluh orang ahli, dengan YAB Perdana Menteri sebagai Pengerusi. Selain itu, kepimpinan tertinggi organisasi turut merangkumi Jawatankuasa Pemandu NCIA, Jawatankuasa Audit NCIA dan Jawatankuasa Pengurusan NCIA.

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan Jawatankuasa-jawatankuasa ini memastikan segala hal ehwal berkaitan aktiviti operasi, penyata kewangan dan pendekatan dalam membuat keputusan berkaitan pembangunan NCER, adalah berlandaskan amalan tadbir urus korporat terbaik. Amalan ini menjamin usaha berterusan terhadap pemantapan tadbir urus, pembudayaan integriti dan pencegahan rasuah.

### Fungsi Pengurusan Risiko

NCIA mengguna pakai Model Pertahanan Tiga Barisan (*Three Lines of Defense*) bagi menggembeleng usaha dalam menepati objektif NCIA.

#### Model Pertahanan Tiga Barisan NCIA

3

##### Barisan Pertahanan Ketiga

Bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan oleh barisan pertahanan Pertama dan kedua kepada rangka kerja yang telah dibangunkan

2

##### Barisan Pertahanan Kedua

Bertanggungjawab dalam membangunkan rangka kerja yang merangkumi pengurusan risiko dan pematuhan & jaminan terhadap Polisi & Prosedur

1

##### Barisan Pertahanan Pertama

Bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan pematuhan kepada rangka kerja yang telah dibangunkan

##### Jawatankuasa Audit NCIA

Jabatan Audit Dalaman

Jabatan Integriti

Jabatan Risiko

Unit Pematuhan & Jaminan

Jabatan/Unit: Pelaksanaan dan Penyampaian

#### Petunjuk

● Fungsi Bebas   ● Fungsi Berpusat   ● Fungsi Jabatan/Unit

### Aktiviti dan Pencapaian

- a. Aktiviti pengukuhan barisan pertahanan pertama yang diterajui oleh *Risk Coordinator* di setiap Jabatan/Unit untuk memastikan penilaian dan pengawalan risiko dilaksanakan dalam operasi harian secara berkesan melalui Polisi dan Prosedur (P&P) yang menepati standard tadbir urus.
- b. Pembangunan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan yang bersepadu untuk memastikan kelancaran dan kesinambungan fungsi-fungsi kritikal NCIA sekiranya berlaku gangguan atau sewaktu bencana.
- c. Pengukuhan tatacara pengurusan tadbir urus dengan mengintegrasikan unsur Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) ke dalam pengurusan risiko sedia ada untuk memacu proses membuat keputusan.

# Tadbir Urus Korporat

## Fungsi Pematuhan & Jaminan

Unit Pematuhan & Jaminan bertanggungjawab memastikan NCIA beroperasi dengan mematuhi keperluan undang-undang berkanun (Akta 687), Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025), Pekeliling Kerajaan, Had Kuasa Melulus, Polisi & Prosedur Dalaman dan piawaian industri. Unit ini berperanan penting dalam meminimumkan risiko undang-undang dan reputasi serta mengekalkan integriti operasi NCIA.

NCIA komited untuk mencapai standard tadbir urus yang tinggi melalui pensijilan ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti (SPK). Inisiatif ini bermatlamat untuk memenuhi keperluan pihak pemegang taruh serta memantapkan Sistem Pengurusan Kualiti bagi pengukuhan tadbir urus dan kemampanan NCIA.

### Aktiviti dan Pencapaian

- a. Langkah persediaan ke arah pensijilan ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)
  - Pelantikan wakil (*ISO Champion*) daripada setiap Jabatan/Unit sebagai penyelaras semasa fasa pelaksanaan dan penghubung utama semasa audit.
  - Pembentukan Jawatankuasa ISO berperanan dalam membantu Pembangunan Kualiti Manual NCIA dan membuat semakan menyeluruh ke atas Polisi dan Prosedur Jabatan/Unit yang memberi penumpuan terperinci kepada pemetaan, pematuhan, risiko operasi dan tadbir urus yang ditetapkan.
  - Penubuhan Jawatankuasa Polisi dan Prosedur adalah untuk mengesyorkan pelaksanaan semua Polisi dan Prosedur dan mendapatkan kelulusan daripada Pihak Pengurusan NCIA
- b. Inti pati Kursus ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)
  - Pemahaman dan Pelaksanaan
  - Pelaksanaan Pengurusan Risiko
  - Audit Dalaman
  - Kempen Kesedaran kepada barisan Pengurusan tertinggi NCIA dan seluruh kakitangan NCIA


Selaras dengan aspirasi Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2018, Pensijilan ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) disasarkan akan diperoleh NCIA pada suku kedua tahun 2023.



## Fungsi Audit Dalaman

NCIA menerima pakai piawaian pengauditan berdasarkan piawaian antarabangsa dan amalan yang dikenal pasti sebagai amalan terbaik, khususnya standard pengauditan yang disarankan oleh The Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM). Jabatan Audit Dalaman NCIA merujuk kepada *COSO Internal Control Integrated Framework* sebagai panduan dalam kerja pengauditan dalaman.

Kerja pengauditan berpandukan lima komponen kawalan COSO iaitu:



### Aktiviti dan Pencapaian

- a. Membuat pengesahan ke atas kewujudan dan keselamatan aset NCIA.
- b. Menjalankan kerja yang integral kepada pengauditan iaitu mengesahkan pematuhan kepada polisi dan prosedur.
- c. Membuat penilaian ke atas kecukupan polisi dan prosedur yang sedia ada dan mengesyorkan pembaikan.
- d. Menyediakan jaminan secara bebas dan munasabah ke atas kecukupan dan keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman kepada Jawatankuasa Audit NCIA.
- e. Berjaya membantu NCIA mengukuhkan integriti pelaporan kewangan dua tahun berturut-turut dengan membuat audit kewangan sebelum diaudit Jabatan Audit Negara.
- f. Menyumbang secara proaktif dalam penambahbaikan polisi dan prosedur dengan memastikan unsur tadbir urus semasa di dalam polisi dan prosedur.

# Tadbir Urus Korporat

## Fungsi Pengukuhan Integriti

NCIA komited untuk mencegah dan menolak perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam segenap aspek penyampaian perkhidmatan kami.

Perkara ini sejajar dengan Nilai Bersama i-STARS yang telah diperakukur oleh Jawatankuasa Audit NCIA dan Jawatankuasa Pengurusan NCIA. Pelaksanaan inisiatif ini bagi memastikan seluruh warga NCIA termasuk pemegang taruh mengamalkan prinsip tadbir urus berlandaskan amalan murni dan sifar toleransi terhadap rasuah.



Pernyataan Integriti Korporat NCIA

### Aktiviti dan Pencapaian

- a. Membangunkan Polisi dan Prosedur Whistleblowing
  - Dibangunkan bagi memudahkan sama ada kakitangan NCIA sendiri ataupun orang awam untuk melaporkan sebarang salah laku yang telah dilakukan oleh kakitangan NCIA.
- b. Membangunkan Polisi dan Prosedur No Gift
  - Dibangunkan bagi mengekang amalan-amalan rasuah melalui pemberian hadiah, derma atau tajaan (*sponsorship*).
- c. Pembangunan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi (OACP) dan MS ISO 37001: Sistem Pengurusan Pencegahan Rasuah 2016 (ABMS)
  - Pelantikan Institut Integriti Malaysia (IIM) sebagai fasilitator dan OACP ini dijangka siap pada penghujung tahun 2023.
  - Walaupun pembangunan dan persijilan MS ISO 37001: Sistem Pengurusan Pencegahan Rasuah 2016 ialah tidak mandatori kepada agensi seperti NCIA, namun Pihak Pengurusan NCIA mengambil langkah tambahan bagi memastikan kualiti tadbir urus yang berintegriti serta bebas daripada rasuah.



- d. Ikrar Bebas Rasuah NCIA
  - Cermian komitmen NCIA untuk mencegah dan menolak perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam segenap aspek penyampaian perkhidmatan.
- e. Pegawai Integriti Bertauliah (*Certified Integrity Officer - CeIO*)
  - Inisiatif penambahan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) yang telah dipertauliahkan oleh Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPIIB), yang diurus setia oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- f. Program membudayakan Integriti
  - Sesi Perkongsian Pengetahuan pada 29 Ogos 2022 oleh YBhg. Dato' Seri Anwar Fazal yang bertajuk "*From Good to Great: Culture of Integrity*".
  - Hari Integriti & Anti Rasuah NCIA pada 22 Disember 2022 oleh YBhg. Datuk Dr. Anis Yusal Bin Yusoff yang bertajuk "*Great to Greatest: Why You Need to Lead With Integrity*".



**IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)**  
(CORRUPTION FREE PLEDGE)

Saya, \_\_\_\_\_ No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_ adalah dengan sesungguhnya dan suci hati berikrar bahawa sepanjang perkhidmatan saya dengan Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA).

I. Saya akan mematuhi sepenuhnya undang-undang, peraturan, prosedur serta dasar-dasar negara yang berkaitan dengan pencegahan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;

II. Saya akan membenci dan menolak sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa, serta memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam mencegah sebarang perlakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;

III. Saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan mana-mana pihak yang berurusan dengan NCIA;

IV. Saya akan memastikan kakitangan-kakitangan di bawah seliaan saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa dalam apa-apa jua urusan berkaitan dengan NCIA; dan

V. Saya akan melaporkan kepada SPRM, dengan seberapa segera, sebarang bentuk perlakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan saya atau kakitangan-kakitangan di bawah seliaan saya.

Ikrar Bebas Rasuah Ini Telah Dimeterai Pada \_\_\_\_\_  
Tarikh: \_\_\_\_\_

Didatangkan Oleh : \_\_\_\_\_ Disaksikan Oleh : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_ Nama: Mohamad Haris Kader Sultan  
No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_ Jawatan : Ketua Eksekutif  
Jawatan : \_\_\_\_\_ Unit/Bahagian/Jabatan : \_\_\_\_\_  
Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)




Ikrar Bebas Rasuah (IBR) NCIA

# Statistik Terkini NCER

KDNK Per Kapita 2022



Populasi negeri-negeri NCER (2022)



Peratusan Capaian Internet 2022



Pendapatan Isi Rumah Median 2022



# Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KRI) NCIA bagi Tahun 2022

## Memacu Pelaburan Swasta Untuk Menangani Ketidakseimbangan Wilayah

### Pelaburan Diluluskan



Sebenar 2022  
**RM28.4** bil  
Sasaran RM23 bil

### Pelaburan Direalisasi



Sebenar 2022  
**RM31.29** bil  
Sasaran RM20 bil

### Peluang Pekerjaan Diluluskan



Sebenar 2022  
**20,930**  
Sasaran 20,000

### Peluang Pekerjaan Direalisasi



Sebenar 2022  
**28,035**  
Sasaran 17,000

## Memangkin Pertumbuhan Ekonomi Wilayah Seimbang Melalui Projek Infrastruktur Strategik

### Taman Perindustrian Tematik

#### Bandar Getah Kedah (KRC) Fasa 1

Kemajuan Pembangunan Fasa 1

**98.5%**

#### Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA) Fasa 1

Kemajuan Pembangunan Fasa 1

**88.36%**

#### Silver Valley Technology Park (SVTP)



Penyediaan Rekabentuk Terperinci

**50%**

#### Kedah Science & Technology Park (KSTP)



Penyediaan Rekabentuk Terperinci

**85%**

### Infrastruktur Strategik

#### Jeti Pangkor



Selesai Kajian Model Perniagaan Pembangunan

#### iCON Baling & Yan



Selesai Proses Lantikan Kontraktor Pembinaan

#### Tapak Arkeologi Guar Kepah



Selesai Proses Lantikan Kontraktor Pembinaan

#### Pelancongan Warisan Ipoh



Pembangunan Paket 1 Siap Sepenuhnya

#### Pelabuhan Darat Perlis (PIP)



Selesai Proses Lantikan Kontraktor Pembinaan Bagi Paket 1 & 2

#### Pembangunan Kawasan Perindustrian dan Hab Logistik di Sidam, Kedah (SLAM)



Reka Bentuk Terperinci

**40%**

#### Pembangunan Kawasan Perindustrian dan Hab Logistik di Sidam, Kedah (SLAM) - Infra Luaran Hubungan Jalan Raya



Penyediaan Reka Bentuk Terperinci

**35%**

Petunjuk Pencapaian: Mencapai Sasaran

Petunjuk Pencapaian ini telah disahkan oleh Jabatan Audit Dalaman, NCIA

# Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KRI) NCIA bagi Tahun 2022

## Memperkasakan Golongan Sasar Melalui Program Modal Insan Berteraskan Rakyat



**13,200**

Sasaran: 13,200



**6,545**

Sasaran: 5,500



**17,400**

Sasaran: 10,900



**10,498**

Sasaran: 9,800



**1,998**

Sasaran: 1,500



**2,193**

Sasaran: 1,650



**15** Syarikat

Sasaran: 20



**1,282**

Sasaran: 1,250



Jumlah Usahawan

**1,093**



Jumlah Pelaburan

**RM238.7** juta



Jumlah Pelaburan

**RM25.4** bilion



Peluang Pekerjaan

**1,100**



Peluang Pekerjaan

**767**



Peluang Pekerjaan

**14,207**

Petunjuk Pencapaian: Mencapai Sasaran

Petunjuk Pencapaian ini telah disahkan oleh Jabatan Audit Dalaman, NCIA



NCIA meletakkan kemampunan sebagai fokus utama dalam usaha menggalakkan kemajuan sosioekonomi yang seimbang di NCER, selaras dengan visi pertumbuhan saksama.



## Meneruskan Agenda **PEMBANGUNAN MAMPAN di NCER**

# Meneruskan Agenda Pembangunan Mampan di NCER

**NCIA akan Terus Menyokong Usaha Negara ke arah SDG dan ESG Bagi Memastikan Pembangunan Sosioekonomi yang Kukuh dan Mampan di Wilayah Utara.**

NCIA meletakkan kemampuan dan daya tahan sebagai fokus utama dalam usaha menggalakkan kemajuan sosioekonomi yang seimbang di NCER, selaras dengan visi pertumbuhan saksama. Komitmen ini berlandaskan kepada tiga rujukan utama iaitu Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) yang selari dengan RMK-12, Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG) dan pematuhan Piawaian Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG).

Berdasarkan kerangka Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025), pendekatan serampang tiga mata iaitu memacu dan merealisasi pelaburan swasta dari dalam dan luar negara, memperkasakan rakyat melalui program pembangunan modal insan bertumpukan rakyat serta mengutamakan projek strategik melalui pembangunan projek berimpak tinggi merupakan pemangkin utama dalam membangunkan wilayah ini. Mengambil kira pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar berserta pertumbuhan ekonomi mampan dan pembangunan modal insan berteraskan rakyat yang menjadi fokus utama dalam agenda pembangunan mampan NCIA.

Melalui komitmen yang jitu terhadap alam sekitar, NCIA komited untuk melaksanakan program-program dan inisiatif pembangunan mampan, mengambil kira kesan jangka sederhana dan panjang terhadap alam sekitar. Usaha NCIA meliputi pendekatan menyeluruh untuk menangani ketidakseimbangan sosioekonomi di negeri-negeri NCER dan turut merapatkan jurang dengan wilayah tengah. Inisiatif ini dilaksanakan melalui penggunaan tanah yang optimum, penjimatan tenaga, pemeliharaan sumber asli dan amalan pengurusan sisa yang cekap.

NCIA mengetengahkan pembangunan taman-taman perindustrian yang berkONSEPkan Taman Perindustrian Mesra Alam (Eco-Industrial Park) berdasarkan reka bentuk dan model pengurusan yang mengikut piawaian SIRIM Berhad dan Jabatan Alam Sekitar.



**Berlandaskan asas kukuh yang telah dibina selama ini, NCER kini bersedia untuk memasuki fasa pembangunan yang seterusnya demi meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat, selaras dengan Ekonomi Madani yang telah diperkenakan oleh Kerajaan.**





Peranan strategik taman perindustrian dalam menarik aktiviti pembuatan ke wilayah ini turut menyumbang kepada Matlamat SDG 8 (*decent work and economic growth*), dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Selain itu, pelan berkenaan juga selaras dengan Matlamat SDG 9 (*industry, innovation and infrastructure*) dalam mempromosikan pertumbuhan aktiviti perindustrian.

Bagi menuju ke arah wilayah neutral karbon, ibu pejabat NCIA telah mencapai penarafan lima bintang oleh Suruhanjaya Tenaga dalam aspek kecekapan tenaga sekali gus mengukuhkan peranan NCIA sebagai teladan kepada semua pemain industri di wilayah ini.

Pemerkasaan sosial turut menjadi fokus utama NCIA dengan penekanan khusus kepada program pembangunan modal insan berteraskan rakyat. Inisiatif-inisiatif strategik ini memainkan peranan penting dalam memperkasakan rakyat, melalui proses peningkatan kemahiran dan daya saing untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi. Hal ini bermatlamat untuk melahirkan tenaga kerja yang pelbagai dan berketerampilan bagi memenuhi permintaan industri, di samping menyokong perusahaan mikro, kecil

dan sederhana (PMKS) yang menjadi tulang belakang ekonomi setempat. NCIA turut komited membangunkan pengurusan rantaian bekalan yang cekap serta menggalakkan keterlibatan masyarakat selaras dengan nilai teras Malaysia MADANI.

Selain itu, daripada sudut tadbir urus, NCIA memberi penekanan utama kepada kecekapan pengurusan dan kebertanggungjawaban dalam organisasi. Tumpuan ini merangkumi aspek pengurusan audit, ketelusan maklumat, prosedur audit dan kecekapan pelaksanaan projek. Amalan tadbir urus mampan dapat meningkatkan keyakinan para pelabur terhadap kemampuan NCIA untuk membangunkan wilayah ini dengan penuh integriti.


Penajaran kerangka, pendekatan dan objektif yang ditetapkan oleh NCIA akan terus ditambah baik dari semasa ke semasa untuk memastikannya kekal relevan. Bagi tahun 2022, NCIA berjaya mencapai pensijilan ISO 9001:2015 diikuti pelancaran Dasar Anti-Rasuah Organisasi (OACP). Usaha berterusan ini akhirnya akan menyumbang kepada pembangunan mampan di NCER khususnya dan di seluruh negara amnya.

# Meneruskan Agenda Pembangunan Mampan di NCER

## RANGKA KERJA STRATEGIK ESG NCER

SELARAS DENGAN SDG DAN KE ARAH PEMBANGUNAN MAMPAN DI NCER

**Rangka kerja ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Pihak Berkuasa ke-29 pada Ogos 2022**



Rangka kerja, pendekatan dan sasaran yang dicadangkan boleh ditambah dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian NCIA

# Perjalanan ESG NCIA pada 2022 dan perancangan untuk 2023

NCIA telah memulakan perjalanan kemampanan sejak 2022 dengan perancangan yang ditetapkan untuk 2023

## Pembangunan Rangka Kerja ESG NCER

Rangka kerja ini diluluskan pada mesyuarat Majlis NCIA ke-29 - Ogos 2022

## Libat Urus dengan UNGCMYB

## NCIA sebagai Ahli Bukan Perniagaan UNGCMYB

Menyertai secara rasmi pada 6 Disember 2022

1

2

3

### Kesedaran ESG Pertama NCER dengan Sektor Swasta

22 Mac 2023

5

4

### Majlis Pertukaran MoU NCIA-UNG

22 Mac 2023

6

7

8

### Merangka Pelan ESG untuk NCIA sebagai organisasi

KAMI Berada Di Sini!

### Merangka Pelan ESG untuk NCER sebagai wilayah

### Sasaran menjelang 2023

Pelancaran inisiatif ESG untuk NCER

# Peristiwa Penting



Penyerahan Projek Ipoh Heritage Tourism

Kinta River Walk

5 Januari 2022

Perak



Majlis Perasmian Projek Strategik  
NCER - Kedah Rubber City (KRC)  
7 Februari 2022  
Kedah





## Majlis Pelancaran Projek Pembangunan Pelabuhan Darat Perlis (PIP)

14 Mac 2022  
Perlis



Karnival empowerNCER Negeri Perlis  
25 Mac 2022  
Perlis

## Peristiwa Penting





Majlis Perasmian Projek Ipoh Heritage Tourism  
14 Mei 2022  
Perak



Lawatan Yang Berhormat Menteri Ekonomi ke Ibu Pejabat NCIA

14 Mei 2022  
Pulau Pinang





Majlis Gerak Mula Program  
Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia  
(BMTKM) & Pelancaran Buku  
"Menyemai Keazaman, Menuai Kejayaan"  
16 Jun 2022  
Perak



Lawatan EXCO Negeri Perak ke  
Ibu Pejabat NCIA  
20 Jun 2022  
Pulau Pinang



## Peristiwa Penting



Jawatan Kuasa Pemandu Negeri (JPN) KEDAH

26 Jun 2022

Kedah



Pameran Pertanian, Hortikultur dan  
Agro Pelancongan Malaysia (MAHA)  
2022  
4 Ogos 2022  
Selangor





Mesyuarat Pihak Berkuasa ke-29  
18 Ogos 2022  
Putrajaya



Majlis Konvokesyen  
empowerNCER Akademik Perlis  
21 Ogos 2022  
Perlis

## Peristiwa Penting



Majlis Perasmian Bangunan  
Perpustakaan Digital Kedah (KDL)  
15 September 2022  
Kedah



Majlis Anugerah Transformasi  
Komuniti NCER  
22 September 2022  
Kedah



Majlis Konvokesyen empowerNCER Akademik Kuala Kangsar  
22 September 2022  
Perak



Lawatan Yang Berhormat Menteri  
Ekonomi ke Lata Kinjang  
2 Oktober 2022  
Perak



#### Sesi Libat Urus Project Implementation Team (PIT) IMT-GT

12 Disember 2022

Putrajaya



# Kalendor Aktiviti



**14 April 2022**

- Lawatan LAM Research ke Ibu Pejabat NCIA



**22 April 2022**

- Lawatan Ketua Eksekutif ke Lata Kinjang




**18 April 2022**

- Majlis Buka Puasa empowerNCER Kedah Perlis



**5 April 2022**

- Townhall 2022



**25 April 2022**

- Majlis Kerjasama Berterusan Bersama Yayasan Petronas di Ibu Pejabat NCIA



**20 Mei 2022**

- Lawatan MET Japan ke Ibu Pejabat NCIA



**27 Mei 2022**

- Lawatan IIM ke Ibu Pejabat NCIA





**27 Mei 2022**

- Majlis Rumah Terbuka Hari Raya NCIA



**3 Julai 2022**

- Karnival empowerNCER Negeri Perak



**1 Jun 2022**

- Lawatan OPPSTAR ke Ibu Pejabat NCIA



**25 Julai 2022**

- Mesyuarat Penyelarasan bagi Taman Eko Rimba Lata Kinjang



**22 Jun 2022**

- Lawatan Jambatan Kedua Sdn Bhd ke Ibu Pejabat NCIA



**4 Julai 2022**

- Perjanjian Kolaborasi antara Ideal Property dan NCIA



**13 Julai 2022**

- Perjumpaan Setengah Tahun Jabatan Modal Insan NCIA

**2 Ogos 2022**

- Lawatan MIDA ke Ibu Pejabat NCIA



**4 Ogos 2022**

- Majlis Apresiasi SPM 2021 empowerAkademik Pulau Pinang (USM)



# Kalendar Aktiviti

**8 Ogos 2022**

- Townhall Khas 2022



**9 Ogos 2022**

- Taklimat AMLA



**14 Ogos 2022**

- Majlis Konvokesyen empowerNCER Pulau Pinang



**27 Ogos 2022**

- Majlis Konvokesyen empowerNCER Perak

**29 Ogos 2022**

- Taklimat Integriti bersama ISTARS



**1 September 2022**

- Karnival empowerNCER di Kedah



**21 September 2022**

- Lawatan Delegasi Thailand ke Ibu Pejabat NCIA



**29 September 2022**

- Lawatan ke Taman Eko Rimba Lata Kinjang





#### 4 Oktober 2022

- Lawatan MBI ke Ibu Pejabat NCIA

#### 4 Oktober 2022

- Lawatan NCIA ke UNIKL



#### 11 Oktober 2022

- Karnival SME di Ibu Pejabat NCIA

#### 19 Oktober 2022

- Hari Sukaneka NCIA



#### 3 November 2022

- Mesyuarat Penyelarasan Bandar Getah Kedah (KRC)

#### 4 November 2022

- Majlis Libat Urus Protege bagi Pelabuhan Darat Perlis (PIP)



#### 2 Disember 2022

- Hari Integriti NCIA



#### 9 Disember 2022

- Majlis Serahan Kit Batang Padang Fasa 1 Kumpulan 2



#### 12 Disember 2022

- Majlis Serahan Kit Permulaan bagi Daerah Larut, Matang, Selama Fasa 1





## on SPM keluarga B40 terima sumbangan tablet



SEBAHAGIAN daripada pelajar keluarga B40 dari Sekolah Menengah Kebangsaan Changkat Lada yang menerima peranti tablet menerusi Program empowerNCER Akademik @Perak di Seberang Perak baru-baru ini.

Manjung, Perak Tengah, Larut Matang & Selama dan Krian yang diserikan kepada pergeseran sekolah terlibat di sasaran Inisiatif-masing-masing. "Bagi mematuhi prosedur

operasi standard (SOP) semasa pandemik COVID-19 ini, sebahagian sekolah memperbaiki peranti tablet kepada pelajar dengan pendekatan penuh lalu," katanya dalam kenyataan di

sini kelmarin.

Menurut beliau, program empowerNCER Akademik @Perak ini juga telah membantu sekolah-sekolah dan guru-guru memambah halilim kaedah pembelajaran dan pengajaran.

Malaysia

NCIA

## NCIA, PKNK bangunkan KSTP, tawar 23,000 peluang kerja



Mohamed Fauzi (tiga dari kiri) berkenan beri maklumat mengenai

SEJARAH - Pihak Berkurusan Kuar Koridor Utara (NCIA) badanan Kemajuan Negara (PNKA) membangunkan fasiliti di Bandar Baru Petaling (BBP) KSTP meliputi kawasan sehektar di Bulid Kajang Utara Besar, Dataran Sentri dan Sentri Mu Ibu berkembar seluas 10 hektar yang siap untuk dibina pada akhir kuartal tahun depan 2024.

Konsep kerjasama yang dilakukan kawasan kekawasan ini dijangka mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan di sekitar pelaburan investasi RM2 bilion. "Kawasan kerjasama ini akan

NCIA

membangunkan

sebuah

rumah

## NCER di Media

**Utusan Malaysia**

NCIA lulus pelaburan RM7.25 billion

**BERNAMA.com**

NCER STRATEGIC INITIATIVES BOOST PENANG'S RESILIENCE, SOCIOECONOMIC RECOVERY

**RINGGIT**

Malaysia, Indonesia, Thailand bekerjasama bangunkan Rubber Cities RM1-T

**Utusan Malaysia**

Pendapatan peserta empowerNCER meningkat

**BERNAMA.com**

NCIA, PKNSI UMUM PERANCANGAN PEMBANGUNAN KSTP FASA DUA

**BERNAMA.com**

KRC bakal tarik pelaburan RM10 billion menjelang 2025 - PM Ismail Sabri

**BERNAMA.com**

Perputeraan Digital Kedah Pemangkin e-konomi digital NCER

**The Malaysian Reserve**

NCER initiatives continue to bolster Penang's socioeconomic growth in H2'22

- Laporan Kemajuan Pelaburan
- Pembangunan Modal Insan
- Projek Strategik dan Berimpak Tinggi

# LAPORAN KEMAJUAN

## SERAMPANG 3 MATA

# Laporan Kemajuan Pelaburan

## TINJAUAN 2022



**RM28.40 bilion**

PELABURAN DILULUSKAN



**20,930**

PELUANG PEKERJAAN DARIPADA PELABURAN DILULUSKAN



**RM31.29 bilion**

PELABURAN DIREALISASI

### 15 Syarikat Bumiputera

DI BAWAH DU@NCER  
(DENGAN JUMLAH PELABURAN  
**RM238.7 juta)**





Sebagai sebuah koridor ekonomi yang penting bagi mempercepatkan pembangunan sosioekonomi, NCER telah mencatat pertumbuhan yang positif secara konsisten sejak penubuhannya pada tahun 2007. Negeri-negeri di wilayah ini iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak masing-masing mempunyai kelebihan dan keunikan tersendiri dalam menarik pelaburan ke negeri masing-masing.

Bagi menjadikan NCER sebagai sebuah wilayah ekonomi, hab teknologi dan destinasi pelaburan yang bertaraf dunia, NCIA meneruskan pendekatan serampang tiga mata yang ternyata telah mengukuhkan lagi prestasi sektor ekonomi, pertumbuhan pelaburan dan pembangunan ekosistem bakat berkemahiran tinggi selari dengan pelan strategik yang digariskan.

# Laporan Kemajuan Pelaburan

## EKOSISTEM PELABURAN DI NCER

NCER menawarkan ekosistem pelaburan yang dinamik dengan menawarkan peluang pelaburan baharu dan pengembangan perniagaan yang mudah (*ease of doing business*) kepada para pelabur yang berminat untuk melabur di NCER.

Selain daripada infrastruktur yang dibangunkan dengan baik dan sumber tenaga kerja mahir yang berterusan dan produktif, wilayah ini ditadbir oleh sistem undang-undang yang mantap dengan dasar-dasar Kerajaan yang pro-perniagaan dan disokong oleh pendekatan ekonomi bertumpukan pasaran.

Dasar-dasar ekonomi negara yang terbuka dan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) telah merangsang aktiviti-aktiviti perniagaan di NCER untuk berkembang pesat dan memanfaatkan setiap peluang yang wujud, seterusnya membawa kepada kecekapan kos dan daya saing.

Kelebihan daripada segi geografi dengan lokasinya yang strategik di tengah-tengah rangkaian logistik dunia juga memberikan NCER kelebihan dalam menyediakan kepelbagaian rantaian bekalan dan menjadi pilihan sebagai salah satu destinasi pelaburan utama yang menarik perhatian pelabur antarabangsa.

Ekonomi besar benua China dan India juga mudah diakses dari wilayah ini menerusi infrastruktur pengangkutan bertaraf dunia, sekali gus memberi peluang kepada pertumbuhan perdagangan dan pelaburan rentas sempadan yang menjangkau sehingga ke Oceania.

Perkembangan ekosistem pelaburan di NCER juga didorong oleh ketersediaan tenaga kerja mahir dan terlatih, rangkaian logistik yang cekap, persekitaran perniagaan yang dinamik dan kewujudan syarikat-syarikat multinasional yang memiliki rangkaian dan pasaran global yang tersedia.

Pada masa yang sama, kumpulan bakat mahir dan separa mahir turut tersedia, ditambah dengan pelbagai program latihan dan peningkatan kemahiran serta pusat-pusat kecemerlangan bagi tujuan latihan lanjutan dan kegiatan penyelidikan serta pembangunan yang berterusan.

Insentif cukai yang kompetitif juga ditawarkan di NCER bagi menarik pelaburan strategik dan berimpak tinggi untuk pelabur di taman-taman perindustrian tematik yang tersedia di wilayah ini bagi memacu pembangunan NCER seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan dan limpahan ekonomi kepada penduduk setempat.

## Kerjasama dengan pemegang taruh dalam menggalakkan pelaburan di NCER

Pemegang taruh memainkan peranan penting dalam memastikan NCIA dapat memenuhi keperluan para pelabur secara berkesan. Sehubungan itu, NCIA telah mengadakan sesi libat urus secara aktif termasuk:

Kerjasama dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi tujuan rundingan berterusan untuk pakej pemberian insentif yang kompetitif, berdaya maju dan berkesan untuk pelabur-pelabur di NCER.

Kerjasama dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk menarik pelaburan berimpak tinggi daripada pelabur-pelabur tempatan dan antarabangsa.

Kerjasama dengan Agensi Promosi Pelaburan Negeri serta Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) untuk memudahkan rundingan dan penyelarasaran pelaburan baru di peringkat negeri, di samping membantu mempercepatkan kelulusan bagi insentif-insentif Kerajaan Negeri serta permohonan pembangunan dan sebagainya.

Sementara itu, kerjasama erat dengan pihak akademik dan badan-badan swasta turut memainkan peranan dalam merancakkan ekosistem pelaburan di NCER. Kerjasama ini membolehkan penyediaan pelbagai jenis insentif berdasarkan keperluan khusus industri demi memastikan penawaran yang kompetitif dan menarik untuk para pelabur. Selain itu, NCIA turut menjalinkan hubungan strategik dengan agensi-agensi pusat dan negeri.



## PELAN PEMBANGUNAN, PENCAPAIAN DAN FOKUS UTAMA NCER

NCIA terus mempergiatkan usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan swasta ke NCER, di samping melaksanakan projek strategik berimpak tinggi dan program modal insan yang akan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Cara ini adalah seiring dengan visi NCER untuk mencapai pertumbuhan saksama, yang menjadi asas bagi segala inisiatif kami ke arah mencapai agihan kekayaan yang seimbang di wilayah ini.

Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) adalah merupakan rangka kerja bagi memandu pembangunan untuk menjana pertumbuhan ekonomi inklusif. Pelan ini juga menjadi asas bagi pelaksanaan projek dan program di NCER di bawah RMK-12.

Berpandukan pelan strategik ini, NCIA akan memastikan pencapaian empat keberhasilan utama iaitu untuk mewujudkan peluang pekerjaan baharu, membangunkan lebih ramai usahawan tempatan, mencapai masyarakat yang berpendapatan tinggi dan menarik pelaburan sektor swasta yang lebih besar.

### Pencapaian berdasarkan Pelan Pembangunan Strategik NCER 2021-2025

	KDNK	Pendapatan isi rumah	Peluang pekerjaan	Pelaburan	Keusahawanan
Sasaran 2025	RM300 bilion	RM5,560	161,197	RM146.5 bilion	42,317
Pencapaian 2022	RM249.5 bilion	RM4,957	177,671	RM159.5 bilion	81,160
Huraian	NCER telah mencatatkan kadar pertumbuhan yang setara dengan purata pertumbuhan KDNK nasional. Tahun 2022 telah mencatatkan pertumbuhan pada kadar 8.7 peratus mencapai RM249 bilion berbanding sasaran RM238 bilion.	Pendapatan Isi Rumah di NCER terus meningkat berbanding tahun 2009. Ini menunjukkan jurang pendapatan di wilayah ini dapat dikurangkan berbanding tahun sebelumnya.	Kadar pengangguran di NCER terus menunjukkan trend penurunan kepada 2.8 peratus pada ST4 2022 berbanding 3.9 peratus pada ST4 2021.	NCER adalah penyumbang terbesar kepada pelaburan diluluskan bagi tahun 2021: 76% & 2022: 35%	Bilangan usahawan terlatih di NCER telah melepas sasaran melalui pelbagai program pembangunan modal insan NCER.

# Laporan Kemajuan Pelaburan

## Pencapaian NCER dalam mempercepatkan pemuliharaan pasca COVID-19

Tahun 2022 menyaksikan Malaysia melalui peralihan daripada fasa pandemik kepada fasa endemik dan NCER turut mencatat peningkatan pelaburan pada tahun ini.

Kejayaan NCIA dalam membina ekosistem berdaya tahan telah mendorong pemuliharaan era pasca pandemik COVID-19 dan pada masa yang sama menyediakan jaringan keselamatan sosial untuk rakyat.

Pelaburan yang berjaya diperoleh juga adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025), yang bertunjangkan wawasan 'Pembangunan dengan Kesaksamaan' dalam usaha menjadikan NCER sebagai wilayah ekonomi bertaraf dunia menjelang tahun 2025 di samping menumpukan kepada usaha-usaha pemuliharaan sosioekonomi untuk rakyat dan komuniti perniagaan.

## Inisiatif mempercepatkan pemuliharaan (2020-2022)

Sepanjang tempoh tiga tahun dari 2020 hingga 2022, NCIA mengambil beberapa tindakan proaktif bagi tujuan mempercepatkan pemuliharaan ekonomi di NCER. Program *quick-win* JomKerja@NCER dan JomNiaga@NCER diperkenalkan sebagai satu insentif pengambilan pekerja dan latihan semula. Sehingga akhir 2022, sejumlah 158 buah syarikat dan 7,208 orang peserta mendapat manfaat daripada program JomKerja@NCER, sementara program JomNiaga@NCER telah memanfaatkan 2,145 buah syarikat dan 5,845 orang peserta.

Sementara itu, pakej Insentif Rangsangan Pasca COVID-19 NCER telah berjaya menghasilkan jumlah pelaburan direalisasi sebanyak RM52.67 bilion dan 41,484 peluang pekerjaan baharu.

Usaha mempromosi pelaburan baharu oleh industri yang menerima manfaat semasa fasa COVID-19 juga diteruskan. Hasilnya, nilai pelaburan telah mencatat jumlah yang memberangsangkan, di mana industri pembuatan mencatatkan pelaburan sebanyak RM63.64 bilion diikuti pelancongan sebanyak RM3.98 bilion dan RM1.19 bilion bagi industri logistik dan pengangkutan.

## PENCAPAIAN UTAMA PELABURAN DI NCER PADA 2022



Pelaburan diluluskan  
Sasaran: **RM23 bilion**  
Pencapaian:  
**RM28.40 billion**



Pelaburan direalisasi  
Sasaran: **RM20 bilion**  
Pencapaian:  
**RM31.29 billion**



Pewujudan Pekerjaan  
Diluluskan  
Sasaran: **20,000**  
Pencapaian:  
**20,930**



Pewujudan Pekerjaan  
direalisasi  
Sasaran: **17,000**  
Pencapaian:  
**28,035**





Pada 31 Disember 2022, NCIA telah berjaya menarik pelaburan diluluskan sebanyak RM28.4 bilion, yang menghasilkan 20,930 peluang pekerjaan baharu.

Pelaburan ini disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam sektor elektrik dan elektronik, mekanikal dan elektrikal dan peranti perubatan di NCER.

Cabarannya ketidaktentuan pasaran global seperti ketegangan geopolitik di antara gergasi ekonomi dunia telah membuatkan syarikat terkemuka mencari hab pembuatan alternatif di luar negara berkenaan, sekali gus membuka peluang pelaburan baharu ke NCER.

Pertumbuhan aktiviti ekonomi antara sempadan Malaysia-Thailand terutamanya dalam sektor logistik dan pelancongan juga memberi manfaat pelaburan selain daripada pembentukan sektor-sektor baharu seperti kenderaan elektrik, kecerdasan pembuatan, ekonomi digital, pembuatan hijau, tenaga boleh diperbaharui dan unsur nadir bumi.



NCER berada dalam kedudukan yang kukuh untuk memanfaatkan cabaran berdasarkan kelebihan perbandingan (*comparative advantage*) termasuk perhubungan lancar melalui hab maritim, udara, darat; ekosistem, rantai bekalan yang matang, ketersediaan tenaga kerja mahir dan tarikan daya huni.

Walaupun NCER hanya meliputi 10 peratus daripada keluasan Malaysia, namun wilayah ini memberi sumbangan yang besar kepada KDNK negara iaitu sebanyak 17 peratus. Pertumbuhan KDNK dan nilai eksport adalah penting bagi memastikan kemampamanan sasaran pertumbuhan negara dan NCER telah menyumbang sebanyak 36 peratus daripada jumlah eksport negara pada tahun 2022.

# Laporan Kemajuan Pelaburan

## PEMBANGUNAN EKOSISTEM SECARA HOLISTIK

Peranan NCIA dalam menggalakkan pelaburan di wilayah ini turut melibatkan penyediaan ekosistem tersusun bagi merealisasikan pelaburan berkualiti tinggi.

Taman perindustrian tematik telah memangkinkan pertumbuhan di NCER berdasarkan kesan limpahan yang memberi peluang ekonomi di dalam dan sekitar kawasan tersebut. Taman perindustrian tematik ini melibatkan pembangunan infrastruktur strategik dalam sektor-sektor utama untuk menarik pelaburan dan mewujudkan pekerjaan di NCER. Taman-taman ini termasuk Kawasan Industri Lembah Chuping (CVIA), Bandar Getah Kedah (KRC), Taman Sains dan Teknologi Kedah (KSTP), Kawasan Perindustrian dan Hab Logistik di Sidam (SLAM) dan Taman Teknologi SilverValley (SVTP).

NCIA meneruskan pembangunan ekosistem bakat melalui program-program peningkatan kemahiran menerusi usaha sama dengan pihak akademik, industri dan agensi berkaitan.

Insentif fiskal dan bukan fiskal yang kompetitif turut ditawarkan termasuk pakej insentif khusus bagi sektor keutamaan, projek di taman perindustrian dan galakan lain daripada kerajaan negeri.

## Program dan Insentif Yang Ditawarkan di NCER

### Pakej Galakan Cukai NCER (NTax)

Pakej Galakan Cukai NCER (NTax) adalah insentif fiskal bertujuan menggalakkan pelaburan strategik dan bernilai tinggi khususnya sektor pembuatan, pertanian, bio-industri, pelancongan, logistik, ekonomi digital, petrokimia, penyelidikan dan pembangunan, sains perubatan dan pendidikan. Insentif fiskal ini telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada 13 Ogos 2019 dan NTax merupakan insentif fiskal komprehensif yang ditawarkan sehingga Disember 2025 untuk pelaburan strategik dan bernilai tinggi.

Pada tahun 2022, NTax menyumbang sebanyak RM2.85 bilion (10 peratus) daripada jumlah keseluruhan projek pelaburan baharu diluluskan di NCER yang berjumlah RM28.4 bilion.

Pelaburan baharu ini disumbangkan oleh sektor pembuatan (96 peratus) dan perkhidmatan pelancongan (4 peratus). Hasilnya, 5,826 peluang pekerjaan baharu telah diwujudkan, yang mewakili 95 peratus daripada sektor pembuatan dan empat peratus daripada sektor perkhidmatan.

**Program Penyetempatan dan Pembangunan Vendor** adalah satu lagi inisiatif NCIA dalam membangunkan ekosistem yang holistik dengan cara menyokong penyetempatan dan pembangunan vendor bagi memperkasakan rantaian bekalan dan meningkatkan daya saing syarikat tempatan.

Menerusi program ini, syarikat tempatan berpeluang untuk melonjakkan rantaian nilai yang dibantu oleh **NCER Technology Innovation Centre** (NTIC) yang berfungsi sebagai penyedia ekosistem.



### PENCAPAIAN NTAX 2022

#### PELABURAN

Jumlah pelaburan

**RM2.85 billion**

Peluang pekerjaan

**5,826**

#### MENGIKUT SEKTOR PEMBUATAN

Jumlah pelaburan

**RM2.74 billion**

Peluang pekerjaan

**5,551**

#### MENGIKUT SEKTOR PERKHIDMATAN

Jumlah pelaburan

**RM0.11 billion**

Peluang pekerjaan

**275**

## NCER Technology Innovation Centre (NTIC)

Dengan adanya ekosistem yang mesra pelabur dan mampan di NCER, ia secara langsung dan tidak langsung berfungsi sebagai salah satu faktor tarikan utama bagi para pelabur berpotensi untuk melabur dan mengembangkan perniagaan mereka di wilayah ini.

Sehubungan dengan itu, program NCER Technology Innovation Centre (NTIC) telah diwujudkan di dalam usaha memperkuuhkan ekosistem industri sedia ada agar lebih banyak aktiviti inovatif dan bernilai tinggi dapat diwujudkan di NCER.

NTIC juga menjadi pusat sistem pengurusan data sehenti dan pembangunan bakat tempatan kepada para pelabur di NCER. Syarikat tempatan mahupun pelabur boleh menggunakan platform NTIC bagi mencipta inovasi dan teknologi termaju, sekali gus menyumbang kepada ekosistem penyelidikan dan pembangunan yang berkesan dan berterusan.



### Program-program di bawah NTIC



#### Advanced Technology Meister Programme (ATMP)

Program **pembangunan tenaga kerja industri berkemahiran tinggi** dalam memenuhi keperluan industri.



#### Centre of Excellence (CoE)

Penyediaan platform kepada syarikat tempatan untuk menjalankan aktiviti **teknologi bernilai tinggi**.



#### Teknologi & Inovasi (T&I)

Program khusus kepada **syarikat tempatan** untuk menjalankan aktiviti **R&D&T&I&C** atau **pengadaptasian automasi & pendigitalan**

Melalui konsep kerjasama 'Quadruplex' antara sektor awam, industri, akademik dan komuniti bagi memperkayakan rantaian nilai, NTIC menawarkan perkhidmatan seperti reka bentuk dan konsultasi, inovasi produk, penyelidikan & pembangunan, teknologi & inovasi dan pengkomersialan. Sementara itu, *Advanced Technology Meister Programme (ATMP)* menerusi NTIC adalah satu lagi inisiatif membangunkan bakat berkemahiran tinggi. Program ini adalah untuk memenuhi keperluan industri dan melibatkan peningkatan kemahiran dan kemahiran semula yang diterajui oleh industri, disahkan oleh ahli akademik.

Bagi memastikan matlamat program NTIC ini berjaya dicapai, NCIA turut mengadakan beberapa siri sesi libat urus dengan para pemegang taruh yang merangkumi usahasama dengan pihakemain-pemain industri, ahli-ahli akademia dan wakil-wakil daripada agensi yang terlibat.

### Objektif Program NTIC

Sistem pengurusan setempat bagi pelabur baharu dan sedia ada NCER



# Laporan Kemajuan Pelaburan

## Program Pembangunan Bakat Tempatan: NCER Talent Enhancement Programme (NTEP) & JomKerja@NCER

Program Peningkatan Bakat NCER atau *NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)* bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan dan memberi mereka peluang pekerjaan dan kualiti kehidupan yang lebih baik. Program ini juga bagi memastikan tenaga kerja mahir mencukupi yang sesuai dengan keperluan industri di NCER.

NTEP berkonsepkan ‘tempatkan dan latih’, di mana peserta program ini akan mendapat penempatan pekerjaan di syarikat milik pelabur di NCER. Mereka akan menjalani latihan kemahiran kerja secara sistematik yang turut meliputi latihan kemahiran insaniah untuk meningkatkan daya saing mereka. Program NTEP memberi manfaat bukan sahaja daripada aspek insentif kepada para pelabur dan pemilik syarikat, malah ia turut berperanan penting di dalam membangunkan bakat tempatan yang berdaya saing dan berpendapatan tinggi.

Pada tahun 2022, seramai 1,282 rakyat Malaysia telah mendapat mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat yang beroperasi di NCER melalui program NTEP dan secara tidak langsung telah mewujudkan 14,207 peluang pekerjaan pada tahun 2022 dan telah menyumbang peratusan yang besar kepada jumlah pelaburan keseluruhan di NCER.

Kesan positif daripada program NTEP ini menyumbang kepada pengurangan kadar pengangguran di NCER, khususnya di daerah-daerah yang kurang membangun. Hasil daripada inisiatif ini dapat menggalakkan industri mengambil graduan baharu dan pekerja yang kehilangan pekerjaan akibat ketidakstabilan ekonomi dunia dan faktor-faktor lain pasca Covid-19.

Program	Matlamat Utama	Kumpulan Sasar	Hasil
<b>NTEP</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan</li><li>Memberi mereka peluang pekerjaan dan kualiti kehidupan yang lebih baik</li><li>Memastikan tenaga kerja mahir mencukupi yang sesuai dengan keperluan industri di NCER</li></ul>	Para graduan tempatan.	Menggalakkan industri mengambil graduan baharu dan pekerja yang kehilangan pekerjaan

Sehubungan dengan inisiatif pelaksanaan program NTEP, NCIA juga melaksanakan program **JomKerja@NCER** dari tahun 2020 hingga ke Oktober 2022 untuk membantu mereka yang telah diberhentikan kerja dan syarikat yang berusaha untuk meneruskan proses pengambilan pekerja atau mengekalkan pekerja di dalam tempoh masa berlakunya penularan wabak Covid-19 dan pasca Covid-19. JomKerja@NCER juga menyediakan penempatan pekerjaan melalui kerjasama sektor swasta. Melalui program ini, NCIA membiayai sebahagian ataupun 50 peratus daripada kos gaji graduan sehingga RM1,000 melalui kaedah pembayaran semula kepada syarikat terbabit.

Berdasarkan kepada prestasi program ini yang telah dijalankan sehingga suku keempat 2022, JomKerja@NCER telah berjaya mengurangkan kadar pengangguran di NCER sambil membantu meningkatkan taraf hidup graduan. Pada tahun 2022, seramai **1,999 peserta** telah mendapat pekerjaan di **34 syarikat** melalui JomKerja@NCER di mana, pencapaian ini telah melebihi sasaran yang telah ditetapkan untuk tahun 2022 iaitu 1,500 peserta.

JomKerja@NCER dan NTEP juga berfungsi sebagai intervensi strategik untuk mengekalkan kemampunan perniagaan. Selain itu, program ini juga memudahkan proses pemindahan pengetahuan dan kemahiran daripada pemain industri dan memberi insentif modal insan kepada syarikat yang terlibat.



## Dana Usahawan NCER

Selain itu, NCER menyediakan kemudahan kewangan melalui **Dana Usahawan NCER** atau DU@NCER, sebagai dana pemangkin kepada PMKS Bumiputera yang layak bagi membantu mereka meneroka pelaburan baharu atau perkembangan perniagaan.

DU@NCER membantu PMKS Bumiputera meneroka pelaburan baharu atau mengembangkan perniagaan mereka selaras dengan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025), dan RMK-12 yang menumpukan kepada sektor-sektor teras di wilayah ini.

Projek-projek yang telah dan akan dibantu di bawah program DU@NCER boleh memberi kesan pengganda, di samping mewujudkan peluang pekerjaan terutamanya di peringkat mahir dan separa mahir serta membuka peluang keusahawanan yang luas.

DU@NCER juga telah berjaya membantu merapatkan jurang ekonomi di antara wilayah melalui pembangunan projek-projek terutamanya di kawasan kurang membangun di NCER.

Pada tahun 2022, DU@NCER telah dimanfaatkan oleh **15 buah syarikat Bumiputera**. Jumlah pelaburan terkumpul adalah sebanyak **RM238.77 juta** manakala 767 peluang pekerjaan telah diwujudkan, yang menghasilkan impak positif terhadap ekonomi setempat.

NCER juga menyediakan sokongan teknologi dan kejuruteraan bagi memenuhi keperluan industri seperti penyediaan makmal bertaualiah, kemudahan ujian dan pensijilan.

Bagi memastikan pembangunan ekosistem industri, inovasi dan teknologi, NCIA menerima pakai konsep ‘Tech Valley’ yang bertujuan membawa limpahan ekosistem dari kawasan tumpuan ke kawasan kurang membangun menerusi pembangunan bakat berkemahiran tinggi dan aktiviti inovasi.

Tech Valley berperanan sebagai platform pemudah cara teknologi kepada semua peringkat perniagaan, daripada PMKS sehingga syarikat gergasi, teknokrat, usahawan muda dan perniagaan baharu untuk menjalankan aktiviti inovasi dan penyelidikan.

### Laporan Prestasi DU@NCER 2022



Jumlah Pelaburan  
**RM238.77 juta**



Peluang pekerjaan  
**767**



Jumlah Syarikat  
**15**

Impak Pengganda  
**13.6**

### Negeri



**Perlis**

Pelaburan: **RM53.4 juta**  
Syarikat: **4**  
Pekerjaan: **378**



**Kedah**

Pelaburan: **102.1 juta**  
Syarikat: **5**  
Pekerjaan: **246**



**Pulau Pinang**

Pelaburan: -  
Syarikat: -  
Pekerjaan: -



**Perak**

Pelaburan: **83.3 juta**  
Syarikat: **6**  
Pekerjaan: **143**

### Sektor



**Pembuatan**

Syarikat: 3  
**17%**



**Agribio-Naez**

Syarikat: 4  
**18%**



**Logistik**

Syarikat: 3  
**18%**



**Pelancongan**

Syarikat: 4  
**46%**



**Ekonomi Digital**

Syarikat: 1  
**1%**

# Laporan Kemajuan Pelaburan

## Sesi Teh Tarik Session di NCER

Sebagai inisiatif tambahan untuk merapatkan dan memperkuuhkan lagi hubungan di antara pemegang taruh dan juga agensi-agensi kerajaan serta penglibatan erat bersama dengan pemain-pemain industri sektor swasta di NCER, beberapa siri sesi teh tarik telah diadakan sepanjang tahun 2022. Aktiviti-aktiviti di bawah penjenamaan Sesi Teh Tarik NCER memainkan peranan penting di dalam mengembangkan jaringan perniagaan di antara pelbagai agensi dan program-program Sesi Teh Tarik adalah bersifat bersasar mengikut topik dan tema pada setiap sesi yang dijalankan. Sepanjang tahun 2022, sebanyak 11 sesi teh tarik telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan yang sangat megalakkan.

Penceramah-penceramah jemputan adalah daripada sektor-sektor swasta dan juga sektor kerajaan meliputi pakar di dalam bidang masing-masing. Program seumpama ini akan terus dijalankan pada tahun-tahun akan datang dan akan dijalankan sebagai aktiviti bulanan di NCER.



▲ Sesi Teh Tarik bersama YBhg. Datuk Redza Rafiq, Ketua Pegawai Eksekutif, PKNP, Meru



▲ Sesi Teh Tarik NCER di Auditorium NCER-Penyampai jemputan daripada Penang Port Sdn Bhd



▲ Para peserta yang hadir di Sesi Teh Tarik NCER di Perak



▲ Sesi Teh Tarik Auditorium NCER - Penyampai jemputan daripada Mutiara Perlis Sdn Bhd

## Lawatan-lawatan Kerja Antarabangsa dan Misi Promosi Pelaburan Luar Negara

Pada tahun 2022, pihak NCIA telah mengadakan beberapa siri lawatan kerja antarabangsa ke luar negara sebagai lawatan kerja rasmi dan misi menarik pelabur ke NCER. Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk mempromosi pelaburan di NCER dan sebagai usaha menarik pelabur-pelabur yang berpotensi untuk melabur dan memulakan perniagaan di taman-taman industri dan juga negeri-negeri di bawah NCER. Antara negara-negara yang telah dikunjungi untuk lawatan kerja ini adalah merangkumi negara Thailand, Eropah dan Amerika Syarikat.

Lawatan-lawatan kerja ini juga dikoordinasi secara bersama dengan penglibatan oleh sektor-sektor swasta dan juga agensi-agensi kerajaan seperti MIDA dan juga Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) di pejabat-pejabat antarabangsa mereka. Penglibatan pihak swasta juga telah memberikan ruang kepada mereka untuk menilai peluang-peluang pasaran baharu bagi mempromosikan produk serta

perkhidmatan mereka di samping menghubungkan NCIA dengan rangkaian perhubungan perniagaan mereka di peringkat global.

Semasa lawatan kerja ke Eropah, pihak NCER turut menyertai Farnborough International Airshow yang berlangsung pada 18 hingga 22 Julai 2022, untuk meneroka peluang-peluang kerjasama perniagaan dan pelaburan bagi syarikat-syarikat berdasarkan teknologi dan industri aeroangkasa.

Manakala bagi misi lawatan kerja antarabangsa ke Amerika Syarikat yang diadakan pada bulan November 2022, antara syarikat-syarikat peneraju teknologi utama yang turut dikunjungi semasa lawatan kerja tersebut adalah seperti Micron, Watlow, Keysight Technologies, Astrodyne TDI, Tinicum, Rapid Manufacturing, Jabil Manufacturing, Cornell Capital, Roncelli Plastic, Apex Semiconductor, Penn Engineering dan lain-lain syarikat berdasarkan industri berteknologi tinggi dan semikonduktor.



▲ Semasa sesi lawatan kerja ke pusat solusi pelanggan bagi syarikat Jabil di Amerika Syarikat



▲ Perjumpaan dengan pegawai MATRADE di Bangkok, Thailand bersama dengan syarikat swasta dari Perlis

## Laporan Kemajuan Pelaburan



▲ Lawatan kerja Ketua Eksekutif NCIA dan delegasi NCER ke Watlow di Amerika Syarikat



▲ Ketua Eksekutif NCIA bersama dengan wakil pengurusan daripada Micron, Amerika Syarikat



▲ Semasa sesi lawatan Ketua Eksekutif NCIA ke Lux Air Cargo di Luxembourg



▲ Perjumpaan delegasi NCER bersama pihak pengurusan tertinggi Tecan Group Ltd.



## RUMUSAN PENCAPAIAN DAN PROSPEK



Pada 2022, NCIA telah berjaya merealisasikan sejumlah 28,029 peluang pekerjaan dan pelaburan berjumlah RM31 bilion di NCER.

NCIA akan meneruskan usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan ke wilayah ini dengan sasaran penciptaan 28,000 peluang pekerjaan dan RM25 bilion dalam pelaburan pada tahun 2023.

Prestasi perdagangan eksport NCER terus berkembang sebanyak 27.6 peratus pada 2022 berbanding tahun sebelumnya, mewakili 36 peratus daripada keseluruhan eksport negara. Sektor utama yang menyumbang kepada pencapaian ini ialah sektor elektrik dan elektronik (E&E) dan pembuatan.

Pelaburan yang dibuat setakat ini juga telah menyumbang kepada kadar pengangguran di NCER yang berada di bawah kadar pengangguran nasional, sementara kadar penyertaan tenaga kerja meningkat dengan stabil dan diunjurkan akan berterusan pada 2023.

Bagi tempoh lima tahun akan datang, NCER akan memberikan tumpuan kepada sektor pembuatan strategik termasuk aeroangkasa, elektrik & elektronik dan peralatan perubatan, perniagaan agrobioindustri, petrokimia, ekonomi hijau, perlombongan mampan dan perkhidmatan selari dengan ramalan perkembangan ekonomi dunia.

Sepanjang tempoh 2023 hingga 2025, ekonomi negara dijangka tumbuh sekitar 4.5 hingga 5.5 peratus setahun namun NCIA mensasarkan kadar purata pertumbuhan ekonomi NCER dikekalkan kira-kira 5.6 peratus setahun melalui usaha dan inisiatif pembangunan industri yang dapat mengekal dan mengalakkan lagi pelaburan di NCER.

# Pembangunan Modal Insan di NCER





#### Penyertaan Keseluruhan

 B40  
**31,180**

 Belia (18-45)  
**16,716**

 Wanita  
**20,155**

 Orang Asli  
**2,977**

#### Usahawan Baharu

**4,886**

Penempatan pekerjaan & peluang pekerjaan

**54,662**

E-dagang

**3,559**

Pendaftaran SSM

**1,488**

#### Bilangan Syarikat Terlibat

LLC/MNC  
**39**

Peniaga Kecil Sederhana (PKS)  
**534**

PERUSAHAAN MIKRO  
**7,847**

## Pembangunan Modal Insan di NCER



### RINGKASAN EKSEKUTIF

Segmen ini mengulas pembangunan modal insan di Wilayah Ekonomi Kordor Utara (NCER) yang merangkumi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak, khususnya daripada segi usaha yang telah dilakukan oleh NCIA ke arah meningkatkan kemahiran keusahawanan, perkembangan perniagaan dan peningkatan bakat melalui latihan teknikal dan vokasional (TVET) dan pendidikan. Segmen ini juga turut menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian pembangunan modal insan, daripada penggubalan dasar dan reka bentuk program kepada pelaksanaan program hasil perancangan strategik.

Perkembangan dan menaiktarafkan modal insan memainkan peranan penting dalam meningkatkan pekerjaan, produktiviti dan pertumbuhan pendapatan. Pendidikan dan kemahiran kekal sebagai kunci kepada matlamat ini, maka tumpuan terhadap meningkatkan kualiti pendidikan dan kemahiran tenaga kerja serta kepakaran keusahawanan penting dalam menyejahterakan rakyat dan menjana pembangunan ekonomi inklusif.

Bagi menjadikan NCER sebagai sebuah wilayah berpendapatan tinggi, pembangunan modal insan perlu terus menjadi keutamaan. Oleh itu, NCIA telah memastikan segala usaha dipergiatkan untuk

merapatkan jurang kemahiran dalam pasaran bakat menerusi pelbagai intervensi dan inisiatif. Hal ini termasuk mengutamakan penciptaan pekerjaan, menambah baik kecekapan juga produktiviti pekerja, meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti dan melatih serta memupuk hubungan antara industri dan akademik.

NCER telah menyaksikan kemajuan yang memberangsangkan daripada segi akses kepada pendidikan pelajar kumpulan B40 dan Orang Asli untuk melengkapai pembelajaran sedia ada di dalam kelas. Program ini juga bertujuan untuk menyediakan peluang masa depan yang lebih cerah untuk golongan pelajar yang berkemungkinan keciciran.

Seiring dengan keperluan kemahiran serta pengisian tenaga kerja muda yang kian mendapat permintaan, bakat-bakat tempatan terlatih amat penting untuk menyokong secukupnya ekonomi dan proses transformasi ini. Dasar-dasar pembangunan kemahiran serta sistem TVET adalah antara tumpuan utama di NCER.

NCIA juga terus menggalakkan keusahawanan sebagai penjana pertumbuhan di kawasan-kawasan luar bandar, dalam usaha menyediakan pendapatan tambahan bagi rakyat di NCER.

## PENDEKATAN DAN STRATEGI PELAKSANAAN NCIA

Aset sebenar bagi sebuah negara maju ialah rakyatnya, terutama yang berpendidikan dan berkemahiran. Kesejahteraan dan kejayaan rakyat diukur dengan tahap pendidikan dan kemahiran mereka.

NCIA beriltizam untuk membangunkan modal insan secara holistik dan inklusif bagi memastikan semua lapisan masyarakat tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam aktiviti ekonomi. Sejajar dengan ini, NCIA berusaha melengkapkan individu dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dengan pendidikan, pengetahuan dan kemahiran berkaitan untuk memperkasakan mereka dan seterusnya meningkatkan sosioekonomi di NCER.

Selain daripada meningkatkan sosioekonomi rakyat, usaha menyeluruh NCIA juga bermatlamat untuk membasmi kemiskinan selaras dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

NCIA juga memasukkan pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG) – turut dikenali sebagai Agenda untuk Pembangunan Mampan 2030 dan memastikan segala inisiatif dan program NCIA selari dengan UNSDG.

UNSDG menyasarkan untuk menekankan kemiskinan, menggalakkan pendidikan berkualiti, memperkasa penglibatan wanita, menyediakan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan dan mengembangkan inovasi.

### Program holistik dan inklusif

*Pemangkin kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi*

Program pembangunan modal insan NCER direka untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh rakyat di wilayah ini, termasuk isu pendapatan isi rumah yang rendah, kemahiran bakat yang rendah, penyertaan tenaga kerja yang tidak optimum dan kadar pengangguran yang tinggi.

Bagi mengatasi cabaran ini dan membangunkan bakat-bakat tempatan dalam cara yang inklusif dan holistik, NCIA telah memperkenalkan pelbagai inisiatif modal insan yang rata-ratanya telah memanfaatkan sebanyak 109,397 rakyat tempatan dan 27,274 perniagaan di NCER sejak 2019.

### Program Pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

Program	Matlamat utama	Kumpulan sasar	Hasil
entrepreneur NCER	<ul style="list-style-type: none"><li>Membantu PMKS dari segi pembiayaan dan bantuan kewangan.</li><li>Pembangunan PMKS untuk mencapai perniagaan ke tahap yang seterusnya secara mampan dan berdaya saing.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>PMKS</li><li>Alumni program modal insan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Perkembangan perniagaan.</li><li>Subsidi pinjaman bank.</li><li>Peningkatan dan peluasan pasaran atau produk ke tahap yang lebih tinggi.</li></ul>
Dana Usahawan NCER	<ul style="list-style-type: none"><li>Dana Pemangkin sebagai <i>Tipping Point</i> kepada syarikat PKS Bumiputera yang layak untuk meneroka pelaburan baharu atau perkembangan perniagaan.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>PKS Bumiputera</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Pekerja mahir (rendah, separa mahir dan tinggi).</li><li>Peluang pekerjaan.</li></ul>

# Pembangunan Modal Insan di NCER

Program Pembangunan Individu			
Program	Matlamat Utama	Kumpulan Sasar	Hasil
Kasih Ibu NCER	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu mengurangkan beban kos sara hidup menerusi bantuan kad tanpa tunai bagi pembelian barang keperluan asas dan rawatan kesihatan.</li> <li>Penyaluran bantuan dibuat dengan lebih sistematik dan teratur (penggunaan kad pintar bercip) yang mana bantuan disalurkan adalah dengan kaedah kad tanpa tunai.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Miskin dan miskin tegar di bawah data eKasih dan iDamak</li> <li>Wanita berusia 18 hingga 60 tahun dengan tanggungan bawah 21 tahun yang masih belajar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penerima/tanggungan/panel kedai yang layak akan diintegrasikan ke dalam Program Pembangunan Modal Insan.</li> <li>Peningkatan pendapatan bagi peserta yang diintegrasikan.</li> <li>Memaksimumkan penggunaan peruntukan bagi barang keperluan asas dan rawatan kesihatan.</li> </ul>
empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan dan memperkasakan tahap sosioekonomi golongan sasar.</li> <li>Mengurangkan impak kos sara hidup secara mampan melalui peningkatan pendapatan menerusi latihan keusahawanan dan penempatan pekerjaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Golongan B40</li> <li>Belia berusia 18 hingga 45 tahun</li> <li>Graduan menganggur</li> <li>Keutamaan kepada Wanita</li> <li>Orang Asli</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan pendapatan.</li> <li>Penggunaan platform digital untuk pemasaran.</li> <li>Formulasasi perniagaan.</li> </ul>
empowerNCER Transformasi Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu peserta keluar daripada belenggu kemiskinan tegar melalui pembangunan kemahiran keusahawanan serta penempatan pekerjaan bagi menjana pendapatan yang mampan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penerima atau tanggungan Kasih Ibu NCER atau berdaftar dengan eKasih</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keluar daripada paras kemiskinan tegar.</li> <li>Peningkatan pendapatan melalui keusahawanan atau penempatan pekerjaan.</li> </ul>
empowerNCER Akademik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menangani kemiskinan masa hadapan dengan memberi pendidikan bersifat inklusif</li> <li>Membimbing pelajar lepasan SPM mendapat penempatan sama ada ke tingkatan enam, kolej atau IPTA/IPTS termasuk TVET</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelajar-pelajar SPM berprestasi lemah dan sederhana dalam akademik daripada B40</li> <li>Murid Orang Asli Tahun 5 &amp; 6</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan kadar kelulusan pelajar dalam peperiksaan SPM.</li> <li>Peningkatan Gred Purata Murid dalam peperiksaan SPM.</li> <li>Pencapaian Kemahiran 3M (Orang Asli).</li> <li>Transisi murid Orang Asli Tahun 6 ke sekolah menengah.</li> </ul>



**Statistik penyertaan setiap program mengikut negeri (Januari – Disember 2022)**

Program modal insan NCIA telah memberi manfaat kepada seramai 53,643 orang rakyat dan syarikat-syarikat di kesemua empat buah negeri di NCER melalui penciptaan peluang dan penempatan pekerjaan baharu.

Program	Perlis	Kedah	Pulau Pinang	Perak	Jumlah
<b>Kasih Ibu NCER</b>	3,600	4,400	N/A	5,200	<b>13,200</b>
	400	5,800	2,600	8,600	<b>17,400</b>
	370	4,280	1,769	4,279	<b>10,698</b>
	157	944	381	711	<b>2,193</b>
	9	717	1,035	237	<b>1,998</b>
	0	279	934	69	<b>1,282</b>
	1,069	3,652	586	1,550	<b>6,857</b>
	4 Syarikat	5 Syarikat	- Syarikat	6 Syarikat	<b>15 Syarikat</b>
<b>Jumlah</b>	<b>5,609</b>	<b>20,077</b>	<b>7,305</b>	<b>20,652</b>	<b>53,643</b>

**Program Modal insan NCER berteraskan Rakyat telah memberi manfaat kepada 53,643  
Sejak Januari - Disember 2022**

# Pembangunan Modal Insan di NCER

## STRATEGI KAMI

Demi menzahirkan matlamat Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025), NCIA mengenal pasti kumpulan sasar secara berterusan, ke arah menyokong keperluan pelaburan dan ekosistem pertumbuhan perindustrian di NCER. NCIA telah mengenal pasti dua kumpulan yang menjadi fokus utama, iaitu PMKS dan pemerkasaan individu termasuk pembangunan komuniti.

### Pembangunan usahawan Mikro, PKS & Bakat Berkemahiran (TVET) untuk menyokong keperluan pelaburan & ekosistem pertumbuhan industri di NCER

**1** Membangunkan usahawan Mikro dan PKS yang mampan untuk menyokong keperluan ekosistem industri

Kecil



Latihan Kemahiran & Keusahawanan

Keutamaan kepada B40

**2** Program Peningkatan Bakat (TVET)


Separa Mahir



Pembangunan Bakat Separa Mahir



Lepasan SPM, pekerja diberhentikan dan syarikat

Pembangunan PMKS melibatkan proses untuk meningkatkan kapasiti, keupayaan dan prestasi PMKS agar sektor ini dapat menjadi lebih berdaya saing dan menyumbang kepada rantai ekonomi kesan daripada limpahan pelaburan di NCER. Antara inisiatif yang ditawarkan termasuklah program latihan dan kaunseling, pembiayaan, pemasaran & promosi, pembangunan produk & teknologi dan keusahawanan.



## Pembangunan Modal Insan di NCER

Pada tahun 2022, NCIA telah berjaya membangunkan seramai 15,427 bakat separa mahir dan mahir yang melibatkan 573 buah syarikat daripada pelbagai sektor, melalui program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan dan JomNiaga@NCER.



## Membangunkan Ekosistem Bakat Berkemahiran Bagi Memenuhi Keperluan Industri di NCER (Januari-Disember 2022)

### Keperluan Bakat Berkemahiran Bagi Memenuhi Permintaan Industri Di NCER

Chuping Valley Industrial Area (CVIA)



Holistic In Situ Socioeconomic Development For Orang Asli Community In Lata Kinjang



Kedah Rubber City (KRC)



NCER Technology & Innovation Centre (NTIC)



### Sokongan Bakat Berkemahiran Bagi Membantu Pertumbuhan PKS



#### Tahap Kemahiran



#### Pencapaian



**12,078**

Berkemahiran Separa Mahir



**3,349**

Berkemahiran Tinggi



**573**

Syarikat meliputi PKS & MNC/LLC

NCIA menyatukan semua program modal insan secara holistik agar golongan yang perlu diberi perhatian tidak ketinggalan. Melalui strategi ini, program modal insan yang dimulakan pada tahun 2019 telah berjaya memberi manfaat menyeluruh dan mampu kepada semua golongan sasar.

Segala kesungguhan dan komitmen NCIA telah membawa hasil seperti yang dibuktikan melalui perangkaan pencapaian setakat ini.

# Pembangunan Modal Insan di NCER

## FOKUS 1

### PEMBANGUNAN PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA

Menyokong kelangsungan dan pertumbuhan perniagaan PMKS

PMKS memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi setempat dan merapatkan jurang sosioekonomi di NCER. PMKS ialah tumpuan utama NCIA dalam usaha mencapai pertumbuhan dan kemapanan ekonomi. Keupayaan PMKS untuk mendapat akses kepada sumber-sumber strategik boleh menjanjikan kemajuan yang akhirnya diterjemahkan kepada pembangunan ekonomi yang inklusif.


Program **entrepreneurNCER** merupakan satu program yang holistik bagi membantu PMKS daripada segi bantuan pinjaman dan/atau pembiayaan kewangan serta khidmat bimbingan kepada usahawan yang berhasrat untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Program ini melibatkan kerjasama dengan Maybank, Agrobank, CIMB Bank dan AFFIN Bank untuk menyediakan bantuan pinjaman mudah (*soft loan*) kepada usahawan melalui kaedah top-up 50 peratus ke atas kadar keuntungan bank. Hasilnya, program ini turut membantu kelangsungan PMKS dalam tempoh pasca pandemik.

Melalui kerjasama antara NCIA dan SIRIM Berhad, NCIA menawarkan program pembangunan modal insan bersepadu yang dipanggil **entrepreneurNCER-SIRIM**. Objektif utama program dua tahun ini adalah untuk memupuk dan membangunkan PMKS di NCER agar mampu berdikari dan meningkatkan keuntungan. Menerusi program ini, mereka mendapat bimbingan mengenai pembangunan produk dan pelabelan; promosi dan pemasaran; pensijilan HALAL dan MeSTI dan peningkatan produktiviti melalui aplikasi teknologi.

Pada tahun 2022, NCIA melaksanakan program perintis di tiga lokasi terpilih iaitu Pulau Pangkor, Baling dan Sik yang melibatkan 40 orang usahawan.

### Pencapaian 2022



Program ini diteruskan dengan melibatkan 100 orang graduan daripada empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan yang ditaja oleh Yayasan PETRONAS bagi memastikan kesinambungan pembangunan usahawan NCER ke tahap yang lebih tinggi.

Program **entrepreneurNCER** turut disertai oleh alumni peserta program empowerNCER dan JomNiaga@NCER yang telah berjaya mencapai tahap progresif dan memerlukan dana tambahan sama ada untuk mengembangkan perniagaan serta menambah kapasiti pengeluaran produk atau operasi.

**empowerNCER** dan **JomNiaga@NCER** telah berjaya dalam mencipta usahawan PMKS, **entrepreneurNCER** membawa satu langkah lagi ke hadapan dengan membantu membangun dan mengembangkan capaian pasaran mereka.



## Model Pelan Pembangunan PMKS

### Sektor Ekonomi Terlibat

-  Pembuatan
-  Perkhidmatan
-  Pertanian

### Persijilan dan Pengiktirafan Standard

Persijilan peningkatan kualiti dan pengiktirafan standard piawaian tempatan dan antarabangsa

### Menembusi pasaran Eksport dan Domestik

Akses ke pasaran antarabangsa dan rantai nilai global



**10 Syarikat**

pasaran domestik di luar NCER



**6 Syarikat**

### Penerapan Pendigitalan/Teknologi

Pemerkasaan operasi dan pemasaran perniagaan melalui digital/teknologi

### Peningkatan Pengeluaran dan Kawalan Mutu

Optimisasi proses pengeluaran, rekabentuk pembungkusan dan pembangunan jenama

### Peningkatan Pengurusan dan Pengoperasian Perniagaan

Meningkatkan pengetahuan keusahawanan, strategi perniagaan



Membantu secara berterusan dalam menyokong dan menggalakkan pembangunan PMKS bagi memastikan kemampuan dan kelangsungan perniagaan di NCER

Program JomNiaga@NCER ialah program *fast track* yang bertujuan menangani kumpulan sasaran yang terkesan dan merangsang ekonomi pasca pandemik COVID-19. Program JomNiaga@NCER juga turut menggalakkan syarikat untuk mengekalkan pekerja dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada graduan menganggur dan pekerja yang dibuang pekerjaan dengan insentif subsidi gaji.

Program-program pembangunan modal insan NCER seperti empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan dan JomNiaga@NCER telah terbukti keberkesanannya dalam membantu memperkasa usahawan PMKS tempatan untuk terus menjana pendapatan yang mampan khususnya dalam kalangan kumpulan B40.


Strategi penting yang dititikberatkan oleh program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan dan JomNiaga@NCER ini adalah memformalkan perniagaan-perniagaan kecil dalam kalangan usahawan B40 untuk membolehkan mereka membangun dan berkembang pada masa akan datang.

Selaras dengan transformasi digital, peserta program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan dan JomNiaga@NCER turut diberikan pendedahan terhadap teknik-teknik pemasaran e-dagang melalui platform Shopee, Facebook Live dan Instagram. Pendigitalan perniagaan berkenaan bukan sahaja mampu memasarkan produk mereka di platform talian malah dapat meningkatkan jangkauan pasaran mereka.


## Pembangunan Modal Insan di NCER



Pada tahun 2022, pinjaman/pembiayaan berjumlah RM167.75 juta telah diluluskan melalui bank-bank tempatan yang menjadi rakan strategik NCIA dan telah memanfaatkan seramai 6,857 PMKS di NCER.



### PECAHAN USAHAWAN MENGIKUT SEKTOR



## FOKUS 2

### PEMBANGUNAN PMKS MELALUI PENDEKATAN INKUBATOR YANG MENYOKONG PROJEK STRATEGIK NCER

Wawasan NCIA untuk mensejahterahkan rakyat dan menjanakan ekonomi inklusif bertitik tolak daripada pembangunan program modal insan melalui perniagaan, individu dan komuniti secara keseluruhan.

#### Pendekatan Holistik Pembangunan Komuniti NCER

Pembangunan Komuniti di NCER bertujuan untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi setempat terutamanya di kawasan yang kurang membangun dan mempunyai potensi tarikan pelancongan. Inisiatif ini direalisasikan oleh komuniti sendiri dengan usahasama agensi kerajaan seperti NCIA, JAKOA dan Kerajaan Negeri.

##### Kumpulan Sasaran




##### Orang Asli dan Miskin Tegar

###### Lokasi:

Mempunyai nilai tarikan sedia ada (existing attraction value) atau potensi pembangunan pelancongan

##### Insiden Kemiskinan 2020 di NCER



Insiden Kemiskinan OA 2019:

**33.6%**

##### Pendekatan Holistik

1. Pembangunan Infrastruktur Eko Pelancongan
2. Pembangunan Modal Insan
3. Agen kemampunan (koperasi etc.)
4. Ekosistem Sokongan Komuniti
5. Pembangunan Tenaga Kerja Mahir
6. Bantuan Dana (seed fund)
7. Pembangunan Individu
8. Kolaborasi Agensi Kerajaan dan Swasta

Ke Arah Sifar Miskin Tegar 2025

## Pembangunan Modal Insan di NCER

Tahun ini NCIA telah menyusun dan menambah baik beberapa program komuniti berdasarkan profil dan keperluan pembangunan kawasan setempat. Melalui pendekatan bersepadu, NCIA terus memberi keutamaan kepada golongan sasar bagi memastikan mereka mendapat manfaat maksimum daripada program yang dijalankan seperti projek *Quick Win iCON@Baling, Central Kitchen* dan program Pembangunan Komuniti Lata Kinjang.

Program *Quick Win* dilaksanakan bagi memastikan kesediaan usahawan untuk beroperasi di iCON@Baling, Kedah. NCIA menyediakan ruang perniagaan tanpa caj sewaan bagi tempoh terhad, peralatan penyediaan makanan, sejuk beku dan jahitan serta papan tanda premis.

Melalui sesi saringan yang diadakan, tiga usahawan perintis telah terpilih dan bakal mula beroperasi pada tahun 2023. Salah seorang daripada usahawan yang terpilih merupakan bekas penerima bantuan program Kasih Ibu Darul Aman daripada golongan asnaf yang telah menyertai program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan. Beliau kini mengusahakan perniagaan makanan sejuk beku di Baling.

### Proses Saringan Peserta Quick Win iCON@NCER Baling

#### Proses saringan pemilihan peserta QW iCON @NCER Baling



#### Penilaian akhir calon - sesi *pitching* pada 27 Julai 2022

Panel penilai melibatkan wakil daripada NCIA, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah, Majlis Daerah Baling. Antara elemen yang diambil kira oleh panel penilai ialah kekuatan produk, strategi harga, strategi pemasaran dan kekuatan kewangan peserta.

##### Senarai Panel Sesi Pitching:

- Muhammad Syakir Zufairi B. Radziyuddin (KEDA)
- Mad Asri Bin Saad (MDB)
- Lt Kol (B) Dr. Zulkifli Ismail (NCIA)
- Fauzan B. Ismail (NCIA)
- Juli Deri (NCIA)
- Mohd Firdaus B. Abdul Halim (NCIA)

##### Aspek/Kriteria sesi pitching

- Kekuatan Produk Perkhidmatan
- Strategi Harga
- Pemasaran
- Kewangan
- Lain-lain



## Usahawan Quick Win iCON@NCER Baling

Seramai 3 orang usahawan telah terpilih untuk menjalankan perniagaan di QuickWin iCON@Baling iaitu:

- 1) Nor Syuhada binti Khazali (Auntie Ida)
- 2) Siti Zamzida binti Zamani (Abang Manis Maju Enterprise)
- 3) Siti Hannan Binti Rahaman (Hallo Cinta Hati Resource)



## Inisiatif Central Kitchen

NCIA melaksanakan inisiatif Central Kitchen bagi menangani cabaran miskin bandar dan membantu usahawan menangani isu ruang operasi yang terhad di kediaman atau premis mereka. Melalui inisiatif ini, usahawan boleh mengoptimalkan penghasilan produk bagi memenuhi permintaan pasaran yang tinggi.

Pada 2022, seramai 15 orang usahawan telah mendapat manfaat daripada inisiatif Central Kitchen, yang mana mereka berjaya menjana 75 peratus peningkatan jualan dan mencipta 10 peluang pekerjaan baharu. Inisiatif ini telah dilaksanakan di daerah Barat Daya dan Timur Laut yang terdiri daripada peserta-peserta program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan yang terpilih.

Peningkatan Pengeluaran produk melalui kemudahan fasiliti yang disediakan di Central Kitchen

**25%** Kapasiti produk yang dihasilkan di ruang operasi yang terhad

meningkat sehingga

**75%** Melalui kemudahan fasiliti yang disediakan di central Kitchen



# Pembangunan Modal Insan di NCER

## FOKUS 3

### PEMBANGUNAN DAN PEMERKASAAN INDIVIDU

NCIA terus berusaha meningkatkan kemahiran dan kecekapan individu dengan menggalakkan mereka untuk mengambil bahagian dalam pelbagai program yang dilaksanakan oleh NCIA. Setiap program modal insan NCIA direka bentuk supaya dapat mencapai sasaran tahap kemahiran sewajarnya untuk memenuhi permintaan industri, secara tidak langsung membangunkan ekosistem bakat.

Tumpuan NCIA adalah untuk meningkatkan pemerkasaan ekonomi belia dan wanita menerusi program modal insan termasuk empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan dan JomNiaga@NCER.

NCIA melihat TVET sebagai cara paling praktikal untuk membangunkan golongan belia dan meningkatkan kemahiran mereka bagi mengisi keperluan pekerjaan dalam ekonomi.

Mengiktiraf kepentingan dan merangka strategi sewajarnya untuk TVET akan menyerlahkan potensinya dalam membangunkan sosioekonomi yang inklusif dan mampan. Melabur dalam TVET juga bererti melabur dalam pembangunan sosioekonomi.

Objektif bagi program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan dan program JomNiaga@NCER adalah menghasilkan usahawan dalam kalangan rakyat, seterusnya membangunkan ekonomi dan kehidupan mereka.

Program empowerNCER mengambil masa selama 24 bulan. JomNiaga@NCER pula merupakan program jangka pendek yang memakan masa hanya enam bulan, yang diwujudkan semasa tempoh pandemik COVID-19, khusus untuk membolehkan peserta memulakan perniagaan dalam masa yang singkat. Menerusi kedua-dua program ini, lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan diwujudkan justeru dapat membantu meningkatkan pendapatan isi rumah, terutamanya dalam kalangan golongan B40.

Selain itu, kedua-dua program ini juga memberi latihan untuk meningkatkan kemahiran dan keusahawanan serta kesedaran mengenai e-dagang kepada kumpulan sasar untuk meningkatkan pendapatan serta mengekalkan kelangsungan kehidupan mereka.

Sehingga Disember 2022, pendapatan terkumpul peserta selepas melalui program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan dan program JomNiaga@NCER adalah sebanyak RM34.45 juta.

### Pencapaian 2022



**LATIHAN KEMAHIRAN  
100%** daripada peserta tamat latihan dan mendapat sijil



**PENEMPATAN PEKERJAAN/  
PERNIAGAAN DIDAFTAR  
40%** daripada peserta mendapat pekerjaan/ mendaftar perniagaan



**PENINGKATAN PENDAPATAN  
10** kali ganda pendapatan secara terkumpul

## Pencapaian 2022



Jumlah keseluruhan peserta empowerNCER dan JomNiaga  
**7,091** orang



Penglibatan kaum wanita  
**4,950** orang



Belia  
**6,227** orang



Orang Asli  
**87** orang



Peserta memberikan pekerjaan  
**576** orang



Peserta mendapat pekerjaan  
**916** orang



Usahawan baharu setelah tamat program  
**5,408** orang

Peserta keluar daripada PGK 2019  
**2,157** orang



Peserta memasuki kategori **M40** dan **T20**  
**356** orang



Pendigitalan  
**2,857** orang



Pendapatan sebelum program  
**RM4.9 juta**



Pendapatan selepas program selama **3 bulan**  
**RM34.4 juta**

Program empowerNCER dan JomNiaga@NCER telah dirancang dengan teliti menerusi pelbagai strategi seperti yang berikut:

1. Laporan profil yang komprehensif
2. Penawaran kursus TVET yang menepati pensijilan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) atau badan kerajaan yang setara
3. Proses bimbingan berterusan selepas tamat latihan
4. Pemberian kit permulaan perniagaan bagi peserta yang berkelayakan
5. Pemantauan pencapaian KPI menerusi struktur tadbir urus NCIA
6. Penambahbaikan berterusan melalui Laporan Keberhasilan Program empowerNCER Kemahiran dan Keusahawanan dan JomNiaga@NCER

# Pembangunan Modal Insan di NCER

## Laporan pemprofilan

### Pengumpulan Data Primer

- i. Sesi perbincangan berfokus dengan beberapa agensi kerajaan dan swasta telah dijalankan bagi memahami serta mengumpul maklumat yang tepat tentang kependudukan daerah yang terpilih
- ii. Temubual bersama ketua kampung, penghulu, wakil persatuan serta peserta lepas untuk mencapai kelestarian tinggi dalam aktiviti keusahawanan yang dicadangkan melalui mengenalpasti kursus keusahawanan yang ditawarkan di daerah berkaitan dan minat penduduk
- iii. Tinjauan lokasi perniagaan dan aktiviti ekonomi komuniti untuk mengenalpasti potensi perniagaan dan sumber ekonomi penduduk setempat yang bernilai tinggi melalui peningkatan pendapatan/pulangan dan berisiko rendah

### KAJIAN DEMOGRAFI & SOSIO EKONOMI

Memahami profil setiap daerah merangkumi info (Populasi, umur, pendapatan, industri hiliran serta kegiatan ekonomi utama dan akan datang

- Mengenalpasti program latihan yang tepat untuk dilaksanakan berdasarkan Analisa kajian
- Melalui data Analisa kajian, ia akan membantu dalam membina data penduduk serta demografi daerah

### KAJIAN PERBANDINGAN (Comparative Analysis)

Melaksanakan perbandingan dengan Latihan kemahiran usahawan yang telah dilaksanakan bagi mengenalpasti aspek kelebihan, kelemahan serta, potensi program latihan lain

- Merangka program yang holistik bertepatan dengan keperluan semasa serta latihan kemahiran yang diperlukan oleh industri

### Pengumpulan Data Sekunder

- i. Kajian dokumen dasar untuk mengenalpasti aktiviti keusahawanan berimpak tinggi selari dengan dokumen polisi dan pembangunan nasional, wilayah, negeri dan tempatan
- ii. Rangka Strategik Pembangunan Wilayah Utara
- iii. Rangka Strategik Pembangunan Negeri
- iv. Pelan Pembangunan Strategik Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) 2021-2025
- v. Laporan pembangunan daerah
- vi. Demografi dan latar belakang penduduk daerah Pulau Pinang dan Perak



### Kajian pemprofilan daripada pihak universiti sekitar NCER



## KAJIAN PASARAN DAN INDUSTRI

Mengenalpasti kegiatan dan aktiviti industri tempatan yang sedia ada dan akan datang (Industri tempatan, desa, hiliran, rancangan pembangunan bandar serta sektor yang akan dibangunkan di masa hadapan)

- Melalui data analisa kajian, ia akan membantu dalam mengumpul serta membina data penduduk serta demografi daerah

## Cadangan Kursus



### Faktor pemilihan kursus-kursus empowerNCER - Latihan Kemahiran & Keusahawanan empowerNCER

#### Teknologi Digital Perniagaan

Pandemik COVID-19 telah mempercepatkan gelombang perubahan yang mendorong rakyat dan perniagaan untuk mengadaptasikan pendigitalan dalam urusan kehidupan sehari-hari

#### Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) & Revolusi Perindustrian 5.0

Selaras dengan hala tuju negara yang menuju ke arah Revolusi Industri 5.0 yang mengutamakan kemahiran teknikal tahap tinggi serta kursus yang relevan dan signifikan dengan keperluan semasa industri

#### Impak Signifikan & Kejayaan Kursus empowerNCER

Menawarkan kursus yang telah berjaya meningkatkan pendapatan berserta mencetuskan kesan limpahan yang positif terhadap ekonomi komuniti setempat

#### Fokus kepada Belia, Lepasan Graduan Mengganggur & Pekerja yang diberhentikan

Membuka ruang kepada golongan tersebut untuk meningkatkan lagi kemahiran kemampuan diri supaya dapat memenuhi keperluan pasaran kerja

#### Penelitian Pembangunan Dirancang bagi daerah-daerah daerah terpilih di NCER


Kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara telah merangka pelbagai inisiatif untuk membangunkan daerah-daerah tersebut dari pelbagai aspek seperti pembangunan guna tanah pertanian pelancongan perindustrian perikanan industri kecil dan sederhana pendidikan dan seumpamanya

# Pembangunan Modal Insan di NCER

## Elemen dalam kursus yang ditawarkan



## Elemen dalam kursus yang ditawarkan



**JPK**

Penyedia perkhidmatan perlu mempunyai pensijilan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) atau badan kerajaan yang setara dengannya

Badan Kerajaan



GIATMARA

Institut  
Kemahiran  
Mara

Badan Swasta



Pusat Latihan  
Wahyuni Spa

De Qaseh Skill  
Academy

## Bimbingan dan Pemantauan



Minda Usahawan



Taklimat Pendaftaran SSM

## Pemberian kit permulaan

### Serahan kit permulaan

Peserta yang menepati semua kriteria kit permulaan akan diberikan kit permulaan mengikut keperluan dan cadangan daripada penyedia Latihan yang bertauliah



Pengurusan Perniagaan & Kewangan



Pemantapan Teknik Pemasaran



Minda Usahawan



Program Bersama Agensi Kewangan



Karnival Usahawan



Mengenalpasti Peluang Pekerjaan Kepada Peserta


# Pembangunan Modal Insan di NCER

## PENCAPAIAN PROGRAM

(Fasa 1 – Kumpulan 2 : 2,200 Peserta)



## 'SKILL TRAINING PROGRAMME' – 'BEGINNER & PROGRESSIVE' (991 peserta)



## 'ENTREPRENUERSHIP DEVELOPMENT PROGRAMME' – 'SCALE UP' ( 9 Peserta)



## KESAN LIMPAHAN



**576**

Pekerjaan diwujudkan  
oleh peserta

**916**

Peserta mendapat  
penempatan pekerjaan

## STRUKTUR TADBIR (Fasa 1 – Kumpulan 2 : 2,200 Peserta) URUS PROGRAM



## LAPORAN KEBERHASILAN

- Laporan Keberhasilan Program merangkumi 4 fasa pelaksanaan.
  - Profiling & Pemilihan Peserta
  - Latihan & Bimbingan
  - Pemantauan
  - Penghasilan Laporan
- Faktor kejayaan yang boleh direplikasikan.
- Cadangan penambahbaikan kepada pelaksanaan program sedia ada.



## Pembangunan Modal Insan di NCER

Demi memastikan kesaksamaan dalam mendapatkan peluang pembangunan di NCER, program-program NCIA turut melibatkan masyarakat Orang Asli yang merupakan populasi kedua terbesar di negeri Perak.

Projek Pembangunan Komuniti Lata Kinjang merupakan projek rintis yang telah bermula pada tahun 2021 untuk meningkatkan taraf sosioekonomi setempat serta memacu sektor ekopelancongan. Projek ini direalisasikan oleh komuniti dengan kerjasama NCIA dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Projek ini bertujuan untuk menangani kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli melalui pendekatan tiga serampang menerusi penambahbaikan infrastruktur Taman Eko Rimba Lata Kinjang, pemerkasaan modal insan dan penubuhan Koperasi Orang Asli Lata Kinjang Berhad (KOALKB).



KOALKB dilantik sebagai operator Taman Eko Rimba Lata Kinjang yang dibuka kepada umum pada Ogos 2022 bagi menjana pendapatan mampan daripada aktiviti dan kemudahan ekopelancongan. Semasa fasa permulaan, NCIA telah menawarkan manfaat subsidi

melalui program JomNiaga@NCER kepada 21 orang pekerja tetap dan separa tetap yang menerima gaji minima termasuk caruman KWSP dan PERKESO.

NCIA telah melantik seorang Ketua Operasi untuk menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan latihan secara pemindahan pengetahuan kepada kakitangan KOALKB. NCIA juga memastikan pemantapan pengetahuan daripada segi kewangan, perkhidmatan kewangan, pemasaran dan kemahiran komunikasi dalam Bahasa Inggeris melalui bimbingan daripada kakitangan NCIA.

Taman Eko Rimba Lata Kinjang mempunyai pelbagai tarikan ekopelancongan seperti air terjun, tapak perkhemahan, kemudahan perkelahan dan infrastruktur asas lain. Sepanjang 2022, Lata Kinjang telah menerima lebih 50,000 orang pengunjung tempatan dan antarabangsa.

Bagi tempoh Julai hingga Disember 2022, Taman Eko-Rimba Lata Kinjang telah berjaya menjana pendapatan berjumlah RM295,853 melalui kutipan tiket, penginapan tiub kapsul, sewaan peralatan perkhemahan, kedai makan dan cenderahati.



## FASA PEMBANGUNAN KOMUNITI LATA KINJANG

**PERSEDIAAN  
KOMUNITI**

**2019 -  
2022**

1. Program Pembangunan Modal Insan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi dan memperkasa komuniti
2. Penubuhan KOALKB bagi mengurus dan menjana pendapatan dari aktiviti eko pelancongan
3. KOALKB menjana pendapatan permulaan setelah dilantik menjadi kedai panel KIDR
4. Penaiktarafan Infrastruktur dimulakan pada September 2021 dan siap sepenuhnya pada Julai 2022

**FASA PEMBANGUNAN  
KOMUNITI**

**2022 -  
2023**

1. Pelantikan Ketua Operasi pada Februari 2022 bagi melaksanakan proses pemindahan pengetahuan kepada staf KOALKB serta merancang dan mempromosi aktiviti eko pelancongan
2. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja setiap 3 bulan bagi memberi panduan memantau dan meluluskan kemajuan projek
3. KOALKB dilantik menjadi operator TERLK pada 12 April 2022
4. Memorandum Kerjasama selama 2 tahun antara NCIA dan KOALKB pada 14 Jun 2022
5. Insentif subsidi gaji di bawah program JomNiaga 12 bulan kepada 19 orang staf
6. Lawatan Kerja YB Menteri JPM (pada 16 Jun 2022)
7. Kerja penaiktarafan infrastruktur dan fasiliti Fasa 2 siap Julai 2022
8. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil 1 serta kelulusan penyaluran seedfund yang pertama pada 25 Julai 2022
9. Pembukaan Taman Eko Rimba Lata Kinjang kepada pengunjung pada 29 Julai 2022
10. Persiapan pengisian galeri orang asli pusat interpretasi
11. Pembinaan tambahan tube camp
12. Pembinaan Balai Seni Budaya oleh JAKOA

**FASA PEMAMPAAN  
KOMUNITI**

**2019 -  
2022**

1. Meningkatkan kerjasama strategik dengan IPT, agensi kerajaan dan swasta
2. Menyertai pelbagai program pameran dan usahasama bersama kerajaan tempatan
3. Menyertai kursus dan latihan yang disediakan oleh agensi naungan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Bomba dan KKM
4. Menyediakan fasiliti dan kemudahan perniagaan kepada usahawan orang asli yang telah dilatih bagi menyokong aktiviti ekonomi TERLK
5. Cadangan pembangunan kedai runcit komuniti
6. Cadangan pembangunan pakej Homestay
7. Pelan pakej pelancongan
8. Pembukaan Galeri Orang Asli *Augmented Reality* Balai Seni Budaya dan tambahan Tube Camp yang akan menjadi tarikan baharu dan menyokong kos operasi

# Pembangunan Modal Insan di NCER

## MENOKTAHKAN KEMISKINAN

Sehingga akhir tahun ini, negeri-negeri di NCER khususnya Kedah, Perak dan Perlis mencatat kadar kemiskinan yang tinggi, iaitu masing-masing pada kadar 12.7 peratus, 11.4 peratus dan 9.9 peratus. Pulau Pinang pula secara keseluruhannya mencatatkan kadar kemiskinan terendah di NCER, sebanyak 3.3 peratus.

**Program Kasih Ibu NCER** merupakan sebuah program bersepadu sejajar dengan objektif RMK-12 yang meletakkan sasaran sifar kemiskinan tegar menjelang 2025. Program ini telah dilaksanakan di negeri Kedah, Perlis dan Perak yang menyasarkan kaum wanita dan tanggungannya daripada kumpulan miskin dan miskin tegar merujuk kepada pangkalan data eKasih dan iDamak.

Program ini merupakan program strategik yang berimpak tinggi kerana sehingga 31 Disember 2022, seramai 34,036 orang penerima termasuk 148,802 orang jumlah tanggungan program Kasih Ibu NCER di ketiga-tiga negeri terbabit telah menerima manfaat, dengan penglibatan 288 panel kedai runcit dan pasar raya, serta 119 buah klinik secara keseluruhan.


Selain itu, bagi memastikan rakyat tidak terus bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata, pihak NCIA telah mengambil inisiatif melalui kaedah integrasi penerima program Kasih Ibu NCER dengan program modal insan yang lain. Program-program tersebut ialah empowerNCER Latihan Kemahiran & Keusahawanan dan JomNiaga@NCER, empowerNCER Akademik dan empowerNCER Transformasi Komuniti.

Hasil daripada program integrasi tersebut, seramai 50 peratus daripada 973 orang penerima dan tanggungan mereka telah berjaya melonjakkan pendapatan mereka dan mencapai pendapatan terkumpul sebanyak RM2.3 juta dalam tempoh tiga bulan berbanding RM220,000 sebelum ini.

Berdasarkan jumlah tersebut, seramai 269 orang telah berjaya melepas PGK 2019 dan mewujudkan 36 peluang pekerjaan dalam kalangan komuniti setempat.

Sementara itu, 338 orang tanggungan Kasih Ibu NCER yang berprestasi akademik rendah mendapat manfaat daripada program empowerNCER Akademik, dengan 60 peratus kadar lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu seramai 202 orang pelajar, yang juga berjaya mendapat tempat menyambung pelajaran ke Tingkatan 6 dan institut pengajian tinggi.

## Insiden Kemiskinan Tertinggi Mengikut Daerah di NCER



## TRANSFORMASI SOSIO EKONOMI KUMPULAN MISKIN TEGAR

### Testimoni Kejayaan Peserta Miskin Tegar

#### Sebelum Menyertai Program


- Berniaga secara kecil-kecilan dari rumah



#### Selepas Menyertai Program

- Menjalankan perniagaan pastri
- Mempromosikan produk melalui platform digital
- Menambah kepelbagaiannya produk
- Melantik seorang ejen bagi tujuan pemasaran

**M40** ( $>\text{RM}7,000$ )  
3.8X Ganda



Kategori  
Miskin



*"Harapan saya, adalah untuk mempelbagaikan lagi produk perniagaan dan dikenali ramai"*

#### ROHAIDA BINTI AWANG

Kuala Kangsar, Perak

- Penerima Bantuan Kasih Ibu
- Peserta empowerNCER

### Transformasi Kumpulan Miskin Tegar Melalui Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

**953**

Jumlah miskin dan miskin tegar yang menyertai Program Modal Insan NCER

**655**

Mengikuti Latihan Kemahiran & Keusahawanan

**315**

Mula Menjana Pendapatan

**130**

Melepassi PGK 2019

**15**

Penciptaan Peluang Pekerjaan

**1.44**

juta  
Pendapatan Terkumpul (Selepas)

**298**

Menghindari kemiskinan Masa hadapan melalui Bimbingan Akademik

**88%**

Pelajar SPM Sesi 2021 Lulus dan Layak Menerima Sijil

**RMO.2**

juta  
Pendapatan Terkumpul (Sebelum)

**RM4,600**

Purata Pendapatan 3 Bulan Tertinggi

**77%**

Pelajar SPM sesi 2020/2021 melanjutkan pelajaran ke Pra U/IPT/Vokasional


\*Nota: Data Januari - Disember 2022

## Pembangunan Modal Insan di NCER

Seiring dengan sasaran Sifar Kemiskinan Tegar 2025 di bawah RMK-12, seramai 953 orang penerima dan tanggungan Kasih Ibu NCER telah menyertai program-program modal insan NCER yang lain seperti empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, empowerNCER Akademik dan JomNiaga@NCER. Usaha ini perlu diteruskan dan dipertingkatkan bagi mengurangkan kadar kemiskinan pada masa hadapan melalui peningkatan pendapatan penerima.

Walaupun program ini dapat dilaksanakan sehingga tahun ini sahaja, NCIA masih meneruskan usaha-usaha membantu golongan sasar melalui program-program modal insan yang lain bagi merapatkan jurang kemiskinan dengan cara memperkasakan dan meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat di NCER.

Menyedari hakikat ini, salah satu program yang diperkenalkan khusus untuk golongan miskin tegar ialah program **empowerNCER Transformasi Komuniti** yang melibatkan seramai 200 orang peserta. Program ini menekankan aspek transformasi minda, latihan kemahiran dan pembangunan keusahawanan termasuk e-dagang. Peserta juga menerima kit permulaan perniagaan, bimbingan dan pemantauan secara berterusan. Melalui program ini juga, para peserta turut berpeluang meningkatkan kemahiran mereka dan mendapat penempatan pekerjaan.



NCIA telah meneruskan program **empowerNCER Akademik** yang membantu para pelajar untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka menerusi pendekatan holistik terhadap pendidikan. Penekanan khusus adalah kepada kecemerlangan akademik, kemahiran, kecekapan dan pembangunan sahsiah pelajar.

Program yang menyasarkan calon SPM daripada golongan B40 dan komuniti Orang Asli ini merupakan satu langkah bagi melengkapi pembelajaran sedia ada di sekolah.

Sejumlah 1,350 orang tenaga kerja yang terdiri daripada guru sekolah, guru cemerlang, jurulatih utama, pensyarah universiti, pelajar universiti dan staf sokongan turut terlibat dalam program ini dengan kerjasama serta sokongan padu daripada pejabat pendidikan daerah dan jabatan pendidikan negeri.

Berdasarkan matlamat mengurangkan kadar kemiskinan masa hadapan melalui pendidikan, sejumlah 19,650 pelajar yang telah dan sedang mengikuti program ini akan mampu membebaskan diri mereka serta keluarga daripada belenggu kemiskinan.

## Pencapaian Pelajar 2022 SPM 2021

### Pencapaian Program empowerNCER Akademik SPM 2021

**93%** pelajar SPM 2021 daripada 6,000 orang pelajar lulus melebihi peratusan lulus nasional **88.09%**

**85%** 156 orang pelajar Orang Asli lulus SPM 2020 (termasuk 2 orang pelajar capai Gred 4A, 2 orang pelajar capai Gred 5A, 2 orang pelajar capai Gred 6A)

### Pecahan Mengikut Negeri



Kadar Lulus Program **90.5%**  
Kadar Lulus Negeri **88.35%**



Kadar Lulus Program **94.3%**  
Kadar Lulus Negeri **86.29%**



Kadar Lulus Program **97.0%**  
Kadar Lulus Negeri **86.03%**




Kadar Lulus Program **91.7%**  
Kadar Lulus Negeri **85.71%**

## Pencapaian empowerNCER Akademik SPM 2021

### Penempatan Murid SPM 2021

**87.5%** murid mendapat penempatan kemasukan ke institusi pengajian tinggi/program teknikal dan sebagainya



### Penempatan Pelajar Orang Asli

**42** orang pelajar Orang Asli daripada 6000 murid **SPM 2021**  
Diploma – 7%  
Tingkatan 6 – 8%  
Sijil – 7%

## Pembangunan Modal Insan di NCER

### Strategi Pelaksanaan

01

Pendekatan serampang tiga mata iaitu fokus kepada murid, ibu bapa dan guru

02

Modul yang disesuaikan (*customised*) mengikut pencapaian akademik pelajar yang lemah dan diperakui oleh Jabatan Pendidikan Negeri

03

Kepakaran tenaga pengajar dengan kaedah pengajaran secara didik hibur, konsep mentor mentee, guru bitara dan sebagainya.

### Pencapaian

#### Tahun 6 - Orang Asli

**83%**

Mencapai Tahap Pencapaian 3 dan ke atas untuk Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

**84%**

mencapai tahap minimum ujian penilaian UPSI

**100%**

Transisi daripada Tahun 6 ke Tingkatan 1 (Sekolah Menengah)


#### Tahun 5 - Orang Asli - Program 3M

**58%**

Tahap penguasaan 3m (membaca, menulis & mengira)

**100%**

Transisi daripada Tahun 5 ke Tahun 6



### Peranan NCIA dalam program Pembasmian Kemiskinan Tegar (BMT)


Pada 2022, NCIA telah dilantik oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri untuk menyelaraskan pelaksanaan program Pembasmian Kemiskinan Tegar (BMT) di 17 lokaliti di NCER bagi Fasa 1. Program dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) dan pejabat daerah yang terlibat.



## KOLABORASI DENGAN YAYASAN PETRONAS

Sejak tahun 2019, NCIA telah berkolaborasi dengan Yayasan PETRONAS bagi melaksanakan program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, empowerNCER Akademik dan entrepreneurNCER.

### Kerjasama Strategik Berterusan Hasil Impak Positif



Perluasan Tajaan Yayasan PETRONAS berdasarkan pencapaian cemerlang membuktikan kualiti dan impak berjaya dilaksanakan oleh penyedia perkhidmatan yang berpengalaman dan berwibawa

Yayasan PETRONAS telah menaja lima buah daerah, iaitu daerah Baling, Sik, Kuala Muda, Yan dan Pendang di negeri Kedah sejak tahun 2019 untuk dua fasa program bagi kedua-dua program empowerNCER Akademik dan empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan.

Pencapaian program empowerNCER Akademik SPM 2021 yang sangat memberangsangkan, iaitu 94.7 peratus daripada 1,000 orang pelajar tajaan Yayasan PETRONAS telah lulus SPM 2021 berbanding peratus lulus nasional, iaitu 88 peratus. Daripada 1,400 orang peserta tajaan Yayasan PETRONAS bagi Program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan pula telah menghasilkan seramai 1,018 orang peserta yang ditransformasikan menjadi usahawan dan 47 orang peserta telah mendapat pekerjaan sehingga Disember 2022. 261 orang peserta juga telah mendigitalkan perniagaan masing-masing dengan modul yang dipelajari semasa program ini berlangsung. Seramai 1,250 orang golongan belia dan 961 orang wanita telah mendapat manfaat daripada inisiatif ini.

Kejayaan yang dicapai telah memberi impak yang sangat positif dan membanggakan, justeru pada tahun 2022, Yayasan PETRONAS telah meluaskan tajaan ke tujuh buah daerah, iaitu dua buah daerah di Pulau Pinang dan lima buah daerah di Perak untuk program empowerNCER Akademik manakala empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan di lima buah daerah di negeri Kedah dan dua buah daerah di negeri Perak.

**12** daerah  
dan **3,150**  
pelajar tajaan  
Yayasan  
PETRONAS

**2** **2 Daerah**

Barat Daya & Seberang Perai Selatan

**400** pelajar SPM 2022



Bagi program entrepreneurNCER-SIRIM pula, Yayasan PETRONAS menaja 240 orang peserta bagi memberi bimbingan berterusan kepada usahawan sedia ada dalam kalangan graduan peserta-peserta empowerNCER yang terpilih. Program bimbingan ini melibatkan dua fasa yang terdiri daripada 100 orang peserta untuk fasa pertama dan 140 orang peserta untuk fasa kedua. Program ini akan memberi bimbingan pengurusan kualiti, pembangunan pembungkusan dan penjenamaan produk kepada peserta-peserta yang terpilih.

Majlis Pengiktirafan Kerjasama Berterusan antara NCIA dan Yayasan PETRONAS telah diadakan pada 25 April 2022 di ibu pejabat NCIA. Majlis ini diadakan sebagai apresiasi kerjasama strategik dan sinergi antara penyedia perkhidmatan yang dilantik dari universiti serta sokongan padu daripada jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah yang berkenaan. Majlis ini turut melibatkan sesi penyerahan surat tawaran kepada peserta-peserta entrepreneurNCER-SIRIM sebagai simbolik permulaan program entrepreneurNCER SIRIM di bawah tajaan Yayasan PETRONAS.

**1**

## 5 Daerah (1,000 pelajar)



Yan Pendang, Baling, Kuala Muda dan Sik

**1,750** Pelajar

750 Pelajar SPM 2020

1,000 Pelajar SPM 2021

**3**

## 5 Daerah

(1,800 pelajar SPM & 600 Orang Asli)

Hilir Perak & Kuala Kangsar (UPSI)  
Perak Tengah, Manjung dan Bagan  
Datuk (IUKL)

**1,000**

pelajar SPM 2022



▲ Petukaran dokumen perjanjian penajaan Program-Program Modal Insan di antara Yayasan PETRONAS dengan NCAI



▲ Penyerahan Surat Penghargaan kepada Pihak Jabatan Pendidikan Negeri

## Pembangunan Modal Insan di NCER



Program NCER ini seiring dengan komitmen tanggungjawab sosial korporat Yayasan PETRONAS dalam misinya untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat serta menambah baik mutu kehidupan dan sosioekonomi negara.

Sebagai cabang tanggungjawab sosial korporat PETRONAS dengan misi untuk memperkaya kehidupan yang mampan, Yayasan PETRONAS berhasrat untuk memberi impak berkekalan, meningkatkan kualiti hidup dan membangunkan hasil sosioekonomi rakyat.

Sehubungan itu, di bawah teras Kesejahteraan dan Pembangunan Masyarakat, Yayasan PETRONAS melaksanakan program Memampangkan Ekonomi Asas Rakyat (MEKAR). NCIA adalah antara rakan strategik Yayasan PETRONAS dalam program ini bagi menyediakan bantuan jangka panjang dan berimpak tinggi dalam bentuk keperluan asas, latihan teras serta penyelesaian rangkaian perniagaan dan perkhidmatan dengan tujuan untuk memampangkan ekonomi rakyat, terutamanya golongan B40 di Malaysia.

### Rantaian Nilai

- Yayasan PETRONAS juga menggunakan produk-produk peserta untuk mewujudkan rantaian bekalan bagi sebarang aktiviti dan acara kelolaan Yayasan PETRONAS seperti hamper yang mana produk produk tersebut diedarkan di seluruh Semenanjung Malaysia.
- Inisiatif ini telah membina keyakinan peserta untuk menghasilkan kuantiti produk yang lebih banyak dan diiktiraf oleh syarikat bertaraf "Fortune 500 Companies" seperti PETRONAS.


### Daerah



Daerah	200	200	19
Baling	200	200	19
Kuala Muda	200	200	26
Pendang	200	200	31
Sik	200	200	13
Yan	200	200	11
Barat Daya	200		
SP Selatan	200		



Larut Matang Selama	200
Batang Padang	200
Hulu Perak	200
Kuala Kangsar	200
Perak Tengah	200
Manjung	200
Bagan Datuk	200



## Pembangunan Modal Insan di NCER



### IMPAK NCIA DAN TINJAUAN 2023

NCIA komited untuk meningkatkan kualiti kehidupan, mengurangkan pengangguran, membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang ekonomi khususnya dalam kalangan kumpulan terpinggir di seluruh NCER. Oleh yang demikian, NCIA berazam untuk terus membangunkan modal insan menerusi infrastruktur pembelajaran, pengetahuan, kemahiran dan kewangan selaras dengan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) dan RMK-12.

Bagi mencapai sasaran ini, NCIA akan terus menjalinkan kerjasama dengan sektor awam mahupun swasta termasuk pihak kementerian dan kerajaan negeri, institusi akademik, bank-bank dan Yayasan PETRONAS.

NCIA akan meneruskan program pembangunan modal insan dan akan menambah beberapa tumpuan dan kolaborasi baharu serta program strategik baharu.

Program baharu tersebut ialah **NCER Entrepreneur Sustainable Transformation (NEST)**. Menerusi program ini, NCIA akan membantu PMKS dengan memberikan

panduan berterusan bagi menambah baik dan memperkasa perniagaan mampan serta berdaya saing agar mereka dapat menembusi pasaran antarabangsa. Selain itu, NCIA juga akan terus menyokong keperluan dan ekosistem pertumbuhan industri serta projek berimpak tinggi di NCER.

NCIA akan memperkenalkan konsep mentor untuk membolehkan perkongsian pengetahuan, pengalaman dan motivasi kepada menti, yang akhirnya akan menyumbang kepada kejayaan mereka.

#### Dana modal insan

NCIA akan memperkenalkan penajaan untuk program akademik bagi membuka lebih banyak peluang melanjutkan pelajaran kepada mereka yang layak daripada golongan sasar.

Melangkah ke hadapan, NCIA akan terus memantau dan menambah baik semua program modal insan NCER agar seiring dengan corak dan permintaan semasa demi mensejahteraahkan rakyat dan pembangunan ekonomi yang inklusif.

# Kisah Kejayaan Pembangunan Perusahaan Kecil & Sederhana

## Dulu Asnaf, Sekarang Usahawan

Kisah Siti Zamzida Binti Zamani



Bermula daripada sifar, beliau kini berjaya menjana pendapatan bulanan sebanyak RM4,418 setelah mengikuti program empowerNCER dan terpilih sebagai usahawan perintis untuk mengembangkan perniagaan di premis Quick Win ICON@Baling. Beliau juga mendapat bimbingan penjenamaan dan pelabelan di bawah program entrepreneurNCER-SIRIM bagi meningkatkan imej produk dan memenuhi kehendak pasaran. Beliau juga berjaya mewujudkan lima peluang pekerjaan baharu untuk penduduk setempat.



## Kesan Limpahan Manfaat

Kisah Halim A/L Jasni

Pembukaan Taman Eko Rimba Lata Kinjang yang berdekatan dengan rumahnya telah membuka peluang baharu apabila beliau dilantik sebagai staf keselamatan dan logistik serta menjadi jurufoto sampingan bagi KOALKB. Kursus dan taklimat asas keselamatan oleh pelbagai agensi yang telah disertainya kini mengubah beliau daripada seorang pekerja kedai serbaneka di Tapah dengan pendapatan RM1,100 sebulan kepada seorang yang berpengetahuan dengan pendapatan yang bertambah.



## Pengurusan Berkualiti Tingkat Produktiviti

Kisah Ahmad Rahimi Bin Ramli

Program empowerNCER Transformasi Komuniti telah memungkinkan beliau menambah pendapatan bulanan daripada RM1,800 kepada RM4,200. Program ini telah membuka jalan dan peluang bagi beliau mengembangkan perniagaan roti canai yang sedia ada melalui latihan keusahawanan dan kemahiran serta induksi Transformasi Minda. Program yang diberikan turut menjadikan beliau cakna tentang pengurusan perniagaan yang betul dan cekap. Kini beliau berani untuk melangkah ke hadapan dengan mula menghasilkan dan memasarkan produk berasaskan roti canai sejuk beku sekitar kawasan setempat dan menggunakan transaksi e-dagang.



## Hasil Lumayan daripada Hati yang Dimenang

Kisah Sumerah Binti Tukichan

Pendapatan awal beliau hanya kira-kira RM650 hasil menjual kuih-muih dan perlu menyara anak yang bersekolah. Setelah menyertai kursus penyediaan dan pembuatan makanan di bawah program empowerNCER Kemahiran dan Keusahawanan, beliau mula menerima peningkatan tempahan menerusi platform e-panggil seperti FoodPanda dan Grab. Sumerah kini berada dalam kumpulan T20 dengan berpendapatan bulanan sebanyak RM58,200 berbanding B40 sebelum beliau menyertai program ini.

# Kisah Kejayaan

## Pemerkasaan Komuniti



### Kuasai Perniagaan Takluki Pendapatan

Kisah Nazmudin Asraf Bin Abdullah

Sebelum menyertai program empowerNCER, beliau seorang usahawan kecil yang menjual minuman yogurt dengan berpendapatan purata hanya sekitar RM500 sebulan. Menyedari akan kelemahannya dalam teknik jualan dan pemasaran yang betul, beliau mengikuti program empowerNCER dan hasil daripada pembelajaran, beliau menambah baik produk sedia ada. Bagi meningkatkan hasil jualan, beliau turut menjual roti kukus dan minuman koktel buah-buahan dengan jenama YourGood. Promosi perniagaan juga dibuat melalui platform digital seperti TikTok, Facebook dan Instagram yang semakin dikenali ramai, manakala penambahan bilangan kios antara kejayaan yang tidak pernah disangkanya. Kini pendapatannya meningkat hampir 40 kali ganda kepada RM20,106 sebulan.

### Penyakit Bukan Penghalang Kejayaan

Kisah Muhammad Aiman Lam  
Bin Muhammad Alif Lam

"Penyakit Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD) bukanlah penghalang untuk saya cemerlang dalam peperiksaan SPM." Program empowerNCER Akademik hasil kerjasama pihak NCER dan UPSI telah membantu pelajar dari SMK Idris Shah ini secara signifikan dalam meningkatkan tahap pencapaian akademiknya. Melalui program ini, beliau telah belajar banyak perkara baharu selain dapat menimba ilmu daripada guru-guru dari UPSI. Dengan pencapaian 3A+, 4A, 1A- dan 1B+ dalam SPM, beliau kini mengorak langkah untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Teknologi Mara.



### Cabaran buahkan kejayaan

Kisah Bryan Pang Jin Seng

"Guru-guru dalam program ini semuanya kreatif dan bersungguh-sungguh membantu kami untuk lulus dengan cemerlang," Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Puan Muda Tunku Fauziah, Perlis ini telah berjaya mendapat keputusan cermerlang 10A dalam peperiksaan SPM 2021. Menurut beliau, pembelajaran sepanjang musim COVID-19 yang lalu sememangnya sangat mencabar, lebih-lebih lagi dengan masalah capaian Internet yang kurang baik di rumahnya. Melalui program empowerNCER Akademik, beliau telah dibekalkan dengan bahan belajar yang boleh dimuat turun serta boleh diakses pada bila-bila masa.

# Kisah Kejayaan Pembangunan Individu

**“Saya telah berjaya membuktikan pelajar orang asli juga mampu menjadi pelajar cemerlang”**

- Daniel A/L Hamdan  
(Pelajar Lonjakan Cemerlang 2021)



“Menjadi pelajar orang asli dari SMK Sri Tapah, Batang Padang-Perak membuatkan semangat saya sentiasa tinggi demi mengubah persepsi masyarakat bahawa minoriti seperti kami juga mampu menjadi seorang yang berjaya.”

“Tidak ada yang mustahil kerana usaha tidak akan pernah mengkhianati hasil. Saya juga telah mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang diperolehi melalui penglibatan semasa program empowerNCER Akademik dengan sebaiknya dalam peperiksaan SPM”.



## Anak penoreh getah mampu peroleh keputusan cemerlang

Musliha Binti Khalid

Menurut ibunya, Musliha seorang anak yang sangat rajin belajar, membuat latihan, tidak pernah ponteng kelas dan tuisyen secara percuma. Ibu dan ayahnya amat terkejut dan tidak menyangka bahawa Musliha mampu memperoleh 8A kerana keputusan peperiksaan anaknya sebelum ini biasa-biasa sahaja.

Berkongsi kejayaan Musliha, beliau sering membuat nota-nota kecil untuk memudahkan beliau untuk faham, membuat latih tubi dalam modul empowerNCER dan merujuk guru jika tidak faham. Menurut beliau lagi, Modul yang dibekalkan oleh pihak UiTM sangat membantu beliau dalam membuat latih tubi dan nota-nota di dalam modul tersebut sangat memberi manfaat kepadanya. Tablet yang diberikan oleh pihak UiTM turut memudahkan beliau mengikuti pembelajaran atas talian.

Beliau yang dahulunya bersekolah di SMK Syed Abu Bakar, Baling kini sedang melanjutkan pelajaran ke Tingkatan 6 di SMK Baling, Kedah.



## Empower bantu capai impian jadi akauntan yang berjaya suatu hari nanti

Nisa Nabiihah Binti Mohamad

Dulu saya bersekolah di SMK Datuk Haji Abdul Kadir-Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dan mendapat keputusan SPM 8A, 2B dan 1C. Sekarang saya dapat melanjutkan pelajaran ke Kolej Matrikulasi Pulau Pinang dalam jurusan Perakaunan. Program empowerNCER banyak membantu saya untuk menduduki SPM. Saya mendapat banyak latihan tambahan melalui program yang dijalankan secara santai secara atas talian melalui WhatsApp, Google Meet dan Google Form. Coaches dari USM juga baik, sporting dan sangat memahami kami. Mereka juga mengajar secara efektif dan bersemangat. Hasilnya, saya memperoleh keputusan SPM yang cemerlang dan juga merupakan pelajar terbaik di sekolah saya. Ini juga memudahkan saya untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan yang saya inginkan dan berharap saya dapat mencapai cita-cita saya sebagai seorang akauntan seperti ayah saya. Terima kasih NCIA atas peluang ini!

# Kisah Kejayaan Menoktahkan Kemiskinan

## Gagal sekali bukanlah bererti gagal selamanya

Mohamad Nasral Bin Mohd Zulkernain



"Program empowerNCER Akademik ini banyak membantu saya meningkatkan tahap pencapaian dalam akademik dari hanya 1A dan 3 subjek gagal dalam peperiksaan yang lalu dan seterusnya menjadi pelajar cemerlang di sekolah saya-SMK Sultan Abdullah, Hilir Perak dengan keputusan 9A."

"Program ini juga banyak meningkatkan tahap motivasi dan memberi inspirasi kepada saya untuk berusaha lebih gigih dan seterusnya kini dapat menyambung pengajian ke tahap yang lebih tinggi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia."

## Anak nelayan buktikan peningkatan akademik cemerlang

Chan Zhi Yu



Pelajar SMK Rungkup-Chan Zhi Yu menetap di Sungai Tiang, Selekok, Perak. Beliau mempunyai keluarga yang sentiasa menyokong dalam pembelajaran sehingga ke hari ini. Bapa beliau merupakan seorang nelayan di tempat beliau menetap.

Pada pendapat beliau, program empowerNCER Akademik dapat membimbing pelajar melalui sesi kaunseling dan bimbingan kerjaya berdasarkan pada keputusan SPM yang diperolehi, iaitu 7A berbanding peperiksaan yang lalu tidak mendapat A. Kini, beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Tunku Abdul Rahman (UNITAR) dalam bidang Foundation in Arts.

## Menerapkan Pola Berfikir Yang Lebih Ke Arah Positif

Muhamad Aiman Mustakim Bin Abu Bakar



"Program empowerNCER Akademik banyak membantu saya menyambung pelajaran dalam bidang kejuruteraan sekarang ini. Program ini membantu saya meningkatkan prestasi pembelajaran dengan menerapkan pola berfikir yang lebih ke arah positif jika menghadapi masalah. Berkat daripada panduan semasa program saya tidak berputus asa untuk terus berusaha agar dapat mencapai cita-cita saya. Sekarang saya sedang menyambung pelajaran di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan berada di semester keempat dalam bidang Kejuruteraan Elektronik Perubatan."



# *Kisah Kejayaan*

## Pembangunan Perusahaan Kecil & Sederhana



**Kejar cita-cita jadi pegawai psikologi**  
Raudhatul Nazriah Binti Nazri

(Bekas pelajar SMK Ayer Hangat, Langkawi-Kedah; keputusan SPM 2020- 5A 3A- 1B+)  
Status Kini: Pelajar Universiti Utara Malaysia (Ijazah Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian (Semester ke-2)

"Program empowerNCER Akademik telah membantu saya untuk berada di tahap sekarang kerana saya berasal daripada keluarga B40 yang tidak mampu menyertai kelas tambahan. Namun dengan adanya kelas bimbingan akademik NCER ini, sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada prestasi SPM saya dan sekarang saya berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti Utara Malaysia. Kini, saya bergiat aktif dengan memegang jawatan sebagai Exco Kelab Persatuan Kaunseling Psikologi UUM dan berusaha untuk menyandang jawatan presiden kelab pada masa akan datang. Saya juga merancang untuk mendapatkan lesen kaunselor berdaftar untuk menjadi seorang pegawai psikologi selepas tamat pengajian ini."



**Program empowerNCER Akademik teruskan momentum kejayaan**

Aina Rasyiqah Binti Mat Rosli  
(mendapat keputusan 3.42 dalam Peperiksaan STPM 2022)

"Selepas tamat SPM, saya menyambung pelajaran ke peringkat STPM di SMK Sungkai, Perak. Penglibatan saya di Tingkatan Lima dalam Program empowerNCER Akademik ini telah membantu saya untuk mengekalkan momentum pembelajaran saya melalui pelaksanaan latih tubi yang banyak bagi persediaan menghadapi STPM di Tingkatan Enam.

Program ini juga memberi peluang kepada saya untuk merasai kehidupan di kampus universiti yang sebenar apabila semua pelajar program ini telah dibawa ke Universiti Pendidikan Sultan Idris selama dua hari satu malam untuk Program WOW. Peluang tersebut telah membuka mata dan memberi semangat kepada saya untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan saya mendapat tempat di universiti selepas tamat Tingkatan Enam. Walaupun tempoh penglibatan saya dalam Program empowerNCER Akademik adalah singkat, hasilnya telah mengukir kenangan manis dan menjadi pengalaman yang berharga dalam hidup saya."

# Laporan Kemajuan Projek Strategik





Bangunan Ipoh Padang,  
Perak

Pelabuhan Darat Perlis (PIP),  
Perlis

Pada tahun 2022, NCIA terus memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek pembangunan dan infrastruktur berimpak tinggi di wilayah ini dalam usaha memastikan kemampanan dan daya tahan sosioekonomi di NCER. Projek dan program strategik tersebut berada di pelbagai peringkat pelaksanaan, antaranya pembangunan taman-taman perindustrian tematik untuk memangkinkan pelaburan swasta, projek-projek strategik dan berimpak tinggi, projek-projek yang memberi penekanan terhadap sekuriti makanan serta projek-projek lain yang bermatlamat mensejahterahkan komuniti setempat di NCER.

# Laporan Kemajuan Projek Strategik

## TAMAN-TAMAN PERINDUSTRIAN TEMATIK DI NCER: MERANGSANG PERTUMBUHAN INDUSTRI PEMBUATAN BERNILAI TINGGI

Taman-taman perindustrian tematik di NCER terdiri daripada projek-projek pembangunan taman perindustrian yang mempunyai pengkhususan dan industri bersasar. Pengkhususan ini bermatlamat untuk memanfaatkan kelebihan sedia ada di kawasan-kawasan terbabit, antaranya lokasi yang strategik serta infrastruktur dan rangkaian kesalinghubungan yang cekap. Perancangan untuk setiap taman perindustrian tematik di NCER tertumpu kepada sektor-sektor seperti pembuatan, logistik dan perkhidmatan yang akan meningkatkan aktiviti bernali tinggi bagi memberi impak kepada KDNK di setiap negeri NCER.

Taman-taman perindustrian tematik di NCER ini bukan sahaja mampu merancakkan pertumbuhan dalam pembuatan produk-produk bernali tinggi, malah turut memainkan peranan penting dalam memangkinkan pembangunan sektor rantaian bekalan industri, mewujudkan rangkaian industri sokongan dan pembekal, sekali gus menyediakan ekosistem perniagaan yang lebih lengkap. Secara langsung, perancangan ini dapat menjana lebih banyak peluang perniagaan di wilayah ini, lantas mengurangkan kebergantungan kepada barang import.

Pada tahun 2022, Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA) di Perlis dan Bandar Getah Kedah (KRC) di Padang Terap, Kedah telah bersedia menerima kemasukan pelabur dari dalam dan luar negara.

NCIA juga sedang dalam peringkat pra-pelaksanaan bagi pembangunan taman-taman industri tematik lain untuk memangkinkan pertumbuhan ekonomi dan pelaburan di NCER di bawah RMK-12 melalui pendekatan bersepadu. Taman-taman tersebut antaranya ialah Kawasan Perindustrian dan Hab Logistik di Sidam (SLAM), Taman Sains dan Teknologi Kedah (KSTP) di Kedah, Taman Teknologi SilverValley (SVTP) di Perak dan Taman Teknologi Pulau Pinang (PTP) yang akan diterajui oleh pelabur swasta.

Secara keseluruhan, pembangunan taman perindustrian tematik baharu ini dijangka memberi impak kepada KDNK kumulatif NCER berjumlah RM118.05 bilion serta akan menarik pelaburan swasta berpotensi berjumlah RM59.5 bilion dan seterusnya mewujudkan 87,307 peluang pekerjaan baharu.

CVIA merupakan sebuah taman perindustrian bersepadu yang bakal melonjakkan Perlis menjadi negeri perindustrian berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030. Taman perindustrian ini bakal menempatkan aktiviti-aktiviti ekonomi yang berteraskan industri halal, pembuatan hijau dan penjanaan tenaga boleh diperbaharui. CVIA dijangka menyumbang lebih daripada RM3.9 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK), serta menarik sejumlah RM4.5 bilion pelaburan swasta yang bakal mewujudkan lebih dari 12,000 peluang pekerjaan dalam tempoh yang sama.

Pembangunan keseluruhan CVIA dengan keluasan 2,468 ekar berkenaan akan melibatkan Fasa 1 dan Fasa 2. Pembangunan projek Fasa 1 melibatkan Pusat Perniagaan Bersepadu (*Integrated Business Centre - IBC*) dan infrastruktur asas. Pembinaan IBC telah siap sepenuhnya dan telah beroperasi pada Jun 2020. Seluas 60 ekar pembangunan pertama Fasa 1 CVIA telah siap pada Disember 2021 dan bersedia untuk menerima pelaburan.

Sehingga Disember 2022, CVIA telah menarik pelaburan swasta berjumlah RM2.5 bilion yang bakal mewujudkan hampir 1,870 peluang pekerjaan daripada syarikat tempatan dan antarabangsa. Pelabur-pelabur yang telah dikenal pasti untuk CVIA terdiri daripada pemain dalam sektor produk makanan, nutraceutical halal, semikonduktor dan sumber tenaga yang boleh diperbaharui.




 **Pakej 1**  
Plot-plot Perkilangan



## Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA)



▲ Pelan Induk CVIA



▲ Pakej 1  
Tangki Air



▲ Pakej 2  
Sub-Stesen TNB



▲ Pakej 2  
Keseluruhan STP

# Laporan Kemajuan Projek Strategik

## Bandar Getah Kedah (KRC)

KRC merupakan sebuah projek berimpak tinggi nasional dan taman perindustrian tematik berdasarkan produk getah khusus pertama di Malaysia yang dibangunkan di daerah Padang Terap, Kedah. Matlamat KRC adalah untuk menjadi peneraju pembangunan industri getah negara serta berperanan sebagai hab getah bernilai tinggi global. Tujuh kluster teras berasaskan getah telah dikenal pasti di KRC iaitu produk lateks termaju, tayar dan produk berkaitan tayar, komponen getah automotif, produk kejuruteraan getah, getah termaju dan bahan getah, bioteknologi dan perkhidmatan sokongan.

KRC dijangka akan menyumbang sebanyak RM15 bilion kepada KDNK negara, dengan jangkaan kemasukan pelaburan sebanyak RM10 bilion dan mewujudkan sebanyak 14,471 peluang pekerjaan dalam tempoh 15 tahun.

Pembangunan keseluruhan KRC melibatkan kawasan seluas 1,247 ekar, merangkumi 496 ekar bagi Fasa 1 dan 748 ekar bagi Fasa 2. Seluas 60 ekar pertama Fasa 1 telah siap pada Januari 2021 dan bersedia untuk menerima pelaburan.

Sehingga Disember 2022, KRC telah menarik pelaburan swasta berjumlah RM3.055 bilion yang bakal mewujudkan hampir 830 peluang pekerjaan daripada syarikat tempatan dan antarabangsa. Pelabur-pelabur yang telah dikenal pasti untuk KRC terdiri daripada pemain dalam sektor pembuatan produk getah bernilai tinggi dan logistik.



 Pelan Induk KRC



**Pakej 1**  
Kerja-kerja Tanah



**Pakej 2**  
Loji Rawatan Kumbahan



**Pakej 3**  
Menaiktaraf Jalan K11



**Pakej 4**  
Pemecahan Batu

# Laporan Kemajuan Projek Strategik

## Taman Teknologi SilverValley (SVTP)

SVTP dibangunkan sebagai sebuah taman perindustrian tematik berdasarkan teknologi generasi masa hadapan di kawasan seluas 1,500 ekar di Mukim Hulu Kinta, Perak yang bakal menjadi peneraju Taman Teknologi Digital di Asia Tenggara. SVTP ialah salah satu projek 'flagship', di bawah Inisiatif @SilverValley yang berkonsepkan koridor industri yang menekankan aspek holistik dan inklusif bagi menggalakkan pelaburan berkualiti dan berimpak tinggi.

Projek SVTP bakal memainkan peranan penting untuk memacu pertumbuhan sektor pembuatan berteknologi tinggi dan ekonomi digital seperti yang telah digariskan dalam Rangka Pembangunan Strategik Negeri Perak. SVTP diunjurkan untuk menarik pelaburan sebanyak RM14 bilion dalam tempoh 20 tahun dan menyumbang sebanyak dua peratus kepada KDNK Perak pada setiap tahun serta mewujudkan hampir 13,000 peluang pekerjaan baharu sepanjang tempoh berkenaan.



 Ilustrasi SVTP menurut gambaran artis

## Pembangunan Kawasan Perindustrian & Hub Logistik di Sidam (SLAM), Kedah

SLAM merupakan satu lagi projek berimpak tinggi nasional di NCER, yang akan dibangunkan di Mukim Sidam Kiri, Kulim, Kedah. SLAM bakal melengkapkan pembangunan Kedah Aerotropolis dengan memfokuskan kepada aktiviti bernilai tinggi khususnya logistik, aeroangkasa dan pembuatan.

Hab ini dijangka menarik pelaburan swasta sebanyak RM18.1 bilion dan menyumbang sebanyak RM8 bilion kepada KDNK negara serta mewujudkan 24,951 pekerjaan baharu dalam tempoh 20 tahun selepas beroperasi. Kini, projek pembangunan SLAM sedang dalam fasa pra pelaksanaan.



▲ Pelan Induk Susun Atur SLAM

## Taman Sains dan Teknologi Kedah (KSTP)

KSTP ialah sebuah projek berimpak tinggi nasional dan taman perindustrian moden di Bukit Kayu Hitam, Kedah yang memfokuskan kepada pembangunan industri agromakanan, bahan termaju, produk kimia, bioteknologi dan teknologi nano. KSTP berpotensi menarik pelaburan swasta berjumlah RM12.9 bilion dan menawarkan 23,244 peluang pekerjaan apabila siap sepenuhnya kelak.

NCIA juga telah memuktamadkan Perjanjian Kerjasama KSTP bagi Fasa 2 bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) pada 20 Jun 2022.



▲ Pelan Induk KSTP

# Laporan Kemajuan Projek Strategik

## ZON EKONOMI AGRIBIO NCER (NAEZ)

NAEZ merupakan sebuah zon agromakanan bersepadu merangkumi aktiviti hulu dan hilir bagi melengkapi rantaian nilai untuk keterjaminan makanan dan pada masa yang sama merangsang pertumbuhan ekonomi serta merapatkan jurang ekonomi dalam pertanian. Agenda ini juga merupakan satu sokongan langsung kepada Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Keterjaminan Makanan 2021-2025 yang dibangunkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia.

Bagi meningkatkan produktiviti dan hasil pengeluaran agromakanan, NAEZ memfokuskan kepada penggunaan dan pembangunan teknologi pertanian terkini seperti teknologi pertanian pintar, digital, bioteknologi, nanoteknologi dan nuklear bagi menjadikan NCER sebagai hab teknologi pertanian.

NAEZ bukan sahaja mengangkat kepentingan aktiviti pertanian sebagai nadi kepada kecukupan bekalan makanan negara, malah turut mengenal pasti sektor agromakanan sebagai platform bagi pembangunan ekonomi komuniti setempat. Beberapa projek pertanian berimpak tinggi telah dirangka dan dilaksanakan melibatkan komuniti-komuniti terpilih bagi memberi peluang penjanaan pendapatan.



### 1 Megatrends Agro-Makanan: Ke Arah Pemulihan & Daya Tahan Pasca COVID-19

Kelestarian

Perubahan  
Teknologi

Persaingan  
Sumber Asli  
(Tanah & Air) &  
Perubahan Iklim

Perubahan Demografi dan Corak Pemakanan

### Implikasi Terhadap NCER



Sekuriti  
Makanan



Teknologi &  
Inovasi



Transformasi  
Rantaian  
Makanan


### 2 Komponen NAEZ

Integrasi keseluruhan rantaian bekalan aktiviti pertanian, termasuk teknologi, inovasi, aktiviti R&D di dalam Zon NAEZ



- 1 Tenaga Hijau
- 2 Penghasilan Benih
- 3 Pertanian Komersial
- 4 Penuaan/Pemprosesan
- 5 Pengeluaran/Hiliran
- 6 Pengedaran
- 7 Perkhidmatan Sokongan/R&D

Pihak MAFI serta Kerajaan Negeri menyokong mewujudkan ekosistem lengkap rantaian makanan meningkatkan kesejahteraan rakyat.



### 3 Inisiatif-inisiatif NAEZ

- LEMBU TENUSU • JAGUNG BIJIRIN**
  - 25% keperluan susu segar
  - Mengurangkan pergantungan jagung bijirin import (4 juta tan metrik setahun)
  
- KELAPA**
  - Mengurangkan pergantungan import (1 juta biji setahun)
  - Meningkatkan pengeluaran benih berkualiti
  
- AKUAKULTUR**

Meningkatkan pengeluaran sebanyak 30% melalui teknologi dan inovasi
  
- SUPERFRUITS & AGRO VALLEY**

Produk pertanian bernilai tinggi
  
- PADI**

Peningkatan hasil melalui pengoptimuman data dan input serta pertanian pintar
  
- HAB INOVASI**

Ekosistem rantai makanan yang merangkumi elemen R&D&I&C&T

Agenda Strategik Sekuriti Makanan di bawah NAEZ ini adalah selari dengan aspirasi Dasar Agro-Makanan Negara (DAN) 2.0 dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal NCIA-MAFI pada 20 Januari 2022

### 4 Outcome 2022-2025

KDNK RM6-8 bilion

17,600 Peluang Pekerjaan

900 Usahawan

RM5 bilion  
Pelaburan Berpotensi

RM3.5 bilion  
Penggantian Import

perancangan dan pelaksanaan keseluruhan NAEZ, dan NCIA akan meneruskan kerjasama strategik ini bagi bagi menyumbang kepada agenda sekuriti & nutrisi makanan, mamacu pertumbuhan ekonomi serta

# Laporan Kemajuan Projek Strategik

## PROJEK-PROJEK STRATEGIK NCER AGRIBIO ECONOMIC ZONE (NAEZ)

### i. Model Pengurusan Estet (EMM) 2.0 Pendang

EMM 2.0 Pendang merupakan sebuah projek rintis bagi meningkatkan hasil padi melalui kaedah penyatuhan tanah dan aplikasi teknik pertanian moden yang meliputi 13 musim penanaman. Projek rintis ini dijalankan di kawasan seluas 64.1 hektar di Kg. Asam Jawa, Pendang, Kedah dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Pertubuhan Peladang Kawasan F3 Pendang.

Projek ini memfokuskan kepada adaptasi teknologi pertanian moden dan pintar bagi mencapai objektif untuk mengoptimumkan produktiviti sistem penanaman padi serta meningkatkan purata hasil padi di lapangan sebanyak 20 peratus. Pelbagai pihak daripada kementerian, agensi, pihak-pihak berkaitan, pihak swasta dan penyedia teknologi telah memberikan kerjasama serta komitmen untuk menjadikan projek EMM 2.0 Pendang sebagai hab teknologi padi.



### ii. Pembangunan Usahawan Superfruit

*Superfruits* merupakan buah-buahan yang mengandungi nutrien dan bahan aktif yang tinggi berbanding buah-buahan lain. Melihat kepada potensi bagi penghasilan buah segar serta produk hiliran bernilai tinggi dari tanaman *superfruit*, pihak NCER telah merangka satu projek pembangunan usahawan graduan bagi penanaman *superfruit* di Perlis.

Projek ini dilaksanakan di kawasan Lembah Superfruit Chuping melibatkan 10 orang peserta yang terdiri daripada graduan muda. Projek berkenaan juga menyasarkan untuk menjadikan *superfruit* sebagai produk ikonik baharu bagi negeri ini. Sebagai permulaan, para peserta telah mengusahakan tanaman buah tin di dalam rumah hijau. NCIA dan rakan strategik yang terdiri daripada pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan telah menyediakan latihan serta kemudahan infrastruktur asas ladang kepada peserta.



### **iii. Lembah Agromakanan Chuping**

Lembah Agromakanan Chuping ialah salah satu inisiatif swasta di bawah NAEZ bagi menjamin kelestarian bekalan makanan negara yang terletak di Chuping, Perlis. Lembah Agro Chuping FGV (FCAV) merupakan projek utama di lembah Agromakanan Chuping yang dibangunkan oleh FGV Holdings Bhd dengan kerjasama NCIA.

Projek FCAV ini berkonsepkan *Integrated High Value Cash Crop* yang menempatkan tanaman nanas MD2, pisang jenis Cavendish dan juga mangga Harumanis di kawasan seluas 1,240 hektar. Projek agromakanan bersepadu ini akan menggalakkan amalan pertanian terbaik dan pengeluaran makanan yang mampan. FCAV juga menyasarkan untuk memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka selain menjamin aspek keselamatan makanan negara.

### **iv. Pembangunan Ekosistem Jagung Bijian-Tenusu**

NAEZ telah membangunkan projek ekosistem jagung bijian-tenusu bagi meningkatkan pengeluaran hasil tenusu negara. FGV Holdings Bhd melalui anak syarikatnya telah pun menandatangani Perjanjian Bersyarat dengan Baladna Food Industries W.L.L dan Touch Group Holdings Sdn Bhd pada 6 Ogos 2022 bagi membangunkan projek penternakan tenusu bersepadu di Chuping, Perlis.

Projek yang akan dibangunkan di kawasan seluas 3,259 hektar di FCAV dijangka melibatkan pelaburan sehingga RM5.1 bilion. Berdasarkan konsep ‘*grass to glass*’, usaha sama itu akan diintegrasikan dengan melibatkan pengeluaran jagung bijian sebagai makanan ternakan, kandang ternakan bertutup, pusat perahan susu, kilang pemprosesan susu, penjualan, pemasaran dan pengedaran produk berkaitan tenusu, terutamanya susu segar.

Seterusnya, bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan import jagung bijian negara, NCIA telah bekerjasama dengan kerajaan negeri di NCER bagi menyediakan tanah serta membangunkan pemain industri tempatan, dengan sasaran untuk menyumbang sebanyak 10 peratus daripada sasaran 30 peratus pengeluaran jagung negara.



# Laporan Kemajuan Projek Strategik

## PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan di NCER terdiri daripada beberapa sub-kluster yang merangkumi pelancongan, logistik, kesalinghubungan dan pendidikan. Setiap sub-kluster ini memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi wilayah, dengan memanfaatkan warisan alam semula jadi dan sejarah di negeri-negeri NCER, rangkaian infrastruktur dan logistik yang mampan dan cekap, serta ekosistem mesra pelaburan yang sedia wujud di wilayah ini.

## PELANCONGAN

Kewujudan aset-aset pelancongan semula jadi seperti hutan hujan tropika tertua di dunia, pulau-pulau yang indah, warisan sejarah, arkeologi dan budaya telah menjadikan sektor pelancongan sebagai salah satu sektor ekonomi yang utama di NCER dan melonjakkan wilayah ini sebagai salah sebuah destinasi pelancongan yang unggul di Malaysia.

Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 telah menjelaskan hampir keseluruhan sektor ekonomi terutamanya sektor pelancongan. Kesan ini berterusan sepanjang tahun 2022 dan telah mengakibatkan keresahan terhadap kelestarian sektor ekonomi pelancongan Malaysia.

### Kajian Model Perniagaan dan Pelan Pelaksanaan bagi Pembangunan Kompleks Jeti Kargo dan Terminal Penumpang di Pulau Pangkor

Pulau Pangkor telah diwartakan sebagai Pulau Bebas Cukai bermula pada 1 Januari 2020. Sejajar dengan strategi transformasi pelancongan di dalam Dasar Pelancongan Negara 2020-2030, yang melibatkan penelitian semula aspek-aspek fizikal, ekonomi dan sosial di Pulau Pangkor bagi menangani isu dan cabaran utama pembangunan pelancongan di pulau ini. Kajian ini akan mencadangkan langkah-langkah penyelesaian yang berkesan bagi melaksanakan pembangunan yang lebih efektif.

Pembangunan semula kompleks jeti kargo dan terminal penumpang ini meliputi kawasan seluas 36 ekar di bawah hak milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI). Cadangan pelan induk pembangunan semula terminal jeti merangkumi komponen-komponen berikut:

<b>1.</b>	Pembangunan lot komersial
<b>2.</b>	Jeti kargo
<b>3.</b>	Jeti penumpang
<b>4.</b>	Jeti perikanan; dan
<b>5.</b>	Pejabat kerajaan.



Ilustrasi Pembangunan Semula Terminal Jeti Kargo dan Penumpang Pulau Pangkor



Ilustrasi Pembangunan Semula Terminal Jeti Kargo dan Penumpang Pulau Pangkor



Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengukuhkan lagi imej Pulau Pangkor sebagai destinasi pelancongan utama di Perak yang mempunyai identiti yang unik dan tersendiri selain menyokong pertumbuhan ekonomi setempat. Pembangunan ini juga dicadangkan untuk dilaksanakan secara model Kerjasama Awam Swasta (PPP) yang akan diterajui oleh Kerajaan Negeri Perak melalui SSI, bagi menggalakkan lagi penyertaan pihak swasta dalam membantu pertumbuhan pembangunan di Pulau Pangkor.

Berdasarkan kajian, pembangunan ini dijangka dapat menyumbang sebanyak RM269 juta kepada KDNK negeri dengan penyumbang utama adalah melalui perbelanjaan pelancongan (anggaran sebanyak 89 peratus daripada keseluruhan KDNK). Selain itu, pembangunan ini juga dianggarkan dapat menjana sebanyak 4,500 peluang pekerjaan baharu setelah pembangunan siap sepenuhnya.

Kajian ini telah siap sepenuhnya pada Disember 2022 dan pelaksanaan proses pra-pembangunan dijangka bermula pada suku pertama 2023. Perancangan pembangunan yang lebih strategik bersama pihak Kerajaan Negeri Perak di Pulau Pangkor dapat membantu penyediaan produk pelancongan yang lebih menarik bagi meningkatkan kemasukan pelancong dan juga dapat menggalakkan pelancong untuk menetap lebih lama di pulau ini.

# Laporan Kemajuan Projek Strategik

## ARKEOPELANCONGAN

### Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah

Guar Kepah yang terletak di Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dipercayai merupakan salah satu penempatan manusia terawal di Semenanjung Malaysia. Kerja-kerja ekskavasi sejarah awal yang dilakukan oleh Van Stein Callenfels pada tahun 1934-1936 telah menemui bukti-bukti kehidupan Orang Asli suku Semang seperti tulang manusia, sisa makanan, serpihan seramik dan sebagainya di kawasan tersebut.

Pada tahun 2017, pasukan Pusat Penyelidikan Arkeologi Universiti Sains Malaysia (USM) yang diketuai oleh Profesor Datuk Dr Mokhtar Saidin telah menemui tengkorak manusia dan tulang rusuk yang dipercayai dari zaman Neolitik berusia kira-kira 5,710 tahun.

NCIA dengan kerjasama Perbadanan Ketua Menteri (CMI) Pulau Pinang akan membangunkan semula Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah bagi melindungi dan memajukannya sebagai sebuah lokasi destinasi arkeopelancongan di Pulau Pinang. Pembangunan semula yang dirancang akan melibatkan elemen interaktif digital yang mengintegrasikan bukti-bukti penemuan arkeologi dan warisan zaman Neolitik Guar Kepah.

Bagi menyokong pembangunan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah berserta kawasan sekeliling, NCIA telah melaksanakan program-program modal insan yang bertujuan untuk membangunkan dan mengangkat komuniti perniagaan tempatan bagi menyokong jejak arkeologi Guar Kepah.


### Rekabentuk Skematic



▲ Pandangan hadapan dan pandangan timur laut



▲ Pandangan barat daya dan dewan serbaguna




# Laporan Kemajuan Projek Strategik

## Pelancongan Warisan - Ipoh Heritage Tourism Package 1A & 1B - Ipoh Padang & Kinta Riverwalk


Pembangunan Pelancongan Warisan - Ipoh merupakan salah satu inisiatif NCIA bersama Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dalam merangka perancangan pembangunan bandar raya yang lebih menyeluruh dan memastikan kelestarian industri pelancongan dengan memberi penekanan kepada pelancongan warisan.


Pembangunan ini merangkumi tiga pakej pembangunan yang dilaksanakan secara berperingkat yang terdiri daripada komponen-komponen berikut:



### Pakej 1A

Pakej 1A yang telah dilancarkan pada 14 Mei 2022 mempamerkan pertunjukan cahaya dan bunyi mengenai sejarah dan budaya negeri Perak, destinasi-destinasi pelancongan serta lakaran kartun oleh kartunis tersohor Datuk Lat yang juga merupakan anak jati negeri berkenaan. Majlis pelancaran ini telah dirasmikan oleh Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad dan turut disaksikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim. Komponen pakej 1A ini bertujuan bagi mempromosikan kepelbagaiannya aktiviti di Ipoh Padang dan menggalakkan aktiviti riadah bersama keluarga pada hujung minggu.





# Laporan Kemajuan Projek Strategik



 Majlis pelancaran Pakej 1A pada 14 Mei 2022 – simbolik penyerahan kunci kepada pihak Kerajaan Negeri Perak di Ipoh Padang



 Ucapan perasmian dan menandatangani persetujuan penerimaan Pakej 1A oleh Menteri Besar Perak YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad.





Sidang media pelancaran Pakej 1A pada 14 Mei 2022



Lawatan ke gerai peserta JomNiaga@NCER - inisiatif program pembangunan modal insan NCER

# Laporan Kemajuan Projek Strategik

## Pakej 1B

Pakej 1B pula melibatkan kerja-kerja menaik taraf Kinta Riverwalk termasuk memperbaiki laluan dan jambatan pejalan kaki serta kedai-kedai di sepanjang sungai berkenaan. Fasa pembinaan pakej 1A dan 1B bermula dari September 2020 dan telah siap sepenuhnya pada Disember 2021.



## Pakej 2

Pakej 2 pula merangkumi kerja-kerja pemuliharaan dan baik pulih bangunan warisan Ipoh Townhall dan Pejabat Pos Lama Ipoh. Pakej 2 masih lagi dalam proses pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada suku kedua 2024. Pakej 2 dijangka dapat menjadikan kawasan Ipoh Old Town sebagai kawasan tarikan pelancong memandangkan kawasan tersebut terletak berdekatan dengan kemudahan jaringan kereta api yang menghubungkan Kuala Lumpur dan Padang Besar, Perlis.



# Laporan Kemajuan Projek Strategik

## LOGISTIK DAN KESALINGHUBUNGAN

NCIA sentiasa merangka pelan pembangunan projek-projek logistik sebagai ekosistem sokongan kepada pembangunan taman-taman perindustrian tematik yang dilaksanakan di NCER. Selain itu, projek-projek logistik juga dikategorikan sebagai projek pemangkin yang mampu membuka koridor pembangunan baharu khususnya di kawasan luar bandar, mengukuhkan jaringan rantaian bekalan, mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan seterusnya meningkatkan keyakinan pelabur untuk mengembangkan perniagaan di NCER.

Projek logistik dalam fasa pelaksanaan pada tahun 2022 ialah Pelabuhan Darat Perlis (PIP), manakala projek yang sedang dalam fasa perancangan ialah Lebuhraya Koridor Utara (NCH).

### Pelabuhan Darat Perlis (PIP)

PIP merupakan projek strategik berimpak tinggi nasional yang bakal mentransformasikan landskap ekonomi Perlis. PIP akan mengukuhkan Perlis sebagai peneraju dan pintu masuk utama bagi perdagangan rentas sempadan dengan Thailand serta menyediakan sokongan logistik bagi pembangunan bersepadu kawasan sempadan negara di Lembah Chuping.

PIP yang berkeluasan 500 ekar akan menjadi pusat sehenti bagi aktiviti logistik dengan menawarkan perkhidmatan berikut:



PIP dilaksanakan melalui model kerjasama awam-swasta, yang mana Mutiara Perlis Sdn Bhd (MPSB) selaku pelabur swasta akan memajukan PIP manakala Kerajaan Persekutuan melalui NCIA akan melaksanakan infrastruktur luaran projek ini.

Infrastruktur luaran ini merangkumi Paket 1 iaitu 'bonded road' dari Kompleks ICQ Padang Besar ke PIP dan Paket 2 iaitu landasan cabang rel (railway spur line) yang menghubungkan PIP dengan landasan rel berkembar Padang Besar-Ipoh dan jejambat yang melintasi landasan cabang rel di Jalan Ulu Pauh-Padang Besar.

Rajah memaparkan tiga infrastruktur luaran yang akan menyokong pembangunan dan operasi PIP kelak




## PERLIS INLAND PORT (PIP)



NCIA akan melaksanakan infrastruktur luaran PIP seperti berikut

- Paket 1 Jalan kepungan (*bonded road*) menghubungkan pintu masuk sempadan Malaysia/Thailand di Padang Besar ke PIP.
- Paket 2 Jajaran Kereta Api Spur Line yang menghubungkan PIP ke Landasan Berkembar Elektrik Ipoh – Padang Besar dan Jejambat (flyover) di Jalan FT79.





 Ilustrasi pelan susun atur PIP oleh MPSB


Kerja-kerja pembinaan Pakej 1 *bonded road* telah bermula pada suku pertama tahun 2022 manakala Pakej 2 landasan cabang rel dan jejambat telah dilaksanakan pada November 2022.

Pembangunan Fasa 1 PIP telah bermula pada suku kedua 2022 dan dijangka siap pada 2024 dengan kapasiti tahunan sebanyak 250,000 unit berukuran 20 kaki (TEU). Fasa 1 terdiri daripada pembinaan 'Rail Park' yang terdiri daripada landasan sisan rel, 'reach stackers' dan laman kontena serta taman logistik yang terdiri daripada bangunan pembungkusan, gudang, ruang penyimpanan dan silo.

PIP telah dilancarkan dan disempurnakan oleh DYMM Tuanku Raja Perlis, turut disaksikan oleh DYTM Raja Muda Perlis, YAB Perdana Menteri dan YAB Menteri Besar Perlis pada 15 Mac 2022.

Majlis pelancaran yang diadakan di IBC, Chuping turut dihadiri agensi-agensi negeri dan persekutuan serta pihak swasta dan pemain-pemain industri. Majlis tersebut telah berjaya meningkatkan keyakinan pelabur dan pihak swasta terhadap projek PIP dan CVIA.

Oleh itu, bagi mengukuhkan lagi peranan projek PIP sebagai hab logistik yang akan menyokong pembangunan bersepadu kawasan sempadan negara di Lembah Chuping, MPSB telah menandatangani perjanjian kerjasama bersama KTMB Berhad dan Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) untuk pengendalian perkhidmatan rel kargo dan penubuhan sebuah pusat yang akan dikenali sebagai Universiti Kuala Lumpur Asia Sustainable Transportation Centre (UNIKL-ASTI).



 Pelancaran oleh DYMM Tuanku Raja Perlis, turut disaksikan oleh DYTM Raja Muda Perlis, YAB PM dan YAB MB

# Laporan Kemajuan Projek Strategik

## Lebuhraya Koridor Utara (NCH)

NCH merupakan projek lebuh raya mega sepanjang 270 kilometer yang bakal menghubungkan bandar-bandar dan kawasan penempatan dari Padang Besar, Perlis, Batu Kawan, Pulau Pinang hingga ke Changkat Jering, Perak.

NCH juga akan menawarkan akses baharu dan meningkatkan capaian ke kawasan kurang membangun seterusnya membuka koridor pembangunan baharu sepanjang jajarannya, sekali gus merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar serta menyokong usaha Kerajaan dalam mengurangkan jurang ketidakseimbangan wilayah.

Bagi tahun 2022, NCIA terus memberikan kerjasama dan sokongan kepada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dalam penyediaan dan memuktamadkan dokumen *Request for Proposal* (RFP) NCH untuk dilaksanakan melalui kerjasama awam-swasta.

● Kawasan Perindustrian-Eko NCER  
● Kawasan Perindustrian Sedia Ada

— Jajaran Northern Corridor Highway (NCH)

— Cadangan Wise Ipoh-Span Expressway (WISE)

— Lebuhraya PLUS

— West Coast Expressway (WCE)


···· Laluan Kereta Api

···· Lapangan Kapal Terbang

···· Pelabuhan Laut

► Lebuhraya Koridor Utara (NCH) bakal menghubungkan kawasan bandar dan luar bandar, taman-taman perindustrian tematik serta melengkapkan jaringan pengangkutan di NCER





# Laporan Kemajuan Projek Strategik

## Pusat Ekonomi & Komuniti Bersepadu (iCON)

iCON ialah sebuah inisiatif pembangunan ekonomi komuniti baharu yang bertujuan merapatkan jurang sosioekonomi bandar-luar bandar. Projek pemangkin ini berperanan memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan rakyat luar bandar, sekali gus menggalakkan penyertaan usahawan tempatan melalui aktiviti ekonomi.


Selain itu, iCON bakal menjadi tarikan pelancongan di kawasan-kawasan terbabit dan meningkatkan lagi ekonomi setempat. Projek ini juga bertujuan mengurangkan migrasi penduduk luar bandar ke kawasan bandar.

Projek iCON Yan yang terletak di Guar Chempedak dan iCON Baling di Pekan Baling, Kedah ini merangkumi penyediaan ruang perniagaan bersepadu untuk usahawan tempatan.

Bagi melaksanakan projek iCON, NCIA sebagai pelaksana projek telah menjalinkan kerjasama dengan pihak pemegang taruh utama iaitu Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) bagi iCON Baling dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SSK) bagi iCON Yan. Selain itu NCIA juga bekerjasama dengan lain-lain agensi persekutuan dan negeri seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Majlis Daerah Baling, Majlis Daerah Yan dan lain-lain organisasi yang berkaitan.

Selain itu NCIA juga bekerjasama dengan lain-lain agensi persekutuan dan negeri seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Majlis Daerah Baling, Majlis Daerah Yan dan lain-lain organisasi yang berkaitan.





▲ Pelan Lantai Fasa Awal Pembangunan iCON Baling



# Laporan Kemajuan Projek Strategik

Ilustrasi iCON Baling



Ilustrasi iCON Yan



# Warga Kerja NCIA



JUMLAH WARGA  
KERJA NCIA  
pada 2022

**259**





## LATAR BELAKANG

Warga kerja NCIA merupakan tulang belakang organisasi yang amat penting dalam memastikan amanah Kerajaan untuk menjayakan agenda pembangunan NCER dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan penuh integriti.

Setakat 31 Disember 2022, terdapat seramai 259 warga kerja NCIA yang terdiri daripada pelbagai latar belakang akademik, kelayakan profesional dan pengkhususan.

Kombinasi pelbagai bidang kepakaran daripada kedua-dua sektor awam dan swasta yang merangkumi sektor perkilangan, pertanian, teknologi maklumat, bio-industri, pelancongan, perkhidmatan sosial dan pelbagai lagi telah berjaya memacu NCIA untuk beroperasi dengan lebih dinamik serta cekap.

## BUDAYA KERJA

Warga kerja NCIA diterajui oleh kepimpinan Ketua Eksekutif yang berdedikasi tinggi, yang mana beliau menjadi tunggak utama serta teladan kepada semua kakitangan. Hala tuju jelas yang digarap, berserta bimbingan yang berterusan oleh Ketua Eksekutif telah menyuntik komitmen dan keyakinan yang tinggi dalam kalangan warga kerja NCIA.

Bagi melonjakkan NCIA ke arah standard amalan kerja yang lebih tinggi, program i-STARS yang telah dilaksanakan sebelum ini terus menjadi teras utama kepada budaya kerja NCIA dan telah disemarakkan lagi dengan pelbagai program serta aktiviti yang memberi tumpuan kepada peningkatan nilai-nilai korporat NCIA iaitu *Integrity, Speed, Teamwork, Accountability, Respect* dan *Strategic*.

Setelah Malaysia memasuki fasa peralihan endemik pada suku pertama tahun 2022, pihak pengurusan menyedari bahawa pentingnya sokongan dalam aspek mental dan fizikal dalam memastikan warga kerja NCIA terus berdaya saing di samping kepakaran warga kerja terus dipertingkatkan setelah tempoh pandemik berakhir.

Justeru, kami melancarkan program i-STARS pada Julai 2022, di mana sebanyak 14 program telah dilaksanakan dengan jayanya sepanjang tahun berkenaan.

# Warga Kerja NCIA

## PROGRAM i-STARS

Selari dengan penjenamaan semula program i-STARS, kami telah melakukan perubahan baharu bagi memastikan program ini mendapatkan sambutan daripada semua warga kerja NCIA.

Perubahan yang dibuat untuk menyemarakkan lagi program i-STARS adalah dengan menggalakkan setiap jabatan/unit untuk menggerakkan pelbagai program yang membawa manfaat. Setiap sumbangan dan penglibatan kakitangan di bawah program i-STARS akan dinilai dalam penilaian prestasi akhir tahun.

Program-program i-STARS yang telah dijalankan pada 2022 adalah Hari Malaysia: *Office Decoration*

*Competition 2022, NSHE Day, Blood Donation Day, NCIA Empower Product Awareness, Aktiviti bersukan sempena Minggu Sukan Negara, Electronic Waste (E-Waste) Recycle Campaign, NCIA's Cinema: Movie Charity Event, AMLA Talk: Facilitation Session dan Friendly Match (Bowling) with EPU, JPM dan MOF.*

Kami juga komited dalam memastikan semua warga kerja NCIA mencapai keseimbangan antara kerja dengan kehidupan dalam memastikan kesihatan mental dan fizikal mereka. Ini penting bagi memastikan warga kerja NCIA sentiasa berada dalam keadaan kesihatan yang baik untuk meneruskan kehidupan dengan normal pasca pandemik COVID-19.

### NSHE Day 14/9/2022



### Open Mic Session 30/9/2022 - 21/10/2022



### i-STARS Blood Donation Day 14/9/2022



### MSN Health Talk 1/10/2022 - 19/10/2022

#### MSN Healthy Potluck Competition



#### MSN Hari Bersama i-STARS 2022: Sukaneka



# Warga Kerja NCIA

## AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI

Selain daripada program i-STARS, kami terus mengekalkan aktiviti-aktiviti Kelab Sukan dan Rekreasi NCIA bagi memastikan warga kerja NCIA dapat mengekalkan kehidupan yang aktif dan sihat. Program-program Kelab Sukan dan Rekreasi yang telah dijalankan pada 2022 adalah seperti aktiviti riadah secara bulanan (badminton, futsal dan zumba), *SKECHERS Go Run Challenge 2022*, Sumbangan dan Bantuan Bencana Banjir di Baling, Kedah, Aktiviti Riadah 2022 – Boling, Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) KSRiS 2022, Larian Integriti ‘Back to Integrity Awareness’ Anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Pertandingan Ping Pong Beregu NCIA anjuran KSRiS bersama MSN.

### Aktiviti Riadah 2022 - Badminton Monthly



### Aktiviti Riadah 2022 - Futsal Monthly



### Aktiviti Riadah 2022 - Zumba Monthly



### Aktiviti Riadah 2022 - Bowling August



### [KSRiS x MSN] Pertandingan Ping Pong Beregu NCIA October



## Warga Kerja NCIA

### Sumbangan dan Bantuan Bencana Banjir Di Baling, Kedah July



### PROGRAM PENGHAYATAN NILAI ISLAM

Menyedari bahawa penghayatan terhadap nilai-nilai Islam amat penting dalam proses pembangunan insan, kami menganjurkan pelbagai program penghayatan nilai Islam untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam proses pembangunan insan dalam warga kerja NCIA.

Program nilai-nilai Islam juga bertujuan melahirkan tenaga kerja yang mempunyai nilai sahsiah diri yang tinggi, berakhlak dan berintegriti.

Selari dengan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2022 - Garis Panduan Pelaksanaan Program Penghayatan Nilai-nilai Islam Dalam Perkhidmatan Awam yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 2 Mac 2022, program penghayatan nilai Islam yang telah dijalankan termasuklah Tazkirah - *School of Ramadan* yang berlangsung sepanjang bulan Ramadan dan majlis bacaan Yasin serta tazkirah pada setiap bulan.





# PENYATA KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**


**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Antara Bajet dan Perbelanjaan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 31.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 [Akta 687].

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.



### *Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Pihak Berkuasa, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Anggota Pihak Berkuasa Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Pihak Berkuasa bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 [Akta 687]. Anggota Pihak Berkuasa juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, Anggota Pihak Berkuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Pihak Berkuasa;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Pihak Berkuasa dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persempahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Pihak Berkuasa telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

## Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Pihak Berkuasa, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara berdasarkan keperluan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 [Akta 687] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
23 OGOS 2023



## **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

### **PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA**

Kami, **DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM** dan **TAN SRI DATUK DR. IR. AHMAD TAJUDDIN BIN ALI** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Anggota PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Antara Bajet dan Perbelanjaan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,



**DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**  
Pengerusi Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara



**TAN SRI DATUK DR. IR. AHMAD TAJUDDIN BIN ALI**  
Anggota Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara

Tarikh : **- 5 MAY 2023**  
Tempat : **KUALA LUMPUR**



## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

### PENGAKUAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

Kami, **MOHAMAD HARIS BIN KADER SULTAN** dan **VISWANATHAN A/L B.K. NAYAR**, pegawai-pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Antara Bajet dan Perbelanjaan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

**SELANGOR**

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama-penama di atas di ~~Pulau Pinang~~ pada **05 MAY 2023**

MOHAMAD HARIS BIN KADER SULTAN

VISWANATHAN A/L B.K. NAYAR

Di hadapan saya:



F42, Suria Jaya Seksyen 16  
Jln Pdg Jawa, 40200 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2022**

	Nota	2022	2021
		RM	RM
<b>ASET SEMASA</b>			
Tunai dan kesetaraan tunai	3	128,391,666	83,256,294
Pelaburan jangka pendek	4	74,775	73,387
Akaun belum terima - Urus niaga bukan pertukaran	5	290,500	6,046,150
Akaun belum terima - Urus niaga pertukaran	6	214,751	270,430
Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan	7	27,691,927	56,554,078
		<b>156,663,619</b>	<b>146,200,339</b>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	8	36,169,498	34,750,571
Hartanah pelaburan	9	477,895,476	477,895,476
Aset tak ketara	10	18,663	42,387
Kerja dalam kemajuan	11	603,592,264	405,397,007
		<b>1,117,675,901</b>	<b>918,085,441</b>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>1,274,339,520</b>	1,064,285,780
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Geran tertunda	12	697,304,184	475,637,930
Pengurusan Taman Industri - Kedah Rubber City	13	5,200,712	12,472,317
Pajakan kewangan	14	728,906	729,199
		<b>703,233,802</b>	<b>488,839,446</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai pembiutang dan akruan	15	51,329,638	56,891,396
Pajakan kewangan	14	293	278
		<b>51,329,931</b>	<b>56,891,674</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>754,563,733</b>	545,731,120
<b>ASET BERSIH</b>		<b>\$19,775,787</b>	<b>518,554,660</b>
<b>ASET BERSIH</b>			
Dana pembangunan	16	52,168,918	52,816,973
Rizab penilaian semula - Kedah Rubber City	17	453,069,476	453,069,476
Lebihan terkumpul		14,537,393	12,668,211
		<b>519,775,787</b>	<b>518,554,660</b>

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	<b>Nota</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>
		<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>HASIL</b>			
Hasil urus niaga bukan pertukaran	18	<b>212,764,935</b>	224,942,389
Hasil urus niaga pertukaran		<b>1,109,496</b>	995,860
Pendapatan operasi lain		<b>1,732,637</b>	1,926,984
Keuntungan daripada peningkatan nilai semasa Hartanah Pelaburan			202,044,476
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>215,607,068</b>	<b>429,909,709</b>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Emolumen	19	<b>36,054,398</b>	31,455,856
Perbelanjaan pejabat		<b>1,543,669</b>	1,312,806
Sewaan pejabat		<b>286,910</b>	249,042
Latihan dan pembangunan modal insan		<b>148,500</b>	44,325
Promosi, pemasaran serta galakan pelaburan		<b>624,436</b>	1,514,683
Kos keraian		<b>259,193</b>	159,726
Kos perubatan		<b>2,238,185</b>	2,228,642
Penyelenggaraan dan pemberian		<b>1,576,904</b>	2,168,083
Peruntukan hutang ragu		<b>57,512</b>	-
Pelunasan hutang ragu		<b>40,273</b>	-
Susut nilai aset tetap		<b>1,600,234</b>	1,176,013
Kos operasi lain	20	<b>7,569,697</b>	6,946,198
Perbelanjaan pembangunan	21	<b>162,386,030</b>	196,967,381
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>214,385,941</b>	<b>244,222,755</b>
<b>LEBIHAN DALAM TAHUN</b>		<b>1,221,127</b>	<b>185,686,954</b>
<b>CUKAI</b>			-
<b>LEBIHAN SELEPAS CUKAI</b>		<b>1,221,127</b>	<b>185,686,954</b>

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	Dana Pembangunan	Dana Kedah Rubber City	Lebihan Terkumpul	Jumlah Aset Bersih
<b>Pada 1 Januari 2021</b>	<b>52,823,498</b>	<b>251,660,000</b>	<b>28,384,208</b>	<b>332,867,706</b>
Lebihan/(kurangan) dalam tahun	(6,525)	201,409,476	(15,715,997)	185,686,954
<b>Pada 31 Disember 2021</b>	<b>52,816,973</b>	<b>453,069,476</b>	<b>12,668,211</b>	<b>518,554,660</b>
<b>Pada 1 Januari 2022</b>	<b>52,816,973</b>	<b>453,069,476</b>	<b>12,668,211</b>	<b>518,554,660</b>
Lebihan/(kurangan) dalam tahun	(648,055)	-	1,869,182	1,221,127
<b>Pada 31 Disember 2022</b>	<b>52,168,918</b>	<b>453,069,476</b>	<b>14,537,393</b>	<b>519,775,787</b>

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	2022 RM	2021 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
Lebihan bagi tahun	1,221,127	185,686,954
<b>Pelarasan perkara-perkara yang tidak melibatkan aliran tunai:</b>		
Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan	1,600,234	1,176,015
Kerugian atas pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	14,470	1
Keuntungan peningkatan nilai saksama harta tanah pelaburan	-	(202,044,476)
Pelunasan geran	(182,764,935)	(196,993,389)
Faedah diterima	(1,546,039)	(1,926,984)
Faedah dibayar	37,982	37,995
<b>Kurangan Sebelum Perubahan Modal Kerja</b>	<b>(181,437,161)</b>	<b>(214,063,884)</b>
<b>Perubahan Modal Kerja</b>		
Akaun belum terima	5,811,329	(5,803,051)
Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan	28,862,151	(19,307,629)
Pelbagai pembiutang dan akruan	(5,561,758)	17,200,518
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti operasi	(152,325,439)	(221,974,046)
Faedah diterima	1,546,039	1,926,984
Faedah dibayar	(37,982)	(37,995)
<b>Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi</b>	<b>(150,817,382)</b>	<b>(220,085,057)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pertambahan harta tanah, loji dan peralatan	(3,006,336)	(4,132,827)
Pertambahan aset tak ketara	(3,571)	-
(Pertambahan)/Pengurangan pelaburan jangka pendek	(1,388)	22,000,030
<b>Aliran Tunai Bersih Diperolehi/(Digunakan) Dalam Aktiviti Pelaburan</b>	<b>(3,011,295)</b>	<b>17,867,203</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Pertambahan kerja dalam kemajuan	(198,195,257)	(120,342,080)
Penerimaan geran pembangunan	404,431,189	169,980,606
Bayaran balik Dana Teraju	-	(525,315)
(Perbelanjaan)/Penerimaan Taman Industri Kedah Rubber City	(7,271,605)	10,529,977
Bayaran pajakan kewangan	(278)	(265)
<b>Aliran Tunai Bersih Diperolehi Dari Aktiviti Pembiayaan</b>	<b>198,964,049</b>	<b>59,642,923</b>
<b>Pertambahan/(Pengurangan) bersih tunai dan kesetaraan tunai</b>		
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun</b>	<b>45,135,372</b>	<b>(142,574,931)</b>
	83,256,294	225,831,225
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>	<b>128,391,666</b>	<b>83,256,294</b>

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

**PENYATA PERBANDINGAN ANTARA BAJET DAN PERBELANJAAN SEBENAR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	<b>Bajet</b> <b>RM</b>	<b>Sebenar</b> <b>RM</b>	<b>Varian A</b> <b>RM</b>
<b>PENERIMAAN</b>			
Urus niaga bukan pertukaran	47,000,000	50,362,723	3,362,723
Lain-lain terimaan	3,000,000	2,842,133	(157,867)
	<b>50,000,000</b>	<b>53,204,856</b>	<b>3,204,856</b>
<b>PEMBAYARAN</b>			
Emolumen	35,663,090	36,054,398	(391,308)
Perbelanjaan pejabat	1,152,499	1,543,669	(391,170)
Sewaan pejabat	136,518	286,910	(150,392)
Latihan dan pembangunan modal insan	57,774	148,500	(90,726)
Promosi, pemasaran serta galakan pelaburan	806,200	624,436	181,764
Kos mesyuarat dan keraian	227,643	259,193	(31,550)
Kos perubatan	2,500,000	2,238,185	261,815
Penyelenggaraan dan pembaikan	1,000,000	1,576,904	(576,904)
Kos operasi lain	6,166,383	7,569,697	(1,403,314)
	<b>47,710,107</b>	<b>50,301,892</b>	<b>(2,591,785)</b>
<b>PENERIMAAN/(PEMBAYARAN) BERSIH</b>	<b>2,289,893</b>	<b>2,902,964</b>	<b>613,071</b>

Penjelasan perbezaan bagi Penyata Perbandingan Bajet dan Perbelanjaan Sebenar adalah seperti berikut:

- Perbezaan jumlah penerimaan sebanyak RM3,204,856 atau lebih 6% berbanding bajet adalah kerana NCIA telah menerima kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Unit Perancang Ekonomi, JPM untuk menggunakan lebihan dana Kumpulan Wang Pembangunan (DE) sedia ada untuk kos operasi sebanyak RM20,362,723.
- Peningkatan perbelanjaan operasi hanya sebanyak 5.43% atau RM2,591,785 berbanding bajet tahun 2022. Peningkatan ini sebahagian besar daripada kos emolumen (RM391,308), perbelanjaan pejabat (RM391,170), penyelenggaraan dan pembaikan (RM576,904) dan kos operasi lain (RM1,403,314). Selain itu, NCIA merekodkan penjimatan bagi promosi, pemasaran serta galakan pelaburan sebanyak RM181,764 dan kos perubatan sebanyak RM261,815.

## **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

#### **1. UMUM**

1.1 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara ("NCIA") ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) yang diwartakan di Parlimen Malaysia pada 13 Jun 2008. Aktiviti utama NCIA adalah untuk bertindak sebagai satu badan berkanun kerajaan persekutuan yang diberi kuasa untuk mencapai objektif berikut:-

- (a) untuk menggalakkan dan mempercepat pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara supaya menjadi suatu wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan bagi pelaburan, pekerjaan dan kehidupan; dan
- (b) untuk memastikan bahawa pembangunan sosial dan pembangunan mapan diutamakan dalam mengerakkan pertumbuhan ekonomi di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

Ibu pejabat NCIA berada di No 1114, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18, Penang Science Park, Simpang Ampat, 14100, Penang, Malaysia. NCIA juga mempunyai pejabat operasi di Bayan Lepas, Cyberjaya, Alor Setar, Ipoh dan Chuping.

- 1.2 Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan NCIA.
- 1.3 Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah diluluskan oleh Ahli-Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara melalui mesyuarat/ resolusi pekeliling pada 5 Mei 2023.

#### **2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN**

##### **2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

- 2.1.1 Penyata Kewangan NCIA disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Garis Panduan Jabatan Akauntan Negara serta Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687).
- 2.1.2 NCIA telah memilih untuk menggunakan standard Piawaian MPSAS bermula dari tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2020. Pematuhan sepenuhnya standard Piawaian MPSAS berkuatkuasa dari tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2021.
- 2.1.3 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**2.2 Hartanah, Loji dan Peralatan**

- 2.2.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM 500.00 setiap satu.
- 2.2.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai atau rosot nilai terkumpul. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.
- 2.2.3 Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.
- 2.2.4 Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian didalam penyata prestasi kewangan.

**2.3 Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan**

- 2.3.1 Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Rosot nilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.
- 2.3.2 Kadar susut nilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

<u>Hartanah, Loji dan Peralatan</u>	<u>Kadar tahunan</u>
Tanah pajakan	Mengikut tempoh pajakan
Bangunan	2%
Kenderaan	25%
Perabot dan peralatan pejabat	20%
Pengubahsuai	10%
Komputer dan peralatan berkaitan komputer	33.33%

- 2.3.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susut nilai dan hayat berguna aset yang boleh disusut nilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

## **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

#### **2.4 Hartanah Pelaburan**

- 2.4.1 Hartanah pelaburan adalah harta tanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk harta tanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun harta tanah tersebut menghasilkan sewa.
- 2.4.2 Pengiktirafan awal bagi harta tanah pelaburan yang diperolehi melalui urus niaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos termasuk kos-kos langsung yang terlibat, manakala perolehan melalui urus niaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.
- 2.4.3 Susulan kepada pengiktirafan awal, harta tanah pelaburan dinyatakan pada nilai pasaran semasa. Nilai pasaran semasa ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran tersiar, sekiranya ada. Nilai saksama harta tanah pelaburan ditentukan berdasarkan penilaian oleh jurunilai yang memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf dan relevan dan mempunyai pengalaman terkini berkaitan lokasi dan kategori harta tanah pelaburan yang dinilai itu. Perubahan nilai semasa harta tanah pelaburan akan diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan. Pada tahun semasa, NCIA telah mengubah dasar perakaunannya bagi polisi pengukuran nilai saksama harta tanah pelaburan daripada setiap tahun kepada tiga (3) tahun sekali. Dasar ini telah diguna pakai secara prospektif mulai tahun 2022, penerimaan pakai dasar baharu ini tidak memberikan kesan terhadap tempoh terdahulu.

#### **2.5 Aset Tak Ketara**

- 2.5.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada NCIA dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.
- 2.5.2 Aset tak ketara diambil alih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan pelunasan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.
- 2.5.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.
- 2.5.4 Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 3 tahun.
- 2.5.5 Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.
- 2.5.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

#### 2.6 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah kerja-kerja pembinaan dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi kerja dalam kemajuan adalah termasuk kos-kos pembinaan dan lain-lain kos yang terlibat secara langsung terkumpul disepanjang proses pembinaan dilaksanakan.

Semua kerja dalam kemajuan dinyatakan pada kos dan tidak disusut nilaiakan. Kos bagi projek siap yang akan menjadi milik NCIA akan dipermodalkan sebagai harta tanah pelaburan atau harta tanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical Completion) dikeluarkan dan dinilai/disusut nilai. Sekiranya projek yang telah siap perlu diserahkan kepada pihak ketiga, kos bagi projek tersebut akan dibelanjakan ke dalam Penyata Prestasi Kewangan di dalam tahun dimana serahan berlaku.

#### 2.7 Aset Kewangan

- 2.7.1 Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila NCIA menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.7.2 Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.
- 2.7.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.
- 2.7.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana NCIA membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.
- 2.7.5 NCIA hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:
  - i. *Pinjaman dan Belum Terima*  
Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskau atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.
  - ii. *Pelaburan jangka pendek*  
Pelaburan jangka pendek merupakan pelaburan di dalam simpanan tetap di institusi kewangan berlesen yang mempunyai tarikh matang yang lebih daripada 3 bulan.

## **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

#### **Rosot nilai aset kewangan**

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, NCIA akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- i. Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam
- ii. Pembayaran tertunggak
- iii. Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
- iv. Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam NCIA yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elauan. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elauan. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

#### **Penyahiktirafan aset kewangan**

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesaikan serta NCIA telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

#### **2.8 Peruntukan dan Liabiliti**

- 2.8.1 Peruntukan diiktiraf apabila NCIA mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila NCIA menjangkakan beberapa atau semua peruntukan atau dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

#### **2.9 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka**

- 2.9.1 Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan NCIA keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melanjang kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

- 2.9.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh NCIA. NCIA tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

#### 2.10 Liabiliti Kewangan

- 2.10.1 Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila NCIA menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.10.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.
- 2.10.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.
- 2.10.4 NCIA mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

i. *Urus niaga Pertukaran Belum Bayar*

Selepas pengiktirafan awal, urus niaga pertukaran belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

ii. *Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan*

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan dipertimbangkan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

#### 2.11 Percukaian

NCIA dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan surat pengecualian cukai yang diperoleh daripada Kementerian Kewangan di bawah subseksyen 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Semua pendapatan pada tahap pendapatan berkanun (kecuali untuk dividen) dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi tempoh 10 tahun bermula dari tahun 2008 hingga tahun 2017. NCIA telah menerima lanjutan pengecualian cukai untuk 5 tahun (2018-2022) daripada Kementerian Kewangan.

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

#### 2.12 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang 3 bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

#### 2.13 Manfaat Pekerja

Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan jaminan sosial dikenal pasti sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana khidmat telah diberikan oleh kakitangan NCIA. Peruntukan yang dijangka untuk pembayaran jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar dikenal pasti apabila kakitangan telah memberikan khidmatnya di mana ia akan meningkatkan peluang kakitangan tersebut untuk mendapat ganti rugi. Cuti jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit dikenal pasti apabila ianya berlaku.

NCIA tidak menggunakan kaedah Gantian Cuti Rehat. Cuti yang dibawa dari tahun sebelumnya akan dihapuskan sekiranya kakitangan NCIA tidak dapat menghabiskan cuti berkenaan sebelum bulan Jun tahun berikutnya.

#### 2.14 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

##### 2.14.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, NCIA mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskauan sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai mata wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambil kira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

##### 2.14.2 Aset Penjanaan Bukan Tunai

NCIA akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka NCIA akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, NCIA telah menggunakan pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah loput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, NCIA menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, NCIA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf.

Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

#### 2.15 Maklumat Bajet

- 2.15.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan yang meliputi bajet operasi sahaja.
- 2.15.2 Penyediaan Bajet telah mengambilkira aktiviti-aktiviti utama dan perbelanjaan terdahulu NCIA dan objektif serta program-program yang telah dirancang. Ia juga termasuk belanja-belanja penting yang membolehkan outcome dicapai. NCIA juga mengambilkira pencapaian sosioekonomi di Wilayah Utara.
- 2.15.3 Pihak Berkuasa melalui Mesyuarat Keempat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (PB4) pada 8 Januari 2010 telah menurunkan kuasa bagi hal-hal pengurusan operasi NCIA kepada Ketua Eksekutif. Permohonan bajet tahunan disediakan oleh NCIA sebelum diangkat kepada Kementerian Pengawal untuk perakuan dan seterusnya kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan.

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

#### 2.16 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

##### 2.16.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

##### 2.16.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

###### i. Kerugian Rosotnilai bagi Belum Terima

NCIA menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, NCIA menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara.

Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

###### ii. Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua harta tanah, loji dan peralatan disusut nilaiakan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. NCIA menganggarkan jangka hayat harta tanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

###### iii. Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada harta tanah NCIA adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu harta tanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka NCIA akan mengategorikan bahagian tersebut sebagai harta tanah pelaburan.

Manakala jika sesuatu bahagian harta tanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai harta tanah pelaburan jika sebahagian harta tanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

#### iv. Pengukuran Peruntukan

NCIA sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

#### 2.17 Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, terdapat hak undang-undang mengkontrakannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaiannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

#### 2.18 Pihak Berkaitan

NCIA menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas NCIA, atau sebaliknya. Kaitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Ahli-Ahli NCIA.

#### 2.19 Pajakan

##### *Pajakan kewangan*

Pajakan harta tanah, loji dan peralatan atau Hartanah Pelaburan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada NCIA.

NCIA pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susut nilai bagi aset pajakan yang boleh disusut nilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusut nilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa NCIA akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusut nilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, NCIA menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

##### *Pajakan operasi*

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

#### 2.20 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

##### 2.20.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

###### i. Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

##### 2.20.2 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran adalah seperti berikut:

###### i. Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh NCIA termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

###### ii. Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis NCIA mengikut syarat perjanjian penyewaan dan nilai sewaan yang dikenakan adalah sewa dengan nilai sewaan yang digunakan oleh pasaran.

###### iii. Faedah dan Perolehan Dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaruan masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.20.2 (i) hingga (iii) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

#### 2.21 Nilai saksama

Nilai saksama aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di antara pihak-pihak yang terlibat pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut mengandaikan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku samada di pasaran utama atau jika tiada pasaran utama, di pasaran yang paling menguntungkan.

Untuk aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira kemampuan pihak terlibat untuk menjana faedah ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan yang tertinggi dan terbaik atau menjualnya kepada pihak lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan tertinggi dan terbaik.

Semasa mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, NCIA menggunakan data pasaran yang sebaik-baiknya. Nilai saksama dikategorikan ke dalam tahap yang berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

- Tahap 1: Harga di pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang serupa;
- Tahap 2: Input selain daripada harga di pasaran aktif dalam Tahap 1 yang dapat diperhatikan secara langsung atau tidak; dan
- Tahap 3: Input yang tidak dapat diperhatikan.

#### 2.22 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Ketidakpastian dalam Sumber Utama Anggaran

##### 2.22.1 Pertimbangan perakaunan kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

##### 2.22.2 Ketidakpastian dalam sumber utama anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

###### i. Elaun hutang ragu bagi Belum Terima

NCIA menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang buktif objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Lembaga menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

- ii. Perubahan anggaran jangka hayat bagi harta tanah, loji dan peralatan dan aset tak ketara

Semua harta tanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. NCIA menganggarkan jangka hayat harta tanah, loji dan peralatan dalam tempoh 2 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

- iii. Penentuan harta tanah pelaburan

Sebahagian daripada harta tanah NCIA adalah dipegang bagi mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian suatu harta tanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka NCIA akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai harta tanah pelaburan. Manakala jika suatu bahagian harta tanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai harta tanah pelaburan jika sebahagian harta tanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.



**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**3. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

	<b>2022</b> <b>RM</b>	<b>2021</b> <b>RM</b>
Tunai dan kesetaraan tunai	<b>128,391,666</b>	83,256,294
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:		
1) Simpanan Tetap Di Bank-bank dan Institusi Kewangan Berlesen		
Kumpulan wang pembangunan	100,470,000	-
	<b>100,470,000</b>	<b>-</b>
2) Perjanjian Belian Semula (Overnight Credit ) Di Bank Berlesen	<b>11,735,776</b>	72,351,892
3) Tunai di tangan dan di bank		
Tunai di tangan	16,000	14,000
Wang di bank	16,169,890	10,890,402
	<b>16,169,890</b>	10,904,402
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	<b>128,391,666</b>	83,256,294

\* Termasuk di dalam jumlah wang di bank ialah wang yang mewakili Kumpulan Wang berikut:

	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Dana mengurus	55,857	128,425
Dana pembangunan	16,114,033	10,761,977
	<b>16,169,890</b>	10,890,402
	<b>2022</b> <b>RM</b>	<b>2021</b> <b>RM</b>
Pelaburan Jangka Pendek	<b>74,775</b>	73,387

Pelaburan jangka pendek merupakan simpanan tetap di bank berlesen yang mempunyai tempoh matang melebihi 3 bulan.

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**5. AKAUN BELUM TERIMA - URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	RM	RM
Geran Pembangunan - Yayasan Petronas	290,500	6,046,150
	<b><u>290,500</u></b>	<b><u>6,046,150</u></b>

**6. AKAUN BELUM TERIMA - URUS NIAGA PERTUKARAN**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	RM	RM
Sewaan	272,263	270,430
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(57,512)	-
	<b><u>214,751</u></b>	<b><u>270,430</u></b>

Analisis pengumuran Urus Niaga Pertukaran adalah seperti berikut:-

Tempoh 1 hingga 30 hari	134,861	23,962
Tempoh 31 hingga 180 hari	99,034	24,305
Tempoh lebih dari 180 hari	38,368	222,163
	<b><u>272,263</u></b>	<b><u>270,430</u></b>
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(57,512)	-
	<b><u>214,751</u></b>	<b><u>270,430</u></b>

**7. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	RM	RM
Pelbagai penghutang	203,759	75,865
Tolak : Peruntukan hutang ragu	-	(33,107)
	<b><u>203,759</u></b>	<b><u>42,758</u></b>
Deposit	491,596	438,406
Prabayar	4,443,557	3,477,072
Wang pendahuluan projek	22,553,015	52,595,842
	<b><u>27,691,927</u></b>	<b><u>56,554,078</u></b>

Pergerakan peruntukan hutang ragu adalah seperti berikut:


Baki pada 1 Januari	33,107	33,107
Tambahan peruntukan semasa	(33,107)	-
Baki pada 31 Disember	-	33,107

PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KOS:	Perabot & Peralatan pejabat	Tanah Hakmilik Sementara	Bangunan Hakmilik Sementara	Ubahsuaihan	Komputer & Peralatan berkaitan komputer	Kenderaan	Ubahsuaihan di dalam pembinaan	Jumlah	RM
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
<b>Baki pada 1 Januari 2022</b>	2,525,329	9,660,000	20,340,000	3,031,158	1,822,088	1,134,641	4,058,794	42,572,010	
Tambahan dalam tahun	29,406	-	-	-	18,393	-	3,050,430	3,098,229	
Kurangan dalam tahun	(423,667)	-	-	-	(188,808)	-	-	(612,475)	
Kerja dalam pembinaan siap	666,457	-	-	6,364,410	-	-	(7,109,224)	(78,357)	
Pengkelasan tahun semasa	167,870	-	-	(286,377)	104,971	-	-	(13,536)	
<b>Baki pada 31 Disember 2022</b>	<b>2,965,395</b>	<b>9,660,000</b>	<b>20,340,000</b>	<b>9,109,191</b>	<b>1,756,644</b>	<b>1,134,641</b>	<b>-</b>	<b>44,965,871</b>	
<b>SUSUT NILAI TERKUMPUL:</b>									
<b>Baki pada 1 Januari 2022</b>	2,416,646	568,236	1,455,667	634,467	1,611,789	1,134,634	-	-	7,821,439
Susut nilai tahun semasa	203,176	184,292	472,109	480,000	241,518	-	-	-	1,581,095
Kurangan dalam tahun	(409,235)	-	-	-	(188,787)	-	-	-	(598,022)
Pengkelasan tahun semasa	(7,650)	-	-	-	[489]	-	-	-	(8,139)
<b>Baki pada 31 Disember 2022</b>	<b>2,202,937</b>	<b>752,528</b>	<b>1,927,776</b>	<b>1,114,467</b>	<b>1,664,031</b>	<b>1,134,634</b>	<b>-</b>	<b>8,796,373</b>	
<b>NILAI BAWAAN</b>									
Pada 1 Januari 2022	108,683	9,091,764	18,884,333	2,396,691	210,299	7	4,058,794	34,750,571	
<b>Pada 31 Disember 2022</b>	<b>762,458</b>	<b>8,907,472</b>	<b>18,412,224</b>	<b>7,994,724</b>	<b>92,613</b>	<b>7</b>	<b>-</b>	<b>36,169,498</b>	
<b>Nilai bawaan Hartanah, Loji dan Peralatan:</b>									
Aset Operasi				7,994,724	89,930	7	-	8,826,581	
Aset Pembangunan	20,538	8,907,472	18,412,224	-	2,683	-	-	27,342,917	



Nilai bawaan

Pada 1 Januari 2022 108,683 9,091,764 18,884,333 2,396,691 210,299 7 4,058,794 34,750,571

Pada 31 Disember 2022 762,458 8,907,472 18,412,224 7,994,724 92,613 7 - 36,169,498

Nilai bawaan Hartanah, Loji dan Peralatan:  
Aset Operasi 7,994,724 89,930 7 - 8,826,581

Aset Pembangunan 20,538 8,907,472 18,412,224 - 27,342,917

PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

KOS:	Perabot & Peralatan pejabat	RM	Tanah Hakmilik Sementara	RM	Bangunan Hakmilik Sementara	RM	Komputer & Peralatan berkaitan komputer	RM	Kenderaan	RM	Ubahsuaihan di dalam pembinaan	RM	Jumlah	RM
					Ubahsuaihan		Komputer & Peralatan berkaitan komputer				Ubahsuaihan di dalam pembinaan		Jumlah	
<b>Baki pada 1 Januari 2021</b>	2,476,704	9,660,000	20,340,000		3,031,158		1,704,266	1,312,580			92,414		38,617,122	
Tambahan dalam tahun	48,625	-	-		-		117,822	-			3,966,380		4,132,827	
Kurangan dalam tahun	-	-	-		-		-	(177,939)			-		(177,939)	
<b>Baki pada 31 Disember 2021</b>	<b>2,525,329</b>	<b>9,660,000</b>	<b>20,340,000</b>		<b>3,031,158</b>		<b>1,822,088</b>	<b>1,134,641</b>			<b>4,058,794</b>		<b>42,572,010</b>	
<b>SUSUT NILAI TERKUMPUUL:</b>														
<b>Baki pada 1 Januari 2021</b>	2,366,018	383,943	983,559		331,351		1,459,627	1,312,572			-		6,847,070	
Susut nilai tahun semasa	50,628	184,293	472,108		303,116		142,162	-			-		1,152,307	
Kurangan dalam tahun	-	-	-		-		-	(177,938)			-		(177,938)	
<b>Baki pada 31 Disember 2021</b>	<b>2,416,646</b>	<b>568,236</b>	<b>1,455,667</b>		<b>634,467</b>		<b>1,611,789</b>	<b>1,134,634</b>			-		<b>7,821,439</b>	

NILAI BAWAAN

Pada 1 Januari 2021	110,686	9,276,057	19,356,441	2,699,807	234,639	8	92,414	31,770,052
<b>Pada 31 Disember 2021</b>	<b>108,683</b>	<b>9,091,764</b>	<b>18,884,333</b>	<b>2,396,691</b>	<b>210,299</b>	<b>7</b>	<b>4,058,794</b>	<b>34,750,571</b>
Nilai bawaan Hartanah, Loji dan Peralatan:								

Aset Operasi	102,020	-	2,396,691	202,086	7	4,058,794	6,759,598
Aset Pembangunan	6,663	9,091,764	18,884,333	-	8,213	-	27,990,973

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**9. HARTANAH PELABURAN**

	Tanah dan Bangunan RM	Tanah Pajakan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2022	24,826,000	453,069,476	<b>477,895,476</b>
<b>Baki pada 31 Disember 2022</b>	<b>24,826,000</b>	<b>453,069,476</b>	<b>477,895,476</b>

Tanah pajakan merupakan tanah yang dipajak daripada Persuruhjaya Tanah Persekutuan selama 99 tahun bagi pembangunan projek Kedah Rubber City. Tanah ni akan dipajak semula kepada pihak ketiga.

**10. ASET TAK KETARA**

	Perisian Komputer RM	Jumlah RM
<b>KOS:</b>		
Pada 1 Januari 2022	141,098	<b>141,098</b>
Tambahan dalam tahun/ Pengkelasan dalam tahun	3,571	<b>3,571</b>
Kurangan dalam tahun	(39,975)	<b>(39,975)</b>
<b>Baki pada 31 Disember 2022</b>	<b>104,694</b>	<b>104,694</b>
<b>SUSUT NILAI TERKUMPUL:</b>		
Baki pada 1 Januari 2022	98,711	<b>98,711</b>
Susut nilai tahun semasa	27,278	<b>27,278</b>
Kurangan dalam tahun	(39,958)	<b>(39,958)</b>
<b>Baki pada 31 Disember 2022</b>	<b>86,031</b>	<b>86,031</b>
<b>NILAI BAWAAN</b>		
Pada 1 Januari 2022	<b>42,387</b>	<b>42,387</b>
Pada 31 Disember 2022	<b>18,663</b>	<b>18,663</b>
		23,724

**11. KERJA DALAM KEMAJUAN**

	2022 RM	2021 RM
<b>KOS:</b>		
Baki pada awal tahun	<b>405,397,007</b>	285,054,927
Tambahan	<b>198,195,257</b>	120,342,080
<b>Baki pada akhir tahun</b>	<b>603,592,264</b>	<b>405,397,007</b>

Kerja dalam kemajuan adalah kos kerja-kerja pembinaan yang sedang dilaksanakan bagi cadangan projek-projek pembangunan di bawah geran pembangunan.

PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

12. GERAN TERTUNDA

	Dana Pembangunan RM	Dana Teraju RM	Yayasan Petronas RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2021	499,800,713	525,315	2,850,000	503,176,028
Terimaan dalam tahun	161,084,456	-	8,896,150	169,980,606
Pelunasan dalam tahun	(189,194,381)	-	(7,773,000)	(196,967,381)
Pelarasan dalam tahun	(26,008)	(525,315)	-	(551,323)
<b>Pada 31 Disember 2021</b>	<b>471,664,780</b>	<b>-</b>	<b>3,973,150</b>	<b>475,637,930</b>
 <b>Pada 1 Januari 2022</b>	 <b>471,664,780</b>	 <b>-</b>	 <b>3,973,150</b>	 <b>475,637,930</b>
Terimaan dalam tahun	399,609,039	-	4,822,150	404,431,189
Pelunasan dalam tahun	(154,314,170)	-	(8,071,860)	(162,386,030)
Pelarasan dalam tahun	(20,378,905)	-	-	(20,378,905)
<b>Pada 31 Disember 2022</b>	<b>696,580,744</b>	<b>-</b>	<b>723,440</b>	<b>697,304,184</b>

13. PENGURUSAN TAMAN INDUSTRI - KEDAH RUBBER CITY

	2022 RM	2021 RM
<b>Baki pada awal tahun</b>	<b>12,472,317</b>	<b>1,942,340</b>
Tambahan dalam tahun:	-	10,529,977
Perbelanjaan dalam tahun:		
- Cukai tanah	(6,039,600)	-
- Kos pengurusan	(938,194)	-
- Promosi & pemasaran	(280,534)	-
- Lain-lain kos	(13,277)	-
<b>Baki pada akhir tahun</b>	<b>5,200,712</b>	<b>12,472,317</b>

14. PAJAKAN KEWANGAN

	2022 RM	2021 RM
Bayaran minimum pajakan kewangan:		
Bayaran balik dalam tempoh 1 tahun	38,260	38,260
Bayaran balik diantara lebih dari 1 tahun	3,634,700	3,672,960
 (tolak ): Faedah tertunda	 <b>3,672,960</b>	 <b>3,711,220</b>
Dianalisa seperti berikut:		
Matang dalam tempoh 1 tahun	293	278
Matang selepas tempoh 1 tahun sehingga 5 tahun	1,709	1,625
Matang selepas tempoh 6 tahun sehingga 99 tahun	727,197	727,574
 <b>729,199</b>	 <b>729,477</b>	

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**15. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	RM	RM
Pelbagai pemutang	28,067,239	47,896,973
Perbelanjaan terakru	23,262,399	8,994,423
	<b>51,329,638</b>	<b>56,891,396</b>

Semua pembayaran kepada pemutang akan diselesaikan pada tahun 2023.

**16. DANA PEMBANGUNAN**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	RM	RM
Baki pada awal tahun	52,816,973	52,823,498
Keuntungan daripada peningkatan nilai semasa aset	-	635,000
Tambahan dalam tahun	16,182	26,008
Susunilai tahunan harta tanah, loji dan peralatan	(664,237)	(667,533)
Baki pada akhir tahun	<b>52,168,918</b>	<b>52,816,973</b>

Dana pembangunan terdiri daripada geran pembangunan yang digunakan bagi pemilikan aset tetap, tanah dan bangunan.

**17. RIZAB PENILAIAN SEMULA - KEDAH RUBBER CITY (KRC)**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	RM	RM
Baki pada awal tahun	453,069,476	251,660,000
Pelunasan geran - Hartanah Pelaburan KRC	37,982	37,995
Keuntungan daripada peningkatan nilai semasa aset	-	201,409,476
Belanja faedah atas pajakan kewangan	(37,982)	(37,995)
Baki pada akhir tahun	<b>453,069,476</b>	<b>453,069,476</b>

**18. HASIL URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	RM	RM
Geran mengurus	50,362,723	27,949,000
Pelunasan Geran Pembangunan	162,386,030	196,967,381
Pertambahan Aset Dana Pembangunan	16,182	26,008
	<b>212,764,935</b>	<b>224,942,389</b>

NCIA telah menerima kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Unit Perancang Ekonomi, JPM untuk menggunakan lebihan dana Kumpulan Wang Pembangunan (DE) sedia ada untuk kos operasi sebanyak RM20,362,723.

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**19. EMOLUMEN**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	RM	RM
Gaji	25,312,710	24,226,417
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	4,452,465	3,948,729
Kumpulan Wang Keselamatan Sosial	193,875	180,871
Elaun kenderaan	1,978,095	1,925,813
Elaun perjalanan	45,210	50,216
Lain-lain kos	4,072,043	1,123,810
	<b>36,054,398</b>	<b>31,455,856</b>

Pada akhir tahun kewangan jumlah keseluruhan kakitangan NCIA adalah seramai 259 orang (2021 :259 orang)

**20. KOS OPERASI LAIN**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	RM	RM
Penginapan dan perjalanan	3,119,484	1,461,554
Fi guaman dan profesional	1,069,323	1,929,181
Elaun Ahli Majlis NCIA	65,000	36,617
Elaun Ahli Jawatankuasa Pengurusan	22,000	38,000
Elaun Ahli Jawatankuasa Tender	14,000	11,000
Elaun Ahli Jawatankuasa Audit	8,000	10,500
Kos percetakan dan alat tulis	435,996	392,290
Caj bank	1,189	604
Kos utiliti	798,565	653,591
Pos dan penghantaran	4,739	3,105
Kos telekomunikasi	858,820	846,448
Fi audit	28,600	33,210
Sewaan peralatan lain	1,129,511	1,530,097
Kerugian daripada perlupusan harta tanah, loji dan peralatan	14,470	1
	<b>7,569,697</b>	<b>6,946,198</b>

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**21. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	RM	RM
Infrastruktur/Projek Fizikal	35,434,276	106,761,553
Program modal insan	115,915,645	81,677,593
Perniagaan tani	1,655,729	1,284,265
Pusat kecemerlangan dan Program R&D	4,262,197	2,529,273
Kajian	4,871,599	3,428,874
Lain-lain	246,584	1,285,823
	<b>162,386,030</b>	<b>196,967,381</b>

Program modal insan adalah termasuk program-program pembangunan sosioekonomi dan program pembasmian kemiskinan di seluruh NCER.

**22. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN**

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti NCIA sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli NCIA sahaja dimana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	RM	RM
Jumlah ganjaran	109,000	96,117

**23. INSTRUMEN KEWANGAN – DASAR PENGURUSAN RISIKO**

Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, NCIA mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institusi kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi dan institusi yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan sahaja.

Objektif NCIA adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. NCIA hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi NCIA bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa NCIA akan menghadapi kesukaran dalam menempuh kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan NCIA kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti NCIA pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

	Dalam tempoh setahun	Lebih tempoh setahun	Jumlah
	RM	RM	RM
<b>Pada 31 Disember 2022</b>			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	51,329,638	-	51,329,638
Pajakan kewangan	293	728,906	729,199
	<b>51,329,931</b>	<b>728,906</b>	<b>52,058,837</b>

**Pada 31 Disember 2021**

Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	56,891,396	-	56,891,396
Pajakan kewangan	278	729,199	729,477
	<b>56,891,674</b>	<b>729,199</b>	<b>57,620,873</b>

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan NCIA akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.


Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pendedahan NCIA kepada risiko kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman mereka. Pelaburan NCIA dalam aset kewangan kebanyakannya untuk jangka pendek dan kebanyakannya adalah deposit kewangan.

Aset dan liabiliti kewangan NCIA yang lain adalah tidak mempunyai kesan ketara atas Penyata Prestasi Kewangan NCIA.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.



**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**24. KOMITMEN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**

	<b>2022</b> <b>RM</b>	<b>2021</b> <b>RM</b>
<b>Diluluskan dan dikontrakkan</b>		
Komitmen perbelanjaan pembangunan	743,097,439	396,057,311

**25. KOMITMEN PERBELANJAAN OPERASI DAN MODAL**

	<b>2022</b> <b>RM</b>	<b>2021</b> <b>RM</b>
<b>Diluluskan dan dikontrakkan</b>		
Komitmen perbelanjaan operasi dan modal	-	4,486,631

**26. LIABILITI LUAR JANGKA**

NCIA telah menandatangani MOU pada 29 Mac 2010 dan perjanjian pada 17 Januari 2011 bagi Program Akuakultur Selinsing Perak (PASP) dengan syarikat Hannan Corporation Sdn Bhd (Hannan). Pihak NCIA telah melakukan penilaian pencapaian projek dan pemeriksaan di lapangan pada 2017 dan memutuskan bahawa Hannan telah gagal memenuhi terma perjanjian.

NCIA memulakan prosiding undang-undang terhadap Hannan pada tahun 2018 dan prosiding tersebut mengambil masa lebih kurang empat (4) tahun dari tahun 2018 sehingga tahun 2022.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membuat keputusan yang memihak kepada NCIA pada 30 Julai 2021 dimana Hannan dikehendaki membayar kepada NCIA sejumlah wang sebanyak RM25,181,012.80 dengan faedah berterusan pada kadar 5% bermula 25 Mei 2018 sehingga selesai bayaran penuh.

Kegagalan Hannan untuk memenuhi kehendak Penghakiman ini telah menyebabkan NCIA menfaikan Petisyen Penggulungan (Winding-Up Petition) terhadap Hannan dimana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memuktamadkan penggulungan syarikat itu pada 1 April 2022.

Hannan telah menfaikan permohonan rayuan kepada Mahkamah Rayuan Putrajaya terhadap Penghakiman Penggulungan dimana pada 11 Januari 2023, Jabatan Insolvensi telah memaklumkan kepada Mahkamah Rayuan bahawa Hannan telah gagal untuk mengemukakan bond yang diperlukan sebagai pengabsahan untuk meneruskan rayuan tersebut.

Mahkamah Rayuan telah memberi tempoh sehingga 3 Mac 2023 untuk Hannan menyelesaikan bayaran bond tersebut kepada Jabatan Insolvensi dimana jika Hannan gagal boleh menyebabkan rayuan mereka akan ditolak.





#### **DIREKTORI**

PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)  
IBU PEJABAT  
No. 1114, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18,  
Penang Science Park,  
14100 Simpang Ampat,  
Pulau Pinang, MALAYSIA  
Tel : +(604) 502 0708  
Faks : +(604) 502 0194

---

#### **PEJABAT PERLIS**

Aras Bawah, Pejabat Pentadbiran CVIA-IBC,  
Jalan Ulu Pauh – Padang Besar,  
Chuping, Mukim Titi Tinggi  
02100 Padang Besar,  
Perlis, MALAYSIA  
Tel : +(604) 946 2793  
Faks : +(604) 946 2651

#### **PEJABAT PERAK**

Aras 10 (Office 9),  
Menara Perak Techno Trade Centre (PTTC),  
Bandar Meru Raya,  
Off Jalan Jelapang,  
30020 Ipoh,  
Perak, MALAYSIA  
Tel : +(605) 525 3617  
Faks : +(604) 525 3615

#### **PEJABAT KEDAH**

No. 30A, Tingkat 2, Wisma PKNK,  
Jalan Sultan Badlishah,  
05000 Alor Setar,  
Kedah, MALAYSIA  
Tel : +(604) 732 9881  
Faks : +(604) 734 2881

#### **PEJABAT CYBERJAYA**

C-09-02, C-09-3A & C-09-06, iTech Tower,  
Jalan Impact, Cyber 6,  
63000 Cyberjaya,  
Selangor, MALAYSIA  
Tel : +(603) 8322 2222  
Faks : +(604) 8322 6417